

TRANSKRIPSI PUISI MELAYU DALAM CERITA RAKYAT  
MELAYU BERDASARKAN TEKS SEUNTAIAN NARATIF  
*LISAN DI LEMBANGAN SUNGAI PENGKALAN DATU,*  
KELANTAN: SATU ANALISIS NILAI-NILAI MURNI

PUTRI NUR-ANIS BALQIS BINTI YAZIK

UNIVERSITI  
MAJLAYSIA  
IJAZAH SARJANA MUDA  
KELANTAN

2022

FTKWW



TRANSKRIPSI PUISI MELAYU DALAM CERITA RAKYAT  
MELAYU BERDASARKAN TEKS SEUNTAIAN NARATIF  
*LISAN DI LEMBANGAN SUNGAI PENGKALAN DATU,*  
*KELANTAN: SATU ANALISIS NILAI-NILAI MURNI*

PUTRI NUR-ANIS BALQIS BINTI YAZIK

TESIS INI DIKEMUKAKAN SEBAGAI MEMENUHI  
KEPERLUAN UNTUK IJAZAH SARJANA MUDA  
PENGAJIAN WARISAN DENGAN KEPUJIAN

FAKULTI TEKNOLOGI KREATIF DAN WARISAN  
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

## PENGESAHAN TESIS

Saya dengan ini mengesahkan bahawa kerja yang terkandung dalam tesis ini adalah hasil penyelidikan yang asli dan tidak pernah dikemukakan untuk ijazah tinggi kepada mana-mana Universiti atau institusi.



TERBUKA

Saya bersetuju bahawa tesis boleh didapati sebagai naskah keras atau akses terbuka dalam talian (teks penuh)



SEKATAN

Saya bersetuju bahawa tesis boleh didapati sebagai naskah keras atau dalam teks (teks penuh) bagi tempoh yang diluluskan oleh Jawatankuasa Pengajian Siswazah

Dari tarikh \_\_\_\_\_ sehingga \_\_\_\_\_



SULIT

(Mengandungi maklumat sulit di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972)



TERHAD

(Mengandungi maklumat terhad yang ditetapkan oleh organisasi di mana penyelidikan dijalankan)

Saya mengakui bahawa Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak berikut. Tesis adalah milik Universiti Malaysia Kelantan. Perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak untuk membuat salinan untuk tujuan pengajaran sahaja. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajaran.

@umk

Tandatangan

980715115394

No. Kad Pengenalan

Tarikh : 22 Februari 2022

G. Somp

Tandatangan Penyelia'

Dr. Mohd Firdaus Che Yaacob

Nama Penyelia

Tarikh : 28/2/2022

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

## PENGHARGAAN

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Selamat Sejahtera.

"Dengan nama Allah Yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang", segala puji dan syukur ke hadrat Ilahi, Yang Maha Pengampun lagi Maha Mengasihani, selawat dan salam ke atas junjungan Rasul Nabi Muhammad SAW.

Bersyukur ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah kurniaNya akhirnya saya berjaya menyempurnakan penyelidikan ini. Oleh itu, dalam menyempurnakan segala penyelidikan ini, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung. Pada kesempatan ini, saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih yang tidak terhingga kepada pensyarah saya iaitu Dr. Mohd Firdaus Bin Che Yaacob yang telah banyak memberi tunjuk ajar serta bimbingan bagi menyempurnakan penyelidikan ilmiah ini. Semoga segala jasa baik dan amal yang disumbangkan oleh beliau akan memperolehi ganjaran, hidayah dan petunjuk dari Allah SWT.

Dalam pada masa yang sama, saya juga ingin mengambil kesempatan untuk merakamkan ucapan ribuan terima kasih yang tidak terhingga kepada ibu bapa serta keluarga tersayang atas dorongan dan sokongan kepada saya sepanjang menjalankan penyelidikan ini. Selain itu, jutaan terima kasih juga diucapkan kepada rakan-rakan seperjuangan yang banyak membantu dan memberi kerjasama yang baik sepanjang menyempurnakan penyelidikan ini. Segala jasa dan pengorbanan yang diberikan amat saya hargai.

Akhir kata, saya berharap penyelidikan yang dijalankan ini dapat memberi pendedahan serta pengetahuan yang mendatangkan manfaat yang meluas kepada masyarakat agar warisan peninggalan nenek-moyang yang sangat bernilai ini terus dipelihara agar tidak luput ditelan zaman dan sentiasa mekar sehingga ke generasi yang seterusnya. Segala kekurangan dalam penyelidikan ini adalah kelemahan daripada diri saya sendiri dan segala yang baik itu datang daripada keizinan dan pertolongan Allah SWT.

Sekian, terima kasih.

Putri Nur-Anis Balqis Binti Yazik  
1150 Blok 7 Felda Tunggal,  
81900 Kota Tinggi,  
Johor.  
012-793 6461  
[putri.c18a0375@siswa.umk.edu.my](mailto:putri.c18a0375@siswa.umk.edu.my)

## ISI KANDUNGAN

Bil	Halaman
PENGESAHAN TESIS	I
PENGHARGAAN	II
ISI KANDUNGAN	III
SENARAI JADUAL	V
SENARAI CARTA	VI
SENARAI RAJAH	VII
ABSTRAK	VIII
ABSTRACT	IX
BAB 1 PENDAHULUAN	1
1.1 Pengenalan	1
1.2 Penyataan Masalah	5
1.3 Persoalan Kajian	7
1.4 Objektif kajian	8
1.5 Batasan Kajian	9
1.6 Kepentingan Kajian	11
1.7 Definisi Operasional	13
1.7.1 Transkripsi	13
1.7.2 Puisi	14
1.7.3 Melayu	15
1.7.4 Naratif Lisan	16
1.7.5 Lembangan	17
1.7.6 Nilai Murni	17
1.8 Organisasi Kajian	19
1.9 Penutup	21
BAB 2 SOROTAN KAJIAN LEPAS	22
2.1 Pengenalan	22
2.2 Pengkajian Naratif Lisan Di Malaysia	22
2.3 Teori Pengkaedahan Melayu Dalam Karya-Karya Sastera Melayu	43
2.4 Penutup	53
BAB 3 METODOLOGI KAJIAN	54
3.1 Pengenalan	54
3.2 Rekabentuk Kajian	54
3.3 Kaedah Kajian	54
3.3.1 Kajian Kepustakaan	55
3.3.2 Rujukan Teks Atau Dokumen	55
3.4 Teori Pengkaedahan Melayu	56
3.4.1 Pengkaedahan Alamiah	56
a) Pendekatan Gunaan	57
b) Pendekatan Moral	58
c) Pendekatan Firasat	58
3.4.2 Pengkaedahan Keagamaan	59
a) Pendekatan Dakwah	59
b) Pendekatan Kemasyarakatan	60
c) Pendekatan Seni	60
3.5 Kerangka Konseptual	62
3.6 Penutup	63

<b>BAB 4 ANALISIS DAN DAPATAN KAJIAN</b>	
4.1 Pengenalan	64
4.2 Nilai Baik Hati	64
4.2.1 Nilai Baik Hati Melalui Sikap Belas Kasihan	65
4.2.2 Nilai Baik Hati Melalui Sikap Pemurah	67
4.2.3 Nilai Baik Hati Melalui Sikap Pemaaf	69
4.2.4 Nilai Baik Hati Melalui Sikap Memahami	72
4.3 Nilai Berdikari	74
4.3.1 Nlai Berdikari Melalui Sikap Tanggungjawab	75
4.3.2 Nilai Berdikari Melalui Sikap Rajin Berusaha	77
4.4 Nilai Hemah Tinggi	79
4.4.1 Nilai Hemah Tinggi Melalui Sikap Beradab	80
4.4.2 Nilai Hemah Tinggi Melalui Sikap Ramah Mesra	82
4.4.3 Nilai Hemah Tinggi Melalui Sikap Berterus-Terang Akan Kesalahan	84
4.5 Nilai Hormat-Menghormati	87
4.5.1 Nilai Hormat-Menghormati Melalui Sikap Menghormati Orang Tua	88
4.5.2 Nilai Hormat-Menghormati Melalui Sikap Hormat Hormat Kepada Kepercayaan Dan Adat Resam	90
4.5.3 Nilai Hormat-Menghormati Melalui Sikap Menghormati Kedudukan Raja	92
4.6 Nilai Keberanian	95
4.6.1 Nilai Keberanian Melalui Sikap Berani Dalam Mempertahankan Diri	95
4.6.2 Nilai Keberanian Melalui Sikap Mempunyai Pendirian	98
4.6.3 Nilai Keberanian Melalui Sikap Berani Bertanggungjawab	100
4.7 Nilai Kejujuran	102
4.7.1 Nilai Kejujuran Melalui Sikap Amanah	103
4.7.2 Nilai Kejujuran Melalui Sikap Berkata Benar	105
4.7.3 Nilai Kejujuran Melalui Sikap Keikhlasan	107
4.8 Nilai Kerjasama	110
4.8.1 Nilai Kerjasama Melalui Sikap Tanggungjawab Bersama	110
4.8.2 Nilai Kerjasama Melalui Sikap Saling Toleransi	113
4.9 Penutup	116
<b>BAB 5 RUMUSAN</b>	117
5.1 Pengenalan	117
5.2 Rumusan	118
5.3 Cadangan	124
5.4 Penutup	126
<b>RUJUKAN</b>	127
<b>LAMPIRAN</b>	135
<b>BIODATA PENULIS</b>	155

SENARAI JADUAL

Jadual 1.5: Jenis Nilai Murni dan Tajuk Puisi

Halaman  
10



UNIVERSITI  
—  
MALAYSIA  
—  
KELANTAN

## SENARAI CARTA

Carta 3.4.1: Jenis Pengkaedahan Alamiah  
Carta 3.4.2: Jenis Pengkaedahan Keagamaan

Halaman
57
59



UNIVERSITI  
—  
MALAYSIA  
—  
KELANTAN

SENARAI RAJAH

Rajah 3.1: Kerangka Konseptual

Halaman  
62



UNIVERSITI  
—  
MALAYSIA  
—  
KELANTAN

FTKW

Transkripsi Puisi Melayu Dalam Cerita Rakyat Melayu Berdasarkan Teks *Seuntaian Naratif Lisan Di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan*: Satu Analisis Nilai-Nilai Murni

ABSTRAK

Puisi terkandung dalam genre sastera yang membantu membentuk akhlak dan pembangunan sahsiah dan tamadun manusia. Kajian ini direka untuk mengisi kekosongan dalam kajian lepas yang belum dijalankan mengenai nilai-nilai murni dalam transkripsi puisi Melayu dalam cerita rakyat Melayu. Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti dan menganalisis nilai-nilai murni yang terkandung dalam puisi Melayu melalui transkripsi daripada cerita rakyat Melayu berdasarkan teks *Seuntaian Naratif Lisan Di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan*. Oleh itu, menerusi kajian ini pengkaji membataskan teks *Seuntaian Naratif Lisan Di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan* yang ditulis oleh Mohd Firdaus Che Yaacob. Teks ini dipilih kerana mengandungi pelbagai nilai murni yang terkandung dalam cerita rakyat terpilih untuk mengawal tingkah laku dan pertuturan masyarakat. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif dengan merujuk kepustakaan dan rujukan teks serta dokumen. Seterusnya, pengkaji mengaplikasikan Teori Pengkaedahan Melayu bagi mengukuhkan lagi kajian ini. Hasil daripada kajian ini, pengkaji telah membuktikan bahawa transkripsi puisi Melayu dalam cerita rakyat Melayu memberi impak yang besar kepada pembentukan budaya masyarakat Melayu yang boleh mengubah tingkah laku dan pertuturan serta membentuk serta menjana modal insan yang berjiwa murni.

Kata Kunci: Kesusateraan, Puisi Melayu, Naratif Lisan, Cerita Rakyat, Nilai-Nilai Murni, Teori Pengkaedahan Melayu

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

An Analysis of Pure Values in the Transcription of Malay Poetry in Malay Folklore Based on the Text of *A Strand of Oral Narrative At Pengkalan Datu River Basin, Kelantan*.

ABSTRACT

Poetry is a literary genre that aids in the development of morality, personality, and human civilisation. Research was carried out to fill a gap in prior studies on noble value in the transcription of Malay poetry and Malay folklore. Through transcriptions of Malay folk tales based on the text of *A Strand of Oral Narrative At Pengkalan Datu River Basin, Kelantan*, this study intends to identify and examine the noble ideals included in Malay poetry. As a result of this investigation, the researcher has limited the text of Mohd Firdaus Che Yaacob of *A Strand of Oral Narrative At Pengkalan Datu River Basin, Kelantan*. This book was chosen because it contains a variety of noble principles found in selected folklore that were used to control the community's behaviour and speech. The literature, as well as text and document references, are used in this qualitative investigation. The researcher then used the Malay Methodology Theory to improve the study even further. As a consequence of this research, researchers have demonstrated that the transcription of Malay poetry into Malay folklore has a substantial impact on the construction of Malay culture, which can affect behaviour, speech, and form, and generate human capital with a pure spirit.

Keywords: Literature, Malay Poetry, Oral Narrative, Folklore, Moral Values, Malay Methodology Theory

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

## BAB 1

### PENDAHULUAN

#### 1.1 Pengenalan

Menjurus ke arah kepesatan teknologi, bidang kesusasteraan masih lagi memainkan peranan penting dalam mengekalkan ketamadunan masyarakat. Kesusasteraan dapat dikaitkan melalui pemikiran yang telah dihasilkan oleh masyarakat yang tidak mengira bangsa. Bentuk pemikiran ini adalah berbentuk lisan ataupun tulisan. Hal ini, pemikiran pengarang yang diterapkan dalam setiap karya sastera ini sememangnya ada kaitan terhadap perkara-perkara yang terjadi di dalam kelompok sesuatu bangsa (Nazri Atoh, Saipolbarin Ramli, Zamri Arifin & Zubir Idris, 2020).

Seperti yang kita tahu, karya sastera ialah sebuah karya yang berfaedah serta indah kerana pembentukannya berdasarkan siratan bahasa serta jalinan. Sastera bertujuan untuk mengasuh dan mendidik hati masyarakat dengan nilai-nilai murni yang diterapkan kepada setiap karya-karya sastera. Bukan itu sahaja, sastera juga dianggap sebagai medium penjaga beradaban sepanjang zaman. Oleh itu, karya-karya sastera merupakan khazanah yang bernilai dalam masyarakat Melayu. Kandungan dalam karya-karya sastera yang mengandungi norma, nilai dan juga gaya hidup orang melayu perlulah diwarisi dan dikekalkan oleh generasi pada masa kini (Samsudin, 2001).

Seterusnya, puisi adalah sebuah dendangan lagu yang mempunyai alunan rentak yang tersendiri seperti syair yang menjadi alat hiburan yang mengandungi nasihat dan pengajaran. Puisi ialah fikiran serta hati nurani dalam jiwa seorang penyair. Hal ini, penerapan bahasa yang puitis dan indah dalam merungkai segala mesej serta persoalan yang terkandung dalam sebuah puisi. Puisi terkandung dalam genre sastera

yang berfungsi untuk membentuk pembangunan moral dan sahsiah serta peradaban manusia (Ani Omar, 2005).

Selain itu, sebuah puisi merangkumi puisi moden iaitu sajak terdiri daripada bentuk dan isi. Hal ini, puisi moden iaitu sajak dapat ditakrifkan sebagai mesej, perasaan, pemikiran, idea dan tema yang disampaikan oleh penyair atau dikenali sebagai penulis puisi. Bentuk dikatakan sebagai perantaraan yang digunakan dalam penyampaian isi. Penyampaian yang digunakan oleh penyair ialah bahasa. Oleh itu, penyair menggunakan bahasa yang dikenali sebagai gaya bahasa agar menonjolkan identiti seorang penyair tersebut (Zurinah Hassan, 2001).

Selanjutnya, puisi Melayu juga dikatakan tergolong dalam genre tradisional yang dikatakan muncul sebelum adanya tulisan pencetakan. Bukan itu sahaja, puisi Melayu tradisional juga telah berkembang dengan prosa tradisional secara serentak. Hal ini juga, terdapat banyak kehadiran genre puisi tradisional dalam cerita-cerita rakyat dan karya hikayat. Setiap genre puisi ini mempunyai keunikan yang tersendiri dan mengandungi pelbagai pengajaran di dalamnya yang bertujuan memberi hiburan serta didikan kepada masyarakat Melayu.

Sebenarnya, cerita rakyat telah wujud pada suatu ketika dahulu yang mengisahkan sesuatu peristiwa yang terjadi dalam suatu tempat. Watak-watak utama yang diceritakan dalam cerita rakyat adalah berbeza antaranya watak dalam bentuk manusia, binatang dan juga dewa. Cerita rakyat ini kebiasaannya berdasarkan budaya dalam kelompok suatu masyarakat melalui bahasa yang dikaitkan dengan pelbagai budaya yang ada dalam diri masyarakat menerusi nilai-nilai sosial di sesuatu tempat tersebut.

Bukan itu sahaja, cerita rakyat merupakan karya sastera yang berbentuk lisan yang lahir daripada masyarakat terdahulu dan dikembangkan melalui bentuk relatif tetap serta melalui kolektif yang tertentu dalam masa yang sangat lama yang mengaplikasikan kata klise (Danandjaja, 2007). Ciri-ciri cerita rakyat ialah bersifat sinonim iaitu tidak mempunyai nama pengarang, dan bersifat komunal iaitu cerita rakyat ini wujud secara kolektif. Cerita rakyat disampaikan dengan cara lisan secara berperingkat dari zaman nenek moyang sehingga ianya masih terkenal sehingga kini. Hal ini, cerita rakyat berkembang dari mulut ke mulut. Cerita rakyat dibahagikan kepada tiga kategori iaitu lagenda, dongeng dan mitos.

Dalam masa yang sama, cerita rakyat mempunyai kandungan yang berkisahkan tentang peristiwa yang dialami oleh masyarakat pada setiap hari dan mengandungi nilainya yang tersendiri sama ada nilai positif mahupun nilai negatif. Cerita rakyat terkandung dalam karya sastera yang bertujuan sebagai hiburan terutama dalam kalangan kanak-kanak dengan kisah-kisah yang menarik. Hal ini, cerita rakyat mempunyai unsur perasaan yang kelakar, sedih dan banyak lagi (Taum, 2011).

Selain itu juga, cerita rakyat dihasilkan melalui refleksi daripada kehidupan yang diperolehi melalui imaginasi dan juga cara penulisan yang kreatif sehingga dapat mencipta karya-karya yang indah dan menarik untuk dipersembahkan kepada pembaca dan juga peminat karya-karya sastera. Cerita rakyat merupakan gambaran kehidupan yang mengandungi norma dan nilai-nilai yang terdapat dalam masyarakat dengan tujuan untuk mendidik. Bukan itu sahaja, cerita rakyat ini mampu memberikan penghayatan, perenungan serta tindakan daripada pembaca melalui cerita rakyat yang mengandungi nilai-nilai yang mencorakkan generasi pada masa akan datang.

Untuk mengetahui lebih lanjut, cerita rakyat mempunyai fungsi yang tersendiri yang memberikan keunikan pada penghasilan cerita rakyat itu. Fungsi cerita rakyat ialah sebagai rasa semangat setiakawan antara kelompok masyarakat yang memiliki cerita rakyat tersebut. Hal ini dikatakan demikian kerana, pada asalnya, cerita rakyat ini wujud dalam kelompok masyarakat yang tidak diketahui siapa pemilik yang mencipta kisah-kisah cerita rakyat. Cerita rakyat juga berfungsi sebagai tokoh kepada nilai-nilai yang terdapat dalam suatu masyarakat kerana ianya memberi pengajaran yang dijadikan sebagai panduan bagi masyarakat. Cerita rakyat juga mengawal tingkah laku serta pergaulan dalam masyarakat secara turun-temurun berdasarkan pantang-larang yang ditetapkan pada suatu ketika dahulu (Purwanto, 2014).

Berdasarkan kefahaman saya, cerita rakyat ini dicipta sejak turun temurun melalui nenek moyang terdahulu kepada satu generasi yang seterusnya untuk dijadikan sebagai pedoman dalam kehidupan. Hal ini, kisah-kisah cerita rakyat banyak mengandungi nilai-nilai murni sebagai pengajaran serta didikan untuk mencorakkan tingkah laku generasi pada masa kini. Cerita rakyat ini sangat berkaitan dengan puisi Melayu terutama dalam penggunaan bahasa dalam penyampaian penceritaan. Hal ini, bahasa yang digunakan sangat difahami dan memberi kesan kepada pendengar. Cerita rakyat disampaikan dari mulut ke mulut kerana belum wujudnya teknologi tulisan pencetakan. Oleh itu, pada waktu itu bahasa adalah sesuatu yang penting sekali semasa penghasilan karya. Hal ini dikatakan demikian kerana, bahasa yang indah akan mempengaruhi cara penyampaian agar sebuah cerita itu akan lebih menarik.

## 1.2 Penyataan Masalah

Penyataan masalah atau dikenali sebagai “*Problem Statements*” merupakan perkara yang akan dibuktikan sama ada ianya benar atau salah. Penyataan masalah bukan hanya sekadar memberi jawapan terhadap sesuatu masalah itu kerana secara kesimpulannya pernyataan merupakan perkara yang bernilai benar atau salah (Mahyuddin, 2017).

Kajian mengenai cerita rakyat sememangnya telah banyak dijalankan oleh pengkaji-pengkaji terdahulu. Hal ini dikatakan demikian kerana, terdapat beberapa pengkaji sebelum ini telah menjalankan penyelidikan mengenai cerita rakyat iaitu Tuan Siti Nurul Suhadah Tuan Adnan dan Mohd Firdaus Che Yaacob (2020) menerusi kajian mengenai *Akal Budi Dalam Naratif Lisan Penduduk Kota Bharu, Kelantan: Satu Penelitian Kemasyarakatan*, Muhammad Nur Al-Hakim Mohamad Hanafiah dan Mohd Firdaus Che Yaacob (2020) menerusi kajiannya mengenai *Nilai-nilai Islam Dan Pembentukan Akhlak Dalam Cerita Rakyat Melayu*, Muhammad Nur Al-Hakim Mohamad Hanafiah dan Mohd Firdaus Che Yaacob (2021) menerusi kajian mengenai *Penemuan Nilai-Nilai Islam Dalam Cerita Rakyat Lisan Melayu: Satu Penelitian Terhadap Pendekatan Karya Dan Khalayak*, Noorzatulhidayah Mohd Hanipah, Daeng Haliza Daeng Jamal dan Nasirin Abdillah (2021) menerusi kajian mengenai *Ritual Dalam Cerita Rakyat Di Mukim Bebar, Pekan, Pahang, Malaysia*, Muhammad Nur Al-Hakim Mohamad Hanafiah dan Mohd Firdaus Che Yaacob (2021) mengenai *Nilai-Nilai Kemanusiaan Dalam Cerita Lisan: Satu Penelitian Takmilah* dan Siti Aishah Jusoh, Mohd Firdaus Che Yaacob dan Nasirin Abdillah (2021) menerusi *Unsur Spiritual Dalam Cerita Lisan Melayu*.

Sudah terang lagi bersuluh, kajian mengenai cerita rakyat telah banyak dijalankan oleh sarjana-sarjana terdahulu. Namun begitu, pengkaji mendapati tidak ada sebarang kajian lepas mengenai nilai-nilai murni yang dijalankan terhadap teks *Seuntaian Naratif Lisan Di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan*. Oleh itu, pengkaji melakukan sesuatu yang berlainan kerana menjalankan kajian ini dengan menghasilkan 20 buah puisi iaitu syair berteraskan nilai-nilai murni yang terkandung dalam cerita rakyat yang terpilih berdasarkan teks *Seuntaian Naratif Lisan Di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan*. Buku ini merupakan terbitan pertama yang belum pernah dikaji oleh tokoh sarjana. Hal ini, pengkaji memilih untuk menghasilkan puisi daripada teks ini untuk membuktikan bahawa teks ini boleh dipelbagaikan dengan pelbagai bentuk dalam usaha memartabatkan cerita rakyat dengan menarik minat generasi muda kerana puisi berfungsi sebagai hiburan di samping menerapkan nilai-nilai murni dalam diri masyarakat.

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

### 1.3 Persoalan Kajian

Menerusi kajian yang dijalankan, pengkaji mengemukakan dua persoalan dalam kajian iaitu:

1.3.1 Apakah nilai-nilai murni yang terkandung dalam puisi Melayu melalui transkripsi daripada cerita rakyat Melayu berdasarkan teks *Seuntaian Naratif Lisan Di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan?*

1.3.2 Bagaimanakah nilai-nilai murni yang terkandung dalam puisi Melayu melalui transkripsi daripada cerita rakyat Melayu berdasarkan teks *Seuntaian Naratif Lisan Di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan?*

#### 1.4 Objektif Kajian

Berdasarkan kajian yang dilakukan, pengkaji akan menjawab segala persoalan kajian yang telah dikemukakan menerusi objektif tersebut:

1.4.1 Mengenal pasti nilai-nilai murni yang terkandung dalam puisi Melayu melalui transkripsi daripada cerita rakyat Melayu berdasarkan teks *Seuntaian Naratif Lisan Di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan.*

1.4.2 Menganalisis nilai-nilai murni yang terkandung dalam puisi Melayu melalui transkripsi daripada cerita rakyat Melayu berdasarkan teks *Seuntaian Naratif Lisan Di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan.*

## 1.5 Batasan Kajian

Kajian yang dilakukan hanya terbatas untuk mengkaji kajian yang bertajuk “*Transkripsi Puisi Melayu Dalam Cerita Rakyat Melayu Berdasarkan Teks Seuntaian Naratif Lisan Di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan: Satu Analisis Nilai-Nilai Murni*”. Buku *Seuntaian Naratif Lisan Di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan* mengkaji kesemua naratif lisan di kawasan kampung dipenuhi dengan nilai-nilai murni di sebalik setiap cerita yang memupuk moral dalam kalangan masyarakat. Buku ini ditulis oleh Mohd Firdaus Che Yaacob yang berkelulusan di Universiti Putra Malaysia dalam Ijazah Sarjana Dengan Kepujian Muda Kesusastraan Melayu, Ijazah Sarjana Sastera (Dengan Tesis) dan Ijazah Doktor Falsafah Pengajian Warisan di Universiti Malaysia Kelantan. Buku *Seuntaian Naratif Lisan Di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan* diterbitkan oleh UMK PRESS pada 1 Disember 2021 dan mengandungi 120 halaman. Buku ini menggunakan bahasa Melayu dalam penyampaianya. Buku ini juga dikatakan sangat sesuai untuk pendidikan.

Selain itu, pengkaji memilih cerita rakyat yang terpilih daripada teks *Seuntaian Naratif Lisan Di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan*. Cerita-cerita rakyat berkenaan dipilih kerana mempunyai nilai-nilai murni yang tersendiri yang boleh membentuk kebaikan terhadap keperibadian serta sahsiah manusia dengan mendidik dan juga menjadikan nilai-nilai murni sebagai rutin kehidupan. Justeru itu, pengkaji membataskan kajiannya dengan meneliti 20 puisi.

Bil	Jenis Nilai Murni	Tajuk Puisi
1.	Nilai Baik Hati Melalui Sikap Belas Kasihan	<i>Disorok Jin</i>
2.	Nilai Baik Hati Melalui Sikap Pemurah	<i>Bidan Tok Haji Esah</i>
3.	Nilai Baik Hati Melalui Sikap Pemaaf	<i>Kepesatan Pengkalan Datu</i>
4.	Nilai Baik Hati Melalui Sikap Memahami	<i>Pemujaan Pantai</i>
5.	Nilai Berdikari Melalui Sikap Tanggungjawab	<i>Asal Usul Datu</i>
6.	Nilai Berdikari Melalui Sikap Rajin Berusaha	<i>Keasyikan Suara Buluh Perindu</i>
7.	Nilai Hemah Tinggi Melalui Sikap Beradab	<i>Kemasyhuran Pantai Pengkalan Datu</i>
8.	Nilai Hemah Tinggi Melalui Sikap Ramah Mesra	<i>Nurani Che Him Dalam Masyarakat</i>
9.	Nilai Hemah Tinggi Melalui Sikap Berterus-Terang Akan Kesalahan	<i>Pokok Tanjung Dan Alat Muzik Yang Bisu</i>
10.	Nilai Hormat-Menghormati Melalui Sikap Menghormati Orang Tua	<i>Tenggelamnya Masjid Pengkalan Datu</i>
11.	Nilai Hormat-Menghormati Melalui Sikap Hormat Kepada Kepercayaan Dan Adat Resam	<i>Pemujaan Pantai</i>
12.	Sikap Hormat-Menghormati Melalui Sikap Menghormati Kedudukan Raja	<i>Simbolik Rebana</i>
13.	Nilai keberanian Melalui Sikap Berani Dalam Mempertahankan Diri	<i>Asal Usul Kampung Babong</i>
14.	Nilai Keberanian Melalui Sikap Mempunyai Pendirian	<i>Tok Karim Guru Silat Masyhur</i>
15.	Nilai Keberanian Melalui Sikap Berani Bertanggungjawab	<i>Tentera Bergajah</i>
16.	Nilai Kejujuran Melalui Sikap Amanah	<i>Haji Long Abdul Rahman</i>
17.	Nilai Kejujuran Melalui Sikap Berkata Benar	<i>Kezaliman Seorang Raja</i>
18.	Nilai Kejujuran Melalui Sikap Keikhlasan	<i>Kegemilangan Pengkalan Datu</i>
19.	Nilai Kerjasama Melalui Sikap Tanggungjawab Bersama	<i>Rumah Api Penyelamat Saudagar</i>
20	Nilai Kerjasama Melalui Sikap Saling Toleransi	<i>Terhempasnya Zero Fighter Jepun Di Ti Lebar</i>

Jadual 1.5: Jenis Nilai Murni dan Tajuk Puisi

Teori Pengkaedahan Melayu digagaskan Hashim Awang (1989) diaplikasikan dalam penyelidikan untuk menganalisis teks *Seuntaian Naratif Lisan Di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan* yang berlandaskan Islam dan jati diri bangsa Melayu. Hal ini dikatakan demikian kerana, Teori Pengkaedahan Melayu diaplikasikan menerusi kajian ini untuk menganalisis nilai-nilai murni melalui pendekatan kemasyarakatan, pendekatan moral dan pendekatan dakwah.

## 1.6 Kepentingan Kajian

Berdasarkan kajian yang telah dilaksanakan oleh pengkaji, dapat dilihat terdapat banyak manfaat yang membawa perubahan yang positif melalui nilai-nilai murni seperti nilai baik hati, nilai berdikari, nilai hormat-menghormati, nilai hemah tinggi, nilai keberanian, nilai kejujuran dan nilai kerjasama. Hal ini, hasil daripada kajian ini banyak memberi impak positif kepada pengkaji, masyarakat, institusi serta negara.

Apabila menjalankan kajian ini, terdapat unsur nilai-nilai murni yang terdapat pada puisi Melayu memberi satu impak yang besar terhadap pengkaji. Hal ini, unsur nilai-nilai murni telah mempengaruhi tingkah laku dan pertuturan pengkaji untuk membentuk sahsiah diri kearah kebaikan dan dapat memperbaiki diri demi mencari keredhaan Allah. Melalui kajian yang dijalankan terhadap teks *Seuntaian Naratif Lisan Di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan* dapat membantu pengkaji menelusuri dengan lebih mendalam mengenai nilai-nilai murni yang terdapat pada puisi Melayu menerusi cerita rakyat Melayu. Penekanan unsur nilai-nilai murni dalam kehidupan dapat mewujudkan modal insan yang berjiwa murni.

Seterusnya, kajian ini memberi impak yang besar kepada masyarakat. Hal ini, aspek nilai-nilai murni terhadap teks *Seuntaian Naratif Lisan Di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan* ini memberi manfaat kepada masyarakat untuk membentuk keperibadian dan tingkah laku dalam aspek nilai-nilai murni kerana nilai yang baik yang diterapkan dalam masyarakat akan melahirkan generasi yang baik juga hasil daripada didikan. Hasil kajian ini dapat memberi didikan kepada masyarakat dengan pendedahan yang lebih mendalam terhadap nilai-nilai murni.

Kemudian, kajian ini turut memberi impak yang positif kepada institusi. Hal ini, aspek nilai-nilai murni terhadap *teks Seuntaian Naratif Lisan Di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan* ini dapat memberi idea dan peluang kepada institusi untuk melakukan kajian tentang nilai-nilai murni yang kurang diketengahkan. Kajian ini sedikit sebanyak membantu para pelajar untuk memperolehi maklumat tambahan terutama pelajar yang mengambil bidang kesusastraan untuk menjadikan kajian ini sebagai rujukan sekiranya menjalankan kajian tentang nilai-nilai murni. Hal ini dikatakan demikian kerana, pelajar akan lebih mengetahui aspek nilai-nilai murni dengan lebih mendalam serta memahami teks yang mengandungi nilai-nilai dan dijadikan landasan kehidupan.

Akhir sekali, kajian ini juga dikatakan memberi impak yang positif kepada negara. Hal ini, aspek nilai-nilai murni terhadap *teks Seuntaian Naratif Lisan Di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan* ini memberi manfaat kepada negara kerana kajian ini boleh diterbitkan dan diletakkan di laman sesawang ilmiah seperti “Google Scholar”, Perpustakaan Awam dan sebagainya. Secara tak langsung, kajian ini dipenuhi manfaat yang berguna masyarakat kerana dapat dijadikan sebagai rujukan pembelajaran dan panduan untuk membentuk keperibadian masyarakat. Bukan itu sahaja, kajian ini juga dapat memperkenalkan cerita rakyat kepada generasi akan datang dan juga seluruh dunia kerana ianya merupakan khazanah peninggalan yang berharga kepada negara.

## 1.7 Definisi Operasional

Kajian yang dijalankan oleh pengkaji bertajuk “Transkripsi Puisi Melayu Dalam Cerita Rakyat Melayu Berdasarkan Teks Seuntaian Naratif Lisan Di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan: Satu Analisis Nilai-Nilai Murni”. Kajian ini telah mengemukakan beberapa kata kunci yang penting untuk ditonjolkan dalam kajian ini seperti istilah transkripsi, puisi, Melayu, naratif lisan, lembangan, nilai murni, dan bahasa.

### 1.7.1 Transkripsi

Transkripsi dapat difahamkan melalui satu penyalinan yang berbentuk lisan yang ditukarkan kepada bentuk tulisan. Transkripsi juga dapat dierangkan sebagai satu perubahan wicara yang ditukarkan menjadi bentuk tulisan yang mempunyai maksud disebalik setiap fonem atau bunyi dengan sesuatu lambang tertentu. Bukan itu sahaja, transkripsi ini sangat penting dalam membuat catatan dan juga salinan dari sebuah pembicaraan kepada bentuk tulisan (Harimurti Kridalaksana, 2001).

Seterusnya, transkripsi juga dapat ditakrifkan sebagai penukaran bahan bertulis seperti skrip atau teks ke dalam bentuk dalam bentuk lain yang menggunakan sistem fonetik iaitu huruf dalam abjad atau fonemik iaitu lambang fonem (*Kamus Dewan*, 2007). Selain itu, menurut Anita Nurhayati (2017) transkripsi ialah data dalam bentuk perbualan yang dirakamkan melalui bentuk lisan yang diperoleh daripada proses temu bual dan kemudian data tersebut akan ditranskripsikan dalam bentuk bertulis. Hal ini, berlaku anjakan bentuk bunyi ke dalam bentuk pertuturan yang disebut sebagai transkripsi.

Sebagai rumusan, melalui pendapat tokoh-tokoh tersebut dapat dirumuskan bahawa transkripsi ialah penukaran bentuk data yang mempunyai maksud dan lambang yang tertentu. Hal ini, kajian ini dijalankan adalah untuk transkripsi cerita rakyat Melayu ke dalam bentuk puisi berdasarkan nilai-nilai murni di dalam cerita rakyat.

### 1.7.2 Puisi

Puisi Melayu Tradisional dikatakan daripada pancaran masyarakat Melayu yang terdahulu. Puisi Melayu sangat berkaitan dengan kebudayaan masyarakat, adat serta persatuan masyarakat. Sebagai contoh, puisi Melayu dari segi pantun. Hal ini, pantun ini dicipta berdasarkan kata-kata, irama, kalimat, pemikiran dan perasaan dalam kehidupan bermasyarakat (Sultan Takdir Alisyahbana, 1971). Puisi dibahagikan kepada dua iaitu puisi Melayu tradisional serta puisi moden. Kedua-dua jenis puisi ini adalah berbeza dari segi jalan irama, bentuk, perasaan, fikiran dan juga pemilihan diksi yang terkandung dalam sesebuah puisi.

Selain itu, menurut *Kamus Dewan* (2017) puisi dapat ditakrifkan sebagai karya puisi atau gubahan sastera dalam pantun. Puisi merupakan medium dalam mewujudkan sesebuah hubungan secara langsung ketika pembaca memperolehi pengalaman indah sewaktu membaca sebuah karya sastera. Hal ini, penghasilan karya yang kreatif mempunyai ciri-ciri di mana ada pertemuan antara naluri pengarang sekaligus berpaut sama dengan naluri pembaca serta dalam masa yang sama juga mementingkan matlamat pengarang, keindahan dan falsafah dalam karya (Ghazali Din & A. Halim Ali, 2020).

Sebagai rumusan, berdasarkan pendapat tokoh-tokoh di atas dapat dirumuskan bahawa puisi terkandung dalam karya sastera yang dicipta daripada masyarakat terdahulu yang mengandungi pelbagai elemen dan nilai-nilai di dalamnya untuk menyampaikan sesuatu perkara yang dapat diterima melalui gaya penulisan dan idea-idea pengarang kepada pembaca.

### 1.7.3 Melayu

Melayu dapat ditakrifkan sebagai nama sesuatu bahasa atau bangsa (*Kamus Dewan*, 2007). Hal ini bahasa merujuk kepada melalui bahasa Melayu manakala bangsa pula merujuk kepada amalan cara hidup orang Melayu. Selain itu, menurut Thamrin (2018) pada ketika dahulu istilah Melayu digunakan untuk ditujukan terhadap salasilah raja. Istilah Melayu ditukar untuk merujuk kepada sesuatu suku pada abad ke-17. Hal ini menunjukkan kebersamaan dengan asal usul budaya Melayu. Sehingga kini, istilah Melayu merujuk kepada seseorang yang beragama Islam dan menuturkan bahasa Melayu serta beradat Melayu.

Selanjutnya, Melayu dapat didefinisikan sebagai Muslim yang telah digubal dalam Perkara 160(2) iaitu Perlembagaan Persekutuan di mana wujudnya kaitan antara Islam dan Melayu di Malaysia. Hal ini dikatakan demikian kerana, ada kata yang menyatakan bahawa seseorang yang keluar daripada agama Islam tidak lagi digelar sebagai Melayu dari perspektif Perlembagaan. Bukan itu sahaja, hubungan antara agama Islam dan Melayu dikatakan terlalu baik terutama dalam mengukuhkan akidah Islam masyarakat Melayu. Namun, hal ini juga sebenarnya boleh memberi kekeliruan terhadap Melayu adalah Islam dan Islam adalah Melayu sehingga perkara yang mempunyai kaitan dengan Melayu akan berkaitan juga dengan Islam (Nisar Mohamad Ahmad, 2020).

Sebagai rumusan, berdasarkan pendapat tokoh-tokoh tersebut dapat dikatakan bahawa Melayu ialah seseorang yang beragama Islam dan menuturkan bahasa Melayu serta berasal usul dan beradat Melayu di mana seseorang itu melaksanakan serta mengamalkan gaya dan juga cara hidup seperti orang Melayu.

#### 1.7.4 Naratif Lisan

Naratif lisan ialah perkembangan sastera rakyat dalam kelompok masyarakat serta diberi hak milik secara bersama-sama, dipertuturkan dan juga cerita rakyat ini disebarluaskan secara lisan secara turun-temurun daripada generasi terdahulu sehingga ke hari ini (Mohd Taib Osman, 1976).

Seterusnya, naratif lisan tergolong dalam cabang kesusastraan dan kemudiannya berkembang dalam masyarakat Melayu. Bukan itu sahaja, naratif lisan merupakan salah satu kebudayaan kepada kehidupan masyarakat Melayu sejak sekian lama lagi yang bertujuan untuk mendidik anak-anak mereka dalam pantang larang, adat, prinsip hidup dan juga kepercayaan (Mohd Firdaus Che Yaacob, 2018).

Selanjutnya, menurut Mohd Firdaus Che Yaacob & Nasirin Abdillah (2018) naratif lisan berperanan sebagai medium kepada masyarakat untuk memperolehi ilmu pengetahuan kerana dapat mempelajari tentang budaya, pengalaman yang berlaku dalam kehidupan, sejarah serta cita-cita yang terdapat dalam sesebuah cerita rakyat.

Sebagai rumusan, melalui pendapat tokoh-tokoh di atas dapat dikatakan bahawa naratif lisan dapat disimpulkan sebagai sastera lisan yang disampaikan secara turun temurun yang mengandungi pelbagai nilai di dalamnya yang memberi manfaat dan tunjuk ajar kepada masyarakat di samping mengekalkan kebernilaian ketamadunan masyarakat Melayu.

### 1.7.5 Lembangan

Menurut *Kamus Dewan* (2007), lembangan ialah tanah pamah yang rendah ataupun lembah. Selain itu, menurut *Kamus Dewan* (2017) pula, lembangan dapat dimaksudkan sebagai kawasan yang dialirkan dengan sungai atau tempat yang tenggelam.

Sebagai rumusan, berdasarkan pendapat tokoh-tokoh tersebut dapat dirumuskan bahawa lembangan merujuk kepada sistem saluran air di kawasan tadahan. Kawasan lembangan ini bergabung dengan kawasan yang berair seperti sungai.

### 1.7.6 Nilai Murni

Nilai dapat diertikan sebagai pemilikan sifat-sifat yang berguna dan penting terhadap kemanusiaan. Nilai juga merupakan sesuatu dianggap sebagai satu anggapan dan ukuran dalam sesuatu masyarakat terhadap sesuatu perkara sama ada perkara yang benar, baik, dan lain-lain yang dilakukan (Poerwadarminta, 1985).

Selain itu, nilai juga banyak diterapkan dalam cerita rakyat terutama nilai-nilai budaya untuk memaparkan situasi pada masa tertentu. Sastera juga banyak mengandungi pengunsuran nilai sebagai untuk mengukur dan mengawal perilaku untuk membuat suatu keputusan dan juga mencerminkan nilai-nilai dalam kelompok masyarakat (Ahmad Yunus, Rosyadi & Tatik Kartikasari, 1990). Nilai dalam cerita rakyat dibahagikan kepada beberapa bahagian iaitu nilai sosial, nilai kegamaan dan nilai budaya.

Seterusnya, Mohd Firdaus Che Yaacob (2015) menyatakan nilai murni adalah komponan penting sebagai kerangka asas dalam proses menginterpretasikan naratif lisan ke dalam bentuk teks dengan cara yang sistematik kerana nilai-nilai murni ini adalah kayu ukur dalam mencerminkan budaya dan amalan hidup dalam kehidupan bermasyarakat. Nilai-nilai murni dijadikan sebagai landasan dalam membentuk jati diri untuk memperolehi kehidupan yang baik dan teratur.

Sebagai rumusan, pendapat tokoh-tokoh di atas dapat dirumuskan bahawa nilai-nilai murni sebagai kayu ukur yang dijadikan landasan untuk mengawal tingkah laku manusia serta membentuk jati diri dan keperibadian manusia ke arah kehidupan yang lebih baik.

## 1.8 Organisasi Kajian

Kajian yang dijalankan ini terbahagi menerusi lima bab bagi membolehkan kajian ini dapat terlaksana dengan teratur dan berkesan.

Bab satu ini menjelaskan tentang pengenalan terhadap tajuk kajian yang akan dijalankan oleh pengkaji mengenai naratif lisan dan nilai-nilai murni dengan lebih terperinci. Selain itu, bab satu juga mengemukakan persoalan dan beberapa objektif kajian sebagai tunjang dalam menghasilkan kajian lebih terperinci. Seterusnya, batasan kajian juga dinyatakan dalam kajian ini dengan membataskan teks *Seuntaian Naratif Lisan Di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan* dengan mengaplikasikan Teori Pengkaedahan Melayu dalam mengukuhkan dapatan. Bukan itu sahaja, kepentingan penghasilan kajian juga dinyatakan dalam kajian ini. Akhir sekali, definisi operasional juga dinyatakan bagi menjelaskan konsep transkripsi, puisi, Melayu, naratif lisan serta nilai-nilai murni dengan lebih jelas.

Bab dua pengkaji mengemukakan sorotan kajian lepas yang merujuk kepada tajuk kajian iaitu *Transkripsi Puisi Melayu Dalam Cerita Rakyat Melayu Berdasarkan Teks Seuntaian Naratif Lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan: Satu Analisis Nilai-Nilai Murni*. Dalam bab dua juga, pengkaji akan merujuk kajian-kajian terdahulu sebagai landasan dalam melakukan kajian ini. Hal ini, pengkaji akan merujuk beberapa kajian lepas berkaitan dengan kajian cerita rakyat Melayu dan Teori Pengkaedahan Melayu daripada pelbagai sudut yang berbeza.

Bab tiga merupakan metodologi kajian iaitu kajian ini menggunakan kaedah kualitatif untuk memperolehi maklumat-maklumat penting dalam menyelesaikan tugas penyelidikan ini. Bab ini menceritakan tentang bagaimana pengkaji menghuraikan kaedah yang dipilih bagi memperolehi dapatan kajian dengan lebih terperinci dan tersusun.

Bab empat pula menerangkan berkenaan dengan analisis kajian. Analisis kajian digunakan untuk menganalisis transkripsi puisi Melayu dalam cerita rakyat Melayu berdasarkan teks *Seuntaian Naratif Lisan Di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan* menerusi cerita rakyat *Disorok Jin, Bidan Tok Haji Esah, Kepesatan Pengkalan Datu, Pemujaan Pantai, Asal usul datu, Keasyikan Suara Buluh Perindu, Kemasyhuran Pantai Pengkalan Datu, Nurani Che Him Dalam Masyarakat, Pokok Tanjung Dan Alat Muzik Yang Bisu, Tenggelamnya Masjid Pengkalan Datu, Simbolik Rebana, Asal Usul Kampung Babong, Tok Karim Guru Silat Masyhur, Tentera Bergajah, Haji Long Abdul Rahman, Kezaliman Seorang Raja, Kegemilangan Pengkalan Datu, Rumah Api Penyelamat Saudagar dan Terhempasnya Zero Fighter Jepun Di Ti Lebar*. Menerusi cerita-cerita rakyat yang terpilih, pengkaji akan menghasilkan puisi Melayu untuk menganalisis nilai-nilai murni dalam puisi Melayu dengan mengaplikasikan Teori Pengkaedahan Melayu untuk mengukuhkan lagi hasil kajian.

Akhir sekali, bab kelima merangkumi bahagian penutup yang merupakan bab paling terakhir yang merupakan penutup bagi segala kajian serta penulisan ini. Bab penutup ini menceritakan keseluruhan kajian yang telah dilakukan. Bab ini juga merangkumi segala rumusan penuh kajian, cadangan dan penutup daripada pengkaji untuk meneliti tahap pencapaian dalam kajian.

## 1.9 Penutup

Kesimpulannya, teks terpilih mengandungi nilai-nilai murni serta pengajaran disebalik kisah-kisah dalam sesebuah cerita yang mampu memberi kesan positif dan didikan kepada masyarakat. Hal ini, nilai-nilai murni ini dikatakan dapat mendidik keperibadian kelakuan dan pertuturan dalam masyarakat. Harapan pengkaji agar kajian mengenai teks *Seuntaian Naratif Lisan Di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan* dapat memberi kesan kepada masyarakat untuk terus mengekalkan nilai murni dalam kehidupan dari giliran generasi secara berperingkat sebagai pengajaran untuk menjadi individu dan masyarakat yang berguna. Bukan hanya mampu memberi kesan positif kepada masyarakat, namun juga terhadap negara, institusi serta pengkaji sendiri. Pengkaji juga berharap agar generasi pada masa kini perlu mengekalkan cerita-cerita rakyat agar tidak luput ditelan zaman. Cadangan pengkaji agar lebih banyak kajian ilmiah seperti ini dilakukan terutama kepada pelajar-pelajar yang mengambil bidang Kesusasteraan Melayu kerana pelajar adalah belia yang akan mencorakkan masa depan negara. Secara tak langsung, negara akan kekal aman dan harmoni kerana sikap masyarakat yang lebih teratur. Dengan adanya nilai-nilai murni dalam kalangan pelajar, maka negara akan lebih terjamin kerana lahirnya masyarakat yang berilmu mempunyai sikap yang baik.

## BAB 2

### SOROTAN KAJIAN LEPAS

#### 2.1 Pengenalan

Penyelidikan terdahulu telah dilakukan oleh tokoh sarjana bertujuan mengisi kelomongan dan melengkapkan kajian sebagai penambahan ilmu pengetahuan dan dijadikan alat pengajaran. Berdasarkan sorotan kajian sebelum ini, pengkaji telah membincangkan dua tajuk kajian lepas iaitu pengkajian naratif lisan di Malaysia dan Teori Pengkaedahan Melayu dalam karya-karya sastera Melayu.

#### 2.2 Pengkajian Naratif Lisan Di Malaysia

Mohd Fahmi Ismail, Salmah Jan Noor Muhammad & Mohd Sharifudin Yusop (2015) dalam kajiannya *Cerita Rakyat Melayu: Suatu Analisis Pancaran Jati Diri Masyarakat Melayu sebagai Cerminan Kebudayaan Melayu* merumuskan penonjolan jati diri masyarakat Melayu menerusi cerita rakyat. Kajian dijalankan berpandukan kesan pengaruh teknologi yang menggugat cerita rakyat di Malaysia pada masa kini. Objektif kajian bertujuan mengenal pasti dan menganalisis nilai jati diri yang membataskan beberapa buah cerita rakyat Melayu yang dikemukakan oleh pelapor cerita rakyat iaitu Othman Putih dan Aripin Said. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif menerusi kaedah kepustakaan serta mengaplikasikan Teori Ekologi Budaya sebagai landsan kerangka analisis kajian. Keseluruhan kajian telah menemukan jati diri masyarakat menerusi keberanian, kasih sayang, kerajinan, bekerjasama dan rasional.

Shaiful Bahri Md Radzi (2015) dalam kajiannya iaitu *Si Tanggang Moden Dan Perubahan Makna Dalam Cerita Bermotifkan Anak Derhaka* membincangkan tentang tindakan penganiayaan seorang anak kepada ibu bapa yang masih berlaku di era kemodenan ini. Terdapat kelompongan kajian terdahulu yang mendorong penyelidikan ini dilakukan. Objektif kajian ialah menganalisis warisan sempadan Si Tanggang, dunia kontemporari dan gejala Si Tanggang Moden dan perubahan makna dan masyarakat kontemporari. Kajian ini terbatas kepada cerita lagenda *Si Tanggang* sebagai landasan kajian untuk meneliti “Si Tanggang Moden” yang berlaku di era kemodenan dan kepesatan ini dengan menggunakan kaedah kualitatif bagi menyempurnakan kajian ini. Hasil kajian membincangkan beberapa faktor sebagai punca penganiayaan anak terhadap ibu bapa iaitu kewangan, seksual, sosial, pengabaian, fizikal dan psikologi yang menyebabkan anak-anak menjadi agresif.

Mohd Firdaus Che Yaacob (2015) dalam kajiannya *Nilai-nilai Murni Dalam Seuntaian Himpunan 366 Cerita Rakyat Malaysia* membincangkan tingkah laku manusia yang dibentuk melalui cerita rakyat berdasarkan aspek-aspek nilai murni. Terdapat kelompongan dalam kajian-kajian lepas berkaitan dengan cerita-cerita rakyat Melayu iaitu nilai murni. Kajian dijalankan untuk mengenal pasti dan menganalisis nilai-nilai murni dalam cerita-cerita rakyat Melayu. Kajian membataskan karya Aripin Said dan Othman Puteh iaitu teks *Seuntaian Himpunan 366 Cerita Rakyat Malaysia* yang diterbitkan pada tahun 2013. Kerangka dalam melengkapkan penyelidikan, pengkaji telah memilih Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Hasil daripada kajian ini, pengkaji telah menemukan beberapa nilai murni di dalamnya.

Siti Zuhaidah Zakeria (2015) menerusi kajian *Gaya Penyampaian Cerita Rakyat Melayu Terpilih Dalam Majalah Dewan Pelajar* merumuskan tentang cara penyampaian terhadap cerita rakyat Melayu yang menjadi pilihan untuk kanak-kanak yang dipaparkan dalam majalah Dewan Pelajar. Kajian ini dilakukan berdasarkan masalah mutu dalam penghasilan buku kanak-kanak dan remaja dan kelemahan dalam penulisan sastera kanak-kanak. Objektif kajian ialah mengenal pasti dan menganalisis gaya penyampaian cerita kanak-kanak dalam Dewan Pelajar terbitan DBP. Kajian ini terbatas kepada 21 cerita rakyat yang dipilih iaitu *Baju Baru Raja, Isteri Si Penjual Garam, Peperangan Kucing dan Tikus, Raja Muda dan Puteri Burung Kuau, Arnab Yang Bijak, Pengembaraan Putera Raja, Kisah Chapi dan Si Bongsu, Hadiah Semangkuk Air dan Semangkuk Garam, Putera Belanak dan Puteri Bongsu, Tajamnya Akal Sang Ketam, Hashim Yang Cerdik, Asal Mulanya Burung Tekukur, Penenun Rambut, Kisah Semut dan Kerengga, Kucing dan Ilmu Memanjat, Si Anak-anak Dengan Hampa Padi, Dadu dan Didi Membunuh Gergasi, Tiga Pilihan, Kisah Seuncang Padi, Balasan Orang Kaya Tamak, dan Guri Emas dan Isteri Cerdik*. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif dengan mengaplikasikan Teori Psikologi Perkembangan Kanak-Kanak bagi mengukuhkan perbincangan. Sebagai rumusan, gaya penyampaian ini mampu menambahbaik bidang penulisan.

Siti Zuhaidah Zakeria & Nik Rafidah Nik Muhammad Affendi (2015) dalam kajiannya *Konflik Dalam Cerita Rakyat Dan Kesannya Kepada Kanak-Kanak* membincangkan kesan yang akan dialami dapat mempengaruhi emosi melalui peristiwa yang berlaku. Terdapat kelompongan daripada kajian-kajian terdahulu menyebabkan kajian ini dijalankan. Objektif kajian ialah mengenal pasti dan menganalisis perkembangan psikologi kanak-kanak dalam cerita rakyat terpilih. Kajian terbatas kepada 4 buah cerita rakyat. Kaedah kualitatif dipilih sebagai perbincangan serta menggunakan Pendekatan Psikologi yang digagaskan Jean Piaget dan Robert bagi mengukuhkan lagi

penyelidikan. Keseluruhan kajian menemukan pencetusan konflik daripada pelbagai punca yang memberi kesan dalam tumbesaran kanak-kanak.

Normaliza Abd Rahim, Hazlina Abdul Halim, Roslina Mamat & Nor Shahila Mansor (2016) dalam kajiannya *Wacana Cerita Rakyat Melayu Dalam Kalangan Pelajar Korea* membincangkan persepsi pelajar terhadap cerita rakyat Melayu. Terdapat kelompongan dalam kajian dan kajian ini dijalankan berpandukan objektif iaitu mengenal pasti dan menganalisis persepsi pelajar dari luar negara terhadap cerita rakyat Melayu. Pengkaji membataskan kepada cerita rakyat Melayu yang terpilih iaitu “*Sang Kancil dan Harimau*”, “*Sang Kancil dan Buaya*”, dan “*Gajah dan Semut*”. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif dengan merujuk kepustakaan di samping menggunakan Teori Aplikasi Wacana sebagai analisis perbincangan. Sebagai rumusan, kajian ini memberi manfaat terutama kepada pelajar-pelajar.

Mohd Firdaus Che Yaacob & Normaliza Abd Rahim (2016) dalam kajiannya *Nilai Baik Hati Menerusi Cerita Rakyat Melayu Terhadap Masyarakat Melayu Suatu Aplikasi Teori Pengkaedahan Melayu* membincangkan khazanah naratif lisan yang bernilai kepada masyarakat kerana memberi impak kepada tingkah laku seseorang menerusi nilai-nilai murni di sebalik cerita-cerita rakyat Melayu. Terdapat kelompongan kajian dari tokoh terdahulu dan kajian dijalankan untuk membincangkan nilai baik hati berdasarkan cerita rakyat yang dipilih oleh pengkaji. Kajian terbatas kepada cerita “*Isteri yang Bongkak*”, “*Tuan Puteri Si Helang Bakau*”, “*Bismillah dan Raja Kuyuk*”. Kaedah kualitatif telah diterapkan dalam penyelidikan. Teori Pengkaedahan Melayu daripada Hashim Awang sebagai landasan kajian. Hasil kajian menemukan beberapa nilai baik hati yang dapat memberi impak yang baik terhadap seseorang yang mengamalkannya

Sesilia Seli (2016) menerusi *Kearifan Tempatan Dalam Cerita Rakyat Dayak Kanayatn: Kajian Hermeneutik* membincangkan tentang ragam peristiwa dalam kehidupan masyarakat. Kelompongan kajian lepas menyebabkan kajian ini dijalankan dengan mengenal pasti dan menganalisis simbol-simbol spiritual dan fizikal serta meneliti aspek kearifan tempatan melalui cerita rakyat Dayak Kayanatn. Kajian membataskan kepada 16 cerita rakyat Dayak Kayanatn. Bagi memantapkan analisis kajian ini menggunakan kaedah kepustakaan dengan mengaplikasikan pendekatan Hermeneutik. Hasil kajian membahaskan kebudayaan dan nilai-nilai tempatan yang sarat dalam cerita rakyat masyarakat Dayak Kayanatn untuk membentuk akhlak dalam kalangan generasi muda.

Siti Zuhaidah Zakeria & Nik Rafidah Nik Muhammad Affendi (2016) dalam kajiannya *Kesinambungan Warisan Budaya Masyarakat Melayu Pantai Timur Dalam Cerita Rakyat Untuk Kanak-Kanak* membincangkan amalan turun temurun yang terhakis ekoran kepesatan negara. Terdapat kelompongan daripada kajian terdahulu mendorong kajian ini dilakukan. Kajian ini berpandukan objektif bagi mengenal pasti dan menganalisis unsur budaya dalam cerita rakyat kanak-kanak. Pengkaji membataskan kepada beberapa buah cerita rakyat terpilih bagi melengkapkan kajian ini. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif iaitu rujukan teks dan kepustakaan sebagai perbincangan. Keseluruhan kajian merumuskan bahawa unsur budaya yang sarat dengan pengajaran dapat membantu mengembangkan pemikiran dan membentuk jati diri kanak-kanak.

Mohd Firdaus Che Yaacob & Nasirin Abdillah (2017) dalam kajiannya *Penggunaan Multimedia Ke Arah Memartabatkan Cerita Rakyat Masyarakat Melayu* membincangkan tentang peranan multimedia untuk menjadikan cerita rakyat dalam bentuk pendokumentasian yang sistematik dan berkualiti. Kajian ini dijalankan kerana kelompongan daripada kajian terdahulu. Objektif kajian ialah menganalisis budaya berfikir serta akal budi orang Melayu yang terkandung dalam cerita rakyat Melayu dan

membincangkan penggunaan perisian teknologi multimedia dalam memartabatkan cerita rakyat Melayu secara umum. Kajian ini terbatas kepada beberapa cerita rakyat Melayu karya Aripin Said serta Othman Puteh iaitu *Air Menitik Di Atas Batu*, *Puteri Tuk Batin Johol*, *Padi Menjadi Emas*, *Anak Yang Taat*, dan *Kasih Sejati* dengan menggunakan kaedah kualitatif bagi melengkapkan kajian ini secara terperinci. Hasil kajian mendapati penggunaan multimedia seperti elemen grafik, audio, teks, animasi serta video memainkan peranan penting dalam mendokumentasian cerita rakyat dengan lebih berkesan dan menarik yang bertujuan untuk mengangkat warisan dan budaya masyarakat Melayu agar tidak lenyap ditelan arus kemodenan.

Florina Jumil & Norjetta Julita (2017) dalam kajiannya *Nilai Pendidikan Dalam Tangon-Tangan Masyarakat Kadazandusun* membincangkan aspek sejarah kaum Kadazandusun. Terdapat kelompongan kajian mengenai nilai pendidikan terhadap kaum Kadazandusun yang dijalankan oleh pengkaji terdahulu. Objektif kajian bertujuan mengenal pasti dan menganalisis nilai moral dalam cerita rakyat Kadazandusun. Pengkaji membataskan cerita rakyat Kadazandusun yang terpilih dengan menggunakan pendekatan kualitatif. Teori Nunuk Ragang diaplikasikan sebagai kerangka panduan dalam menyempurnakan penyelidikan. Hasil kajian merumuskan cerita rakyat mampu menjadi alat pembelajaran dalam membentuk perilaku masyarakat.

Fifi Rinyuk (2017) dalam kajiannya *Nilai-nilai Moral Dalam Cerita-cerita Rakyat Kaum Bidayuh, Serian* membincangkan tentang sastera di Sarawak iaitu nilai moral dalam cerita rakyat yang terdapat dalam kepercayaan masyarakat Bidayuh. Masalah dalam kajian ini ialah kurangnya kajian tentang cerita rakyat Bidayuh yang dijalankan oleh para sarjana terdahulu menyebabkan cerita rakyat Bidayuh tidak lagi dipandang dan diamalkan dalam kehidupan masyarakat. Objektif kajian ialah mengenal pasti cerita rakyat kaum Bidayuh kepada beberapa bahagian, mengupas nilai-nilai moral dan

membincangkan perkaitan nilai-nilai moral yang mempengaruhi kehidupan sehari-hari kaum Bidayuh. Penyelidik telah membataskan kepada cerita-cerita rakyat kaum Bidayuh di daerah Serian, Sarawak yang terdiri daripada etnik Bukar atau Sadong dengan menggunakan kaedah kualitatif menerusi rujukan kepustakaan bagi menyempurnakan lagi kajian ini. Hasil kajian ini telah menemukan nilai-nilai moral yang diketengahkan dalam sistem pendidikan dan nilai supaya diterapkan ini berjaya melahirkan masyarakat yang berakhhlak mulia dan mengembangkan semula sastera rakyat Bidayuh yang kian lenyap dalam kalangan pelajar.

Mohd Firdaus Che Yaacob & Nasirin Abdillah (2017) dalam kajiannya *Penerapan Nilai Murni Dalam Cerita Rakyat Melayu Suatu Aplikasi Teori Pengkaedahan Melayu: Analisis Nilai Kasih Sayang Dan Nilai Keadilan Dalam Masyarakat Melayu* mengulas mengenai nilai-nilai yang terdapat dalam diri manusia. Pengkaji menjalankan kajian kerana terdapat kelomongan terhadap kajian yang sedia ada daripada pengkaji terdahulu berkaitan cerita rakyat yang dilihat daripada pelbagai sudut nilai. Kajian ini berpandukan objektif untuk menganalisis cerita rakyat yang berteraskan kasih sayang dan keadilan. Kajian ini terbatas kepada cerita rakyat “*Batu Belah Batu Bertangkup*”, “*Kacang dan Telur Ayam*”, “*Nakhoda Haloba*”, dan “*Puteri Pucuk Ketumpang*” untuk mengkaji nilai kasih sayang dan keadilan dengan menggunakan kaedah kualitatif melalui rujukan kepustakaan dan teks. Teori Pengkaedahan Melayu diterapkan dalam kajian ini menerusi pendekatan kemasyarakatan dan pendekatan moral untuk menganalisis nilai-nilai murni dalam teks-teks yang dipilih berdasarkan cerita rakyat. Hasil kajian telah menemukan nilai kasih sayang seorang ibu terhadap anak dan majikan kepada pekerja serta nilai keadilan iaitu nilai keadilan seorang ketua dan juga raja. Jelaslah disini bahawa kasih sayang mampu membentuk tingkah laku masyarakat sebagai pendidikan dan pengajaran.

Mohd Firdaus Che Yaacob, Nasirin Abdillah, Muhammad Izani Ab. Ghani, Shahariah Norain Shaharuddin & Siti Nur Anis Apandi (2017) melalui kajiannya *Cerminan Moral Positif dalam Cerita-cerita Rakyat Melayu* membincangkan cerita rakyat yang mengandungi nilai-nilai moral. Terdapat kelompongan kajian daripada tokoh-tokoh terdahulu menyebabkan kajian dilaksanakan mengenal pasti dan menganalisis cerminan moral positif berdasarkan cerita rakyat Melayu. Penyelidikan membataskan terhadap cerita rakyat “Awang Yang Lurus”, “Padi Berbuah Emas”, “Seuncang Padi dan Penjual Api Yang Lurus”, dan “Raja Kuyuk” yang terkandung dalam karya Othman Putih dan Aripin Said berdasarkan teks *Himpunan 366 Cerita Rakyat di Malaysia* dengan penggunaan kaedah kualitatif serta mengaplikasikan Teori Pengkaedahan Melayu dijadikan landasan kajian. Keseluruhan kajian mendapati nilai kejujuran dari sudut ciri amanah, bercakap benar dan ikhlas.

Mohd Nazri Abdul Rahman, Marianai Md Nor, Romli Darus, Ahmad Shobry Mohd Noor, Arun Daud, Rinau Lintan & Nor Asiah Muhamad (2017) dalam kajiannya *Cerita Rakyat Orang Asal Sabah Sebagai Medium Pembelajaran Asas Literasi: Analisis Keperluan* membincangkan tentang medium bahan bacaan kepada pembelajaran kanak-kanak. Kajian ini dijalankan disebabkan kelompongan daripada kajian lepas. Objektif kajian ialah mengenal pasti dan menganalisis keperluan modul pembelajaran asas literasi kepada kanak-kanak menerusi cerita rakyat orang asli. Kajian ini membataskan beberapa cerita rakyat iaitu *Asal Usul Padi, Dongeng Kinabalu, Ikan Dan Tupai, Si Anak-Anak Dan Kinomulok* dan *Tikus Dan Kundur*. Dalam kajian ini, penyelidik menggunakan kaedah kualitatif serta menerapkan pendekatan Fuzzy Delphi iaitu nilai *threshold*. Hasil kajian menemukan nilai dan amalan tradisi seperti adat resam dan pantang larang, nilai tradisi masyarakat dan bahasa ibunda dalam cerita rakyat masyarakat orang asal yang bertujuan untuk membentuk jati diri golongan muda.

Muhammad Safuan Ismail, Roslina Abu Bakar & Nik Rafidah Nik Muhammad Effendy (2018) melalui kajian *Cerita Jenaka Melayu Suatu Manifestasi Watak Dan Perwatakan Positif* membincangkan lambang kekuatan masyarakat Melayu. Terdapat kelompongan daripada kajian lepas menyebabkan kajian ini dilaksanakan. Objektif kajian ialah menganalisis watak dan perwatakan positif dalam cerita jenaka berdasarkan pendekatan Psikologi Humanistik. Kajian ini terbatas kepada cerita jenaka yang bertajuk *Si Luncai, Pak Pandir, Awang Lurus* dan *Pak Kaduk*. Kajian membincangkan kaedah kualitatif dan pendekatan Psikologi Humanistik bagi memantapkan hasil penyelidikan. Hasil keseluruhan kajian mendapati pelbagai kriteria watak dan perwatakan positif yang memberi manfaat kepada orang lain.

Mohd Fahmi Ismail & Mohd Firdaus Che Yaacob (2018) dalam kajiannya *Nilai Budaya Dalam Cerita Rakyat Masyarakat Orang Asli Temiar Di Gua Musang, Kelantan: Satu Pengaplikasian Sastera Warisan* membincangkan nilai-nilai budaya masyarakat Orang Asli yang mengamalkan cara hidup dan adat nenek moyang mereka yang bergantung kepada alam. Metafora serta makna-makna sejarah yang tersirat dan tersurat seperti mitos, lagenda dan cerita asal-usul. Masalah dalam kajian ini ialah kurangnya penyelidikan dalam konteks nilai budaya orang asli yang dilaksanakan para sarjana terdahulu. Kajian dijalankan untuk mengenal pasti dan menganalisis cerita rakyat dari aspek nilai budaya terhadap masyarakat Orang Asli Temiar dengan membataskan cerita rakyat iaitu “*Buah Mangkung dengan Seekor Anjing*”, “*Burung Kuang dengan Harimau*”, “*Bertindak Tanpa Akal*”, “*Sang Kura-kura yang Bijaksana*”, “*Tangkal Hikmah*”, “*Manusia Jelamaan Anjing*” dan “*Dendam Terbalas*”. Kajian ini telah menggunakan kaedah kualitatif dan mengaplikasikan ialah Teori Sastera Warisan oleh A. Wahad pada tahun 2005. Hasil daripada kajian mendapati beberapa nilai yang menjadi pegangan masyarakat Orang Asli Temiar iaitu nilai cintakan keamanan, kesejahteraan, menghormati warga tua, bercakap benar, muafakat, bertolak ansur, bertanggungjawab

menjaga keselamatan dan keamanan kampung, prihatin, kerajinan dan keharmonian sejagat.

Feaz Huzaini Ramleh & Humin Jusilin (2018) dalam kajiannya *Unsur Spiritual Dalam Karya Catan Pelukis Sabah Sabrina Majuakim* membincangkan unsur spiritual yang terkandung dalam karya untuk menyampaikan sesuatu mesej yang berunsur dakwah. Kajian ini dilaksanakan kerana terdapat kelomongan daripada kajian lepas yang dilakukan oleh pengkaji-pengkaji sebelum ini. Objektif kajian bertujuan untuk mengenal pasti dan menganalisis elemen komunikasi dalam sesebuah karya catan. Kajian ini memilih kaedah kualitatif iaitu rujukan kepustakaan dan teks sebagai perbincangan. Pengkaji mengaplikasikan Teori Ikonografi Panofsky dalam penyelidikan bagi memantapkan lagi hasil analisis. Hasil kajian merumuskan bahawa fahaman agama yang disampaikan secara tersurat dan tersirat dapat difahami dan dijadikan sebagai panduan kehidupan.

Wan Muhammad Aiman Wan Aziz (2018) dalam kajiannya *Cerminan Pemikiran Masyarakat Melayu yang Terpilih dalam Teks Himpunan 366 Cerita Rakyat di Malaysia* membincangkan aspek pemikiran masyarakat Melayu. Kajian ini dijalankan kerana kelomongan daripada kajian terdahulu. Objektif kajian bertujuan mengenal pasti dan menganalisis cerminan pemikiran masyarakat Melayu dalam teks terpilih. Kajian ini membataskan teks “*Himpunan 366 Cerita Rakyat*”. Kaedah kualitatif digunakan sebagai perbincangan. Teori Pengkaedahan Melayu diaplikasikan dalam kajian sebagai panduan bagi memantapkan dan mengukuhkan hasil analisis. Keseluruhan kajian mendapati cerita rakyat kaya dengan pemikiran masyarakat yang kreatif dan bernes yang mampu membentuk moral yang positif dalam kehidupan,

Mohd Firdaus Che Yaacob & Nasirin Abdillah (2018) dalam kajiannya *Penerapan Konsep Menjana Minda Melalui Falsafah Pendidikan Kebangsaan Terhadap Masyarakat Melayu Dalam Cerita Rakyat Melayu* membincangkan tentang penjanaan intelek dalam membentuk moral positif terhadap masyarakat melalui cerita rakyat Melayu. Kajian ini dijalankan kerana kelompongan daripada kajian sebelum ini. Objektif kajian ialah menganalisis dan menghuraikan nilai rasional dan nilai kerajinan. Kajian hanya terbatas kepada cerita rakyat terpilih iaitu “*Pengorbanan Wasiat Yang Bijaksana*”, “*Periuk Kera Ajaib*”, “*Puteri Birah Keladi*”, “*Pak Tani Menipu Harimau*”, “*Hakim Yang Bijaksana*” dan “*Takar Emas*” dengan menggunakan kaedah kualitatif untuk menghasilkan kajian ini secara mendalam serta mengaplikasikan pendekatan Falsafah Pendidikan Kebangsaan menerusi konsep intelek sebagai landasan dalam mengukuhkan lagi kajian. Hasil kajian menemukan nilai kerajinan dan rasional membentuk intelek masyarakat Melayu memiliki kekuatan serta dapat mampu membuat sebarang keputusan dengan tepat.

Siti Fatimah Mamat, Roslina Abu Bakar & Arbai' Sujud (2019) dalam kajiannya *Kisah Sang Kancil Dan Memerang Sebagai Penerapan Adab Kepimpinan Dalam Kalangan Kanak-Kanak* membincangkan tentang watak pemimpin dalam cerita binatang. Terdapat kelompongan daripada kajian-kajian pengkaji terdahulu. Kajian ini bertujuan mengenal pasti elemen adab dan kesannya sekiranya diterapkan kepada masyarakat berdasarkan cerita binatang. Kajian ini membataskan kepada “*Kisah Sang Kancil dan Memerang*”. Dalam kajian ini, pengkaji menggunakan kaedah kualitatif di samping menerapkan Pendekatan Adab yang digagaskan pada tahun 2001 oleh Syed Naquib Al-Attas sebagai landasan kerangka analisis bagi memantapkan kajian. Hasil penyelidikan mendapati watak binatang yang berkelakuan seperti watak manusia yang memberikan pengajaran serta contoh tauladan kepada masyarakat.

Rosmani Umar, Md Sidin Ahmad Ishak & Siti Ezaleila (2019) dalam kajiannya *Daripada Cetak kepada Digital: Rekonstruksi Cerita Rakyat Di Malaysia* membincangkan tentang kepesatan teknologi dalam mengembangkan cerita rakyat. Terdapat kelopongan daripada kajian terdahulu mendorong kajian ini dilaksanakan oleh pengkaji. Kajian ini bertujuan mengenal pasti dan menganalisis cerita rakyat yang telah diadaptasi dalam media digital. Kaedah kualitatif melalui rujukan teks dan kepustakaan telah dipilih dalam membincangkan kajian ini serta menggunakan pendekatan rekonstruksi sebagai panduan bagi mengukuhkan lagi hasil kajian. Keseluruhan kajian mendapati teknologi adalah medium terbaik dalam usaha memelihara cerita rakyat agar terus berkembang dan memberi manfaat kepada generasi muda.

Asniza Zakaria (2019) dalam kajiannya *Mahsuri Dan Puteri Lindungan Bulan, Lagenda Kedah Dan Motif Darah Putih* membincangkan unsur mitos dalam cerita lagenda. Terdapat kelompongan daripada kajian lepas yang mendorong kajian ini dijalankan. Kajian ini dijalankan bertujuan mengenal pasti dan menganalisis aspek kematian tragis kedua-dua lagenda yang tercetusnya perbezaan peristiwa dan fakta. Pengkaji membataskan kepada cerita “Mahsuri” dan “Puteri Lindungan Bulan” dalam kajian ini. Kajian menggunakan kaedah kualitatif seperti rujukan kepustakaan atau teks. Hasil kajian merumuskan bahawa sejarah kedua-dua lagenda yang terkenal ini memberikan pengajaran di sebaliknya peristiwa untuk mendidik anak bangsa.

Tuan Siti Nurul Suhadah Tuan Adnan & Mohd Firdaus Che Yaacob (2020) melalui kajian *Akal Budi Dalam Naratif Lisan Penduduk Kota Bharu, Kelantan : Satu Penelitian Kemasyarakatan* mengetengahkan naratif lisan yang memberi manfaat dalam pendidikan awal kanak-kanak kerana memberi pengajaran dalam beberapa aspek seperti kebudayaan, adat resam dan pantang larang dalam masyarakat Melayu yang ditonjolkan berdasarkan tingkah laku seseorang individu. Objektif kajian ialah mengenal pasti dan menganalisis akal budi dalam naratif lisan. Masalah kajian ini ialah terdapat

kurangnya kajian-kajian lepas terutama dalam unsur akal budi orang Melayu dijalankan oleh para sarjana terdahulu serta membataskan cerita rakyat iaitu *Kelicikkan Pahlawan Mat Kilau, Haji Tahir Orang Alim, Asal Usul Kampung Pintu Reng, Penunggu Binjai, Main Teri Hiburan Masyarakat, Asal Usul Bunut Payung Tok Guru Haji Mokhtar dan Kerabat Diraja Memuja Pantai* dengan menggunakan kaedah kualitatif melalui rujukan kepustakaan dan teks. Teori yang diaplikasikan ialah Teori Pengkaedahan Melayu sebagai kerangka bagi mengukuhkan dan memantapkan lagi penyelidikan ini. Hasil kajian mendapati akal budi melalui tindakan rasional, akal budi menerusi tindakan berani kerana benar, akal budi menerusi tindakan daya usaha, dan akal budi menerusi tindakan ikhlas.

Nur Shahirah Othman (2020) dalam kajiannya iaitu *Akal Budi Orang Melayu Dalam Cerita Rakyat Himpunan 366 Cerita Rakyat Malaysia: Satu Pengaplikasian Teori Pengkaedahan Melayu* membincangkan tentang akal budi orang Melayu dari pelbagai cara yang terkandung dalam cerita rakyat. Penyelidikan dijalankan kerana terdapat kelompongan daripada kajian yang dijalankan oleh para sarjana terdahulu. Objektif kajian bertujuan membincangkan cerita rakyat yang mengandungi akal budi orang Melayu. Kajian terbatas kepada karya Zainariah Abdul Wahab iaitu buku *Seuntai Himpunan 366 Cerita Rakyat Malaysia* dengan menggunakan kaedah kualitatif iaitu rujukan kepustakaan dan teks serta pengaplikasian Teori Pengkaedahan Melayu sebagai landasan bagi memantapkan lagi penyelidikan ini. Hasil kajian merumuskan bahawa nilai akal budi yang menjadi permulaan dalam membangunkan identiti masyarakat Melayu.

Muhammad Nur Al-Hakim Mohamad Hanafiah & Mohd Firdaus Che Yaacob (2020) dalam kajiannya *Nilai-nilai Islam dan Pembentukan Akhlak dalam Cerita Rakyat Melayu* membincangkan nilai-nilai Islam yang menggambarkan corak kehidupan latar belakang masyarakat Melayu terdahulu yang beragama Islam. Kajian ini dijalankan kerana

kelompongan dalam kajian oleh tokoh sarjana terdahulu dalam aspek nilai-nilai Islam yang belum mempunyai kajian secara menyeluruh. Kajian ini dilakukan bertujuan mengenal pasti dan menganalisis pembentukan akhlak masyarakat Melayu melalui nilai-nilai Islam dengan membataskan kepada sembilan jenis cerita rakyat iaitu “*Angsa Berbulu Emas, Bukit dan Pokok*”, “*Mengapa Bangau Kurus*”, “*Kalimah Bismillah*”, “*Setiakawan*”, “*Kelekatu Sombong*”, “*Ditelan Ikan Yu*”, “*Bertukar Menjadi Batu*”, dan “*Mengapa Pinggang Kerengga Ramping*” dalam karya Zainariah Abdul Wahab, Nur Syafiqah Yusoff dan Fatimah Abdul Nasir. Kaedah kualitatif digunakan bagi menyempurnakan lagi penyelidikan ini. Teori Takmilah diaplikasikan sebagai landasan bagi mengukuhkan kajian. Hasil kajian telah mendapat masyarakat terdahulu mempunyai akhlak yang baik sebagai landasan pembentukan masyarakat.

Nur Ezatull Fadtehah Hedel & Mary Fatimah Subet (2020) menerusi penyelidikannya *Peristiwa Aneh Dalam Cerita Rakyat “Hikayat Nakhoda Muda”, Analisis Semantik Inkuisitif* membincangkan perkara yang dikatakan aneh yang diterapkan pada karya sastera untuk keterujaan dan tanda tanya daripada pembaca. Kajian ini dijalankan kerana terdapat kelompongan kajian lepas. Objektif kajian dilakukan untuk mengenal pasti dan menganalisis peristiwa aneh dalam cerita rakyat. Kajian ini terbatas kepada cerita rakyat “*Hikayat nakhoda Muda*” dalam buku hikayat terpilih iaitu “*Antalogi Enam Hikayat*” pada tahun 2016 terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka. Pengkaji menggunakan kaedah kualitatif serta pendekatan Semantik Inkuisitif yang dikemukakan Jalaluddin (2014) dan dikukuhkan lagi menggunakan pendekatan Rangka Ruju Silang yang dikemukakan Kempson (1986). Sebagai rumusan, berpandukan pendekatan Sematik Inkuisitif dan Rangka Rujuk Silang telah merungkai penyebab periswi aneh dalam cerita rakyat yang dipilih.

Hazrul Mazran Rusli & Abdul Aziz Zali (2020) dalam kajiannya *Adaptasi Kesusasteraan Rakyat (Cerita Si Luncai) Dalam Karya Seni Cetakan* membincangkan adaptasi cerita rakyat ke dalam medium yang berbeza. Kajian ini dijalankan kerana kelompongan kajian mengenai cerita rakyat *Si Luncai* yang dikembangkan dalam bentuk media yang baru. Objektif kajian dijalankan bertujuan mengenal pasti dan menganalisis sejauhmanakah adaptasi dapat dihasilkan dalam bentuk seni visual. Kajian membataskan cerita rakyat *Si Luncai*. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif sebagai perbincangan dan mengaplikasikan Teori Adaptasi bagi menyempurnakan kajian ini. Keseluruhan kajian merumuskan adaptasi ini memberi kesan yang lebih berkualiti dalam menarik minat generasi muda untuk membaca dan mengetahui tentang cerita rakyat dengan lebih mendalam.

Rahimah Hamdan & Alya Batrisyia Annuar (2020) dalam kajiannya *Perspektif “Melayu Malas Dan “Melayu Bodoh” Oleh Barat Serta kebenarannya Berdasarkan Cerita Jenaka Melayu* membincangkan realiti sikap masyarakat Melayu yang diperhatikan oleh penjajah British semasa zaman penjajahan. Masalah dalam kajian ialah terdapat kelompongan kajian yang dilakukan oleh pengkaji sebelum ini. Kajian ini dijalankan bertujuan mengenal pasti dan menganalisis kebenaran perspektif penjajah British berdasarkan cerita jenaka Melayu yang terpilih. Kajian ini terbatas kepada cerita jenaka *Pak Belalang, Pak Pandir, Pak Kaduk* dan *Si Luncai*. Kajian ini membincangkan pendekatan kualitatif iaitu berpandukan kepustakaan serta teks. Hasil kajian merumuskan terdapat penyanggahan perspektif penjajah British terhadap masyarakat Melayu.

Muhammad Nur Al-Hakim Mohamad Hanafiah & Mohd Firdaus Che Yaacob (2021) melalui kajiannya *Nilai-nilai Kemanusiaan dalam Cerita Lisan: satu Penelitian Takmilah* membincangkan tingkah laku masyarakat yang dipengaruhi oleh nilai-nilai murni dalam cerita lisan Melayu. Kelompongan dalam kajian terdahulu berdasarkan aspek nilai-nilai kemanusiaan yang belum dikaji sepenuhnya. Objektif kajian ialah Objektif kajian dilakukan untuk mengenal pasti dan menganalisis nilai kemanusiaan dalam diri masyarakat yang diceritakan dalam cerita lisan. Pengkaji membataskan sepuluh jenis cerita rakyat iaitu “*Tukang Besi dan Kayu*”, “*Bawang Putih Bawang Merah*”, “*Bukit dan Pokok*”, “*Perahu Bunga Emas*”, “*Wak Sino Tukang Gasing*”, “*Ular dan Gurunya Buluh*”, “*Bertukar Menjadi Batu*”, “*Angsa Berbulu Emas*”, “*Raja Kuyuk dan Mengapa Pinggang Kerengga Ramping*”. Kajian menggunakan kaedah kualitatif dan Teori Takmilah sebagai kerangka analisis dan perbincangan bagi memantapkan hasil penyelidikan. Rumusan kajian mendapati nilai-nilai kemanusiaan dapat mendidik masyarakat agar lebih bertamadun dan mulia.

Muhammad Nur Al-Hakim Mohamad Hanafiah & Mohd Firdaus Che Yaacob (2021) dalam kajiannya *Penemuan Nilai-Nilai Islam Dalam Cerita Rakyat Lisan Melayu: Satu Penelitian Terhadap Pendekatan Karya Dan Khalayak* membincangkan tentang khazanah masyarakat Melayu iaitu cerita lisan yang berkait rapat dengan nilai-nilai Islam yang berlandaskan syariat Islam dalam kalangan masyarakat Melayu. Pengkaji mendapati terdapat kelompongan dalam sorotan kajian lepas dan belum meluas kajian cerita rakyat yang dilakukan sarjana terdahulu. Objektif kajian berpandukan nilai-nilai dalam cerita lisan Melayu. Kajian membataskan buku “*Koleksi 366 Cerita Rakyat Malaysia*” karya Zainariah Abdul Wahab, Nur Syafiqa Yusof dan Fatimah Abdul Nasir (2017) terbitan Edukit Publication Sdn Bhd. Selain itu, pengkaji menggunakan kaedah kualitatif seperti rujukan teks serta kepustakaan dan pengaplikasian Teori Takmilah. Hasil kajian mendapati penemuan nilai-nilai Islam yang mampu mendidik masyarakat ke arah yang lebih baik.

Muhammad Nur Al-Hakim Mohamad Hanafiah & Mohd Firdaus Che Yaacob (2021) dalam kajiannya *Nilai-Nilai Islam Terhadap Pembentukan Sosiobudaya Kanak-Kanak Menerusi Cerita Rakyat Melayu* membincangkan aspek kebudayaan dalam kehidupan masyarakat yang berpandukan nilai-nilai Islam. Pengkaji mendapat kelompongan kajian menerusi aspek nilai-nilai Islam dalam sosiobudaya kanak-kanak. Objektif kajian ialah mengenal pasti dan menganalisis nilai-nilai Islam yang terkandung dalam cerita rakyat Melayu terhadap kanak-kanak dalam pembentukan sosiobudaya. Kajian membataskan cerita rakyat “Asal Usul Nama Kelantan”, “Asal Usul Melawi”, “Dua Beradik” dan “Saka Halo” dengan menggunakan pendekatan kualitatif dan penerapan Teori Takmilah dalam memantapkan lagi daptan analisis. Hasil keseluruhan kajian mendapat penyumbangan nilai-nilai Islam ke arah yang lebih baik terhadap sosiobudaya kanak-kanak.

Noorzatulhidayah Mohd Hanipah, Daeng Haliza Daeng Jamal & Nasirin Abdillah (2021) dalam kajiannya *Ritual Dalam Cerita Rakyat Di Mukim Bebar, Pekan, Pahang, Malaysia* membincangkan cerita rakyat yang mempunyai hubungkait kehidupan masyarakat dan kebudayaan masyarakatnya yang meliputi kepercayaan, ekonomi dan sistem kekeluargaan. Masalah kajian ini mendapat kelompongan terhadap cerita rakyat oleh pengkaji-pengkaji lepas. Pengkaji menjalankan kajian untuk menganalisis upacara ritual dalam cerita rakyat di Mukim Bebar Pekan, Pahang. Selanjutnya, penyelidikan terbatas kepada cerita rakyat di Mukim Bebar Pekan, Pahang dengan penggunaan kaedah kualitatif. Teori yang diperkenalkan Bronislaw Malinowski (1884-1942) iaitu Teori Fungsionalisme diaplikasikan bagi memantapkan analisis kajian. Rumusan kajian mendapat beberapa ritual dalam cerita rakyat yang dipilih iaitu ritual Mandi Safar di Kampung Merchong, ritual Nyimoh Pantai, dan ritual Manusia Berkembar Mengkarung Ekor Bercabang Dua.

Mohd Firdaus Che Yaacob (2021) menerusi kajian *Cerita Rakyat Sebagai Simbol Kekayaan Nilai Ketamadunan Masyarakat Melayu* membincangkan hubungan antara masyarakat yang terjalin menerusi nilai-nilai dalam cerita rakyat. Kajian ini dijalankan adalah daripada kelompongan kajian lepas berteraskan nilai ketamadunan. Kajian ini berpandukan objektif iaitu mengenal pasti dan menganalisis ketamadunan masyarakat Melayu dalam cerita rakyat di Tumpat, Kelantan. Kajian terbatas kepada cerita rakyat *Puja Berubat, Semangat Laut, Tujuh Bersaudara* serta *Sungai Ketapang*. Kajian menggunakan kaedah kualitatif dan Teori Pengkaedahan Melayu sebagai kerangka panduan dalam memantapkan kajian. Hasil kajian mendapat jati diri dapat dibentuk ke arah kebaikan dan kemajuan menerusi nilai ketamadunan.

Muhammad Qawiem Hamizan, Abdul Walid Ali & Ahmad kamal Basyah Sallehuddin (2021) dalam kajiannya iaitu *Dokumentasi Tradisi Lisan dalam Cerita Rakyat Untuk Orang Melayu di Sarawak Untuk Persembahan Teater* membincangkan tentang pelaksanaan inovasi dalam karya untuk melestarikan tradisi lisan. Kajian ini dijalankan kerana kelompongan kajian-kajian terdahulu. Objektif kajian adalah mengenal pasti dan menganalisis elemen sinografi semasa pementasan iaitu *Readers Theaters*. Kajian ini membataskan cerita rakyat Sarawak iaitu “*Kisah Ular Sawa Dan Lelaki Yang Sesat*” dan “*Kisah Burung Keranda*” untuk diinovasikan dalam persembahan teater. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif. Hasil kajian mendapat pementasan dapat membantu memperluaskan pencapaian penonton terhadap naskhah cerita rakyat.

Mohd Firdaus Che Yaacob (2021) dalam kajiannya *Nilai-Nilai Murni Dalam Cerita Rakyat Cik Siti Wan Kembang* membincangkan masyarakat yang menyanjung tinggi kepada perjuangan Cik Siti Wan Kembang. Terdapat kelompongan daripada kajian lepas mendorong kajian ini dijalankan. Kajian dijalankan untuk mengenal pasti dan menganalisis nilai-nilai murni dalam Cik Siti Wan Kembang. Kajian membataskan kepada cerita lagenda yang bertajuk “*Cik Siti Wan Kembang*” dengan menggunakan

pendekatan kualitatif. Mengaplikasikan Teori Pengkaedahan Melayu sebagai kerangka panduan menyempurnakan penyelidikan ini. Hasil kajian merumuskan nilai yang diketengahkan mampu melahirkan generasi yang bermoral.

Muhammad Zaid Daud & Mary Fatimah Subet (2021) dalam kajiannya *Naratif Puteri Santubong Dan Puteri Sejinjang Mempertalikan Politik Tempatan: Analisis Pragmatik* membincangkan tentang peristiwa konflik yang berlaku kepada Puteri Santubong dan Puteri Sejinjang. Terdapat kelompongan daripada kajian lepas mendorong kajian ini dilakukan. Objektif kajian ialah menganalisis lirik lagu “Puteri Santubong” dalam buku *Koleksi Lagu-Lagu Koir Kebangsaan Malaysia*. Kajian ini terbatas kepada buku himpunan lagu rakyat iaitu *Koleksi Lagu-Lagu Koir Kebangsaan Malaysia* yang diterbitkan pada tahun 2009 oleh Jabatan Kesenian dan Kebudayaan Negara. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif. Selain itu, mengaplikasikan teori yang diasaskan oleh Sperber dan Wilson iaitu Teori Relevans (TR) bagi mengukuhkan lagi kajian. Hasil kajian merumuskan bahawa peristiwa yang dapat dijadikan sebagai pengajaran dan teladan dalam kehidupan.

Mohd Nazri Abdul Rahman, Aishah Abdul Malek & Muhammad Asyraf Mansor (2021) dalam kajiannya *Pedagogi Responsif Budaya Menerusi Cerita Rakyat Untuk Kemahiran Literasi Awal Kanak-Kanak* membincangkan tentang aspek pelaksanaan alternatif yang berkelainan untuk literasi pendidikan awal terhadap kanak-kanak. Masalah dalam kajian ialah kurangnya kajian lepas mengenai pedagogi responsif budaya yang dijalankan oleh para sarjana terdahulu. Kajian dilakukan bertujuan mengenal pasti dan menganalisis aspek pelaksanaan pedagogi responsif budaya melalui cerita rakyat. Kajian ini terbatas kepada kanak-kanak di sebuah tadika yang terdiri daripada umur 4 hingga 6 tahun yang terletak di Tangkak, Johor dengan kaedah lapangan menerusi temubual serta “*Focus Group Discussion*” serta menggunakan kaedah kualitatif bagi menghasilkan penyelidikan secara mendalam. Hasil kajian mendapati pedagogi

responsif budaya ini guru-guru dapat mendidik kanak-kanak melalui perwatakan diri, jati diri dan pembentukan nilai dalam diri kanak-kanak.

Siti Aishah Jusoh, Mohd Firdaus Che Yaacob & Nasirin Abdillah (2021) dalam kajiannya *Unsur Spiritual Dalam Cerita Lisan Melayu* membincangkan tentang kepelbagaiannya corak budaya dan tatacara dalam kehidupan sosial masyarakat yang mengandungi pengajaran, teguran dan sindiran. Kajian ini dijalankan untuk mengisi kelomongan kajian daripada sarjana terdahulu mengenai sifat mistik dan aneh dalam cerita lisan terpilih yang mengandungi unsur ritual. Objektif kajian bertujuan menganalisis ritual sumpahan yang terkandung dalam cerita lisan Melayu. Kajian ini membataskan cerita *Pokok Berdarah, Sang Gedembai, Kisah Jambul Belatuk, Puteri Tupai, Ketam Sumpahan, Gunung Bubu, Bayan Dan Puteri Kayangan, Puteri Durian Tunggal, Sungai Sembilang, Seruling Buluh Perindu, Batu Penyu dan Sembilang Kuala Kawah*. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif di samping mengaplikasikan Teori Budaya sebagai landasan bagi mengukuhkan lagi kajian. Keseluruhan perbincangan mendapati bahawa cerita lisan mengandungi pengajaran untuk dijadikan sebagai didikan dalam membentuk sahsiah masyarakat.

Suhaini Md Noor & Mohd Faizal Musa (2021) dalam kajiannya *Fungsi Makanan Dalam Interaksi Sosial Masyarakat Melayu: Satu Kajian Teks Cerita Rakyat* membincangkan kepelbagaiannya makanan tradisional masyarakat Melayu. Masalah dalam kajian ialah terdapat kelomongan daripada kajian sebelum ini. Objektif kajian ialah mengenal pasti dan menganalisis jenis makanan serta fungsi dan simbol makanan yang terdapat dalam *Musang Berjanggut*. Kajian membataskan teks *Musang Berjanggut* dalam penyelidikan. Pemilihan kaedah kualitatif sebagai perbincangan dan menggunakan pendekatan analisis teks yang diperkenalkan David Waines untuk membincangkan aspek-aspek wacana gastronomi menerusi cerita *Musang Berjanggut*. Hasil kajian

mendapati kebudayaan yang terkandung dalam cerita rakyat berkait rapat dengan aspek makanan masyarakat terdahulu.



UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

FTKw

### 2.3 Teori Pengkaedahan Melayu Dalam Karya-Karya Sastera Melayu

Johari Yahaya (2015) dalam kajiannya *Pantun Peribahasa Melayu: Analisis daripada Perspektif Teori Pengkaedahan Melayu* membincangkan tentang pantun yang sarat dengan nilai, norma kehidupan, nasihat, sindiran, guraian dan sebagainya. Kajian ini dijalankan kerana terdapat kelompongan kajian menerusi aspek peribahasa daripada sarjana terdahulu. Objektif kajian ialah mengenal pasti peribahasa Melayu dalam teks *Pantun Peribahasa Melayu* (1968), menganalisis mengenai kemahiran bidang daya cipta yang dinamik serta kearifan tempatan dan membincangkan nilai-nilai menerusi pantun-pantun peribahasa. Kajian ini terbatas kepada teks *Pantun Peribahasa Melayu* susunan Lo Mun dengan menggunakan kaedah kualitatif dan mengaplikasikan Teori Pengkaedahan Melayu. Keseluruhan kajian mendapati kajian ini cuba mengekalkan tradisi Melayu menerusi nilai-nilai yang diamalkan oleh masyarakat.

Zaitun Hassan (2015) menerusi kajiannya *Manifestasi Citra Alam Dalam Novel Ombak Bukan Penghalang: Suatu Penelitian Firasat Melayu* membincangkan tentang unsur citra dalam novel. Kajian ini dijalankan kerana kelompongan daripada kajian lepas menerusi kajian novel yang kurang dikenalpasti. Kajian dilaksanakan bertujuan mengenal pasti dan menganalisis pendekatan firasat Melayu berteraskan novel *Ombak Bukan Penghalang* (2007) mengenai unsur-unsur alam. Seterusnya, kajian ini terbatas kepada novel “*Ombak Bukan Penghalang*” dengan menggunakan kaedah kualitatif serta mengaplikasikan Teori Pengkaedahan Melayu menerusi Pendekatan Firasat. Hasil kajian mendapati jalan penyelesaian untuk membantu masyarakat yang mengalami kepincangan dan mewujudkan perpaduan dalam kehidupan.

Mohd Firdaus Che Yaacob & Normaliza Abd Rahman (2016) berdasarkan kajiannya iaitu *Nilai Baik Hati Menerusi Cerita Rakyat Melayu Terhadap Masyarakat Melayu Suatu Aplikasi Teori Pengkaedahan Melayu* membincangkan tentang cerita rakyat yang sarat dengan nilai yang mengandungi nasihat dan pengajaran. Terdapat kelompongan

daripada kajian-kajian terdahulu menyebabkan kajian ini dilaksanakan oleh pengkaji. Objektif utama kajian ialah mengenal pasti dan menganalisis nilai murni baik hati menerusi cerita rakyat Melayu. Selain itu, pengkaji membataskan *Koleksi Himpunan 366 Cerita Rakyat* gagasan Othman Puteh dan Aripin Said. Selanjutnya, pemilihan kaedah kualitatif dengan rujukan kepustakaan dan juga teks. Teori Pengkaedahan Melayu digunakan bagi mengukuhkan kajian. Rumusan kajian mendapati nilai unsur baik hati sangat penting dalam kehidupan masyarakat.

Roslina Abu Bakar & Aone Van Engelenhoven (2016) menerusi penyelidikan *Alam Dan Budaya Masyarakat Melayu Dalam Hikayat Pelanduk Jenaka* membincangkan tentang kehidupan binatang di lautan dan di rimba. Masalah kajian ini ialah terdapat kelompongan dalam sorotan kajian lepas. Oleh itu, kajian ini dilakukan untuk memperluaskan lagi kajian terdahulu mengenai alam dan budaya dengan lebih mendalam. Objektif kajian ialah mengenal pasti cara hidup dan kebudayaan masyarakat Melayu dan menganalisis aspek interaksi sosial untuk membongkarkan isu kemasyarakatan serta proses sosial. Kajian terbatas kepada *"Hikayat Pelanduk Jenaka"*. Kaedah kualitatif digunakan dalam kajian ini dengan mengaplikasikan Teori Pengkaedahan Melayu bagi menyempurnakan penyelidikan ini. Hasil kajian merumuskan beberapa cara hidup dan kebudayaan masyarakat Melayu dan mempertingkatkan nilai ketakwaan dan mencegah kemungkaran.

Noraini Abd Shukor (2016) melalui kajiannya *Padi Dan Air Sebagai Tanda Dalam Peribahasa Melayu: Pendekatan Firasat* membincangkan tentang unsur alam yang menjadi tanda dalam kehidupan masyarakat Melayu. Terdapat kelompongan daripada kajian lepas yang berkaitan dengan peribahasa. Oleh itu, objektif kajian bertujuan menganalisis makna tanda unsur alam serta peranan unsur air dan padi dalam kehidupan orang Melayu. Penyelidikan terbatas kepada buku *"Peribahasa Melayu: Penelitian Makna Dan Nilai"*. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif di samping

mengaplikasikan Teori Pengkaedahan Melayu menerusi Pendekatan Firasat. Hasil kajian menemukan makna tanda pada peribahasa ini dapat mengawal masyarakat agar mempunyai nilai dan norma dalam kehidupan.

Mohd Firdaus Che Yaacob & Nasirin Abdillah (2017) dalam kajiannya *Panerapan Nilai Murni Dalam Cerita Rakyat Melayu Suatu Aplikasi Teori Pengkaedahan Melayu: Analisis Nilai Kasih Sayang Dan Nilai Keadilan Dalam Masyarakat Melayu* membincangkan tentang nilai-nilai murni menerusi cerita rakyat dijadikan alat pendidikan kepada masyarakat. Pengkaji melaksanakan kajian kerana terdapat kelompongan daripada kajian lepas melalui penyelidikan sarjana terdahulu. Objektif kajian ialah mengenal pasti dan menganalisis nilai keadilan dan kasih sayang. Cerita rakyat menerusi nilai kasih sayang iaitu cerita rakyat *Nakhoda Haloba, Batu Belah Batu Bertangkup* dan *Puteri Pucuk Ketupang* telah dibataskan dalam kajian. Manakala, menerusi nilai keadilan pula iaitu cerita rakyat *Awang Selamat, Kacang Dan Telur Ayam* dan *Puteri Kelapa Gading*. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif bagi mengukuhkan kajian secara terperinci. Hasil kajian merumuskan cerita rakyat yang mengandungi nilai murni yang berfungsi sebagai pengajaran agar menjadi iktibar dalam kehidupan masyarakat.

Syaidul Azam Kamarudin & Arbai'e Sujud (2017) dalam kajiannya *Jati Diri Melayu Dalam Kumpulan Puisi Terpilih A. Aziz Deraman: Analisis Teori Pengkaedahan Melayu* membincangkan tentang jati diri orang Melayu yang mempengaruhi aspek ketatusilaan, pekerti dan kebijaksanaan. Kajian ini dijalankan kerana kelompongan daripada kajian-kajian yang terdahulu. Objektif kajian bertujuan menganalisis jati diri menerusi aspek agama, budaya serta Bahasa Melayu. Kajian ini terbatas kepada karya A. Aziz Deraman seperti “*Suara Gunung Kehidupan*” serta “*Gelora Nurani*” dengan menggunakan kaedah kualitatif menerusi rujukan kepustakaan dan teks serta mengaplikasikan Teori Pengkaedahan Melayu. Hasil kajian menemukan jati diri yang

ditunjukkan memberi peringatan, nasihat dan iktibar yang memberi manfaat dan membawa kemauafakatan kepada masyarakat.

Mohd Firdaus Che Yaacob, Nasirin Abdillah, Muhammad Izani Ab. Ghani, Shahariah Norain Shaharuddin & Siti Nur Anis Apandi (2017) menerusi kajiannya *Cerminan Moral Positif dalam Cerita-cerita Rakyat Melayu* membincangkan aspek yang terkandung dalam naratif lisan. Kajian dilakukan kerana kelompongan kajian berkaitan kesan kehidupan masyarakat Melayu dalam kelompok dewasa dan juga kanak-kanak dalam cerita rakyat Melayu akibat bercanggah pendapat. Kajian ini bertujuan mengenal pasti dan menganalisis cerminan moral positif dalam cerita rakyat Melayu terhadap masyarakat. Cerita rakyat Melayu karya Othman Putih dan Aripin Said seperti “*Raja Kuyuk dan Awang Yang Lurus*”, “*Padi Berbuah Emas*” dan “*Seuncang Padi dan Penjual Api Yang Lurus*”. Kaedah kualitatif dan mengaplikasikan Teori Pengkaedahan Melayu bagi memurnikan lagi analisis kajian. Keseluruhan kajian telah menemukan nilai mulia yang perlu diterapkan dalam diri manusia.

Qurratul ‘Ain Abdul Rahim & Mawar Safei (2018) melalui kajiannya *Introspeksi Dalam 77 Tuju: Siri Ingatan Kepada Kawan* membincangkan tentang pandangan kepada “introspeksi” yang berkait rapat dengan pemikiran Melayu sebagai proses pencerminan diri. Terdapat kelompongan daripada kajian terdahulu yang mendorong kajian ini dilaksanakan. Objektif kajian ialah mengenal pasti sosok keperibadian Rasulullah yang memperlihatkan introspeksi, menganalisis introspeksi yang berpaksikan kemasyarakatan khusus kepada persahabatan dan menganalisis introspeksi intonasi pengucapan puisi pengarang menerusi metafora dan diksi. Pengkaji memilih kaedah kualitatif dengan merujuk kepustakaan, teks dan sebagainya. Kajian telah membataskan kepada ungkapan “introspeksi” yang terdapat dalam puisi-puisi karya Zaen Kasturi iaitu *77 Tuju: Siri Ingatan Kepada Kawan* dengan mengaplikasikan pendekatan dakwah dalam Teori Pengkaedahan Melayu. Keseluruhan hasil kajian

menemukan amanat yang telah disampaikan yang membawa pada laluan introspeksi yang sarat di dalam puisi.

Che Abdullah Che Ya (2018) dalam kajian *Manifestasi Kehidupan Masyarakat Melayu Dalam Bedar Sukma Bisu Daripada Perspektif Pengkaedahan Melayu* membincangkan tentang gaya kehidupan masyarakat Melayu sebelum tercetusnya tragedi Perang Dunia Kedua. Kajian ini dijalankan untuk mengisi kelomongan kajian dalam novel Bedar Sukma Bisu yang dijalankan oleh pengkaji terdahulu. Kajian ini bertujuan mengenal pasti kehidupan masyarakat Melayu dan menganalisis karya *Bedar Sukma Bisu* sebagai manisfesti kehidupan masyarakat Melayu. Kajian ini terbatas kepada novel *Bedar Sukma Bisu* karya Faizal Tehrani dengan menggunakan kaedah kualitatif seperti rujukan kepustakaan serta teks. Teori Pengkaedahan Melayu yang diperkenalkan Hashim Awang digunakan untuk panduan analisis bagi mengukuhkan penyelidikan. Akhir sekali, hasil analisis kajian merumuskan alam sebagai sumber kehidupan masyarakat Melayu, kesusasteraan Melayu sebagai pembentukan akhlak, firasat kehidupan masyarakat Melayu, kesusasteraan sebagai medium dakwah, kesusasteraan sebagai cerminan kehidupan masyarakat serta kesusasteraan dan pegangan yang menggambarkan keindahan, akhlak, kepercayaan dan nilai-nilai murni yang menunjukkan gambaran kehidupan masyarakat Melayu.

Pg Haji Yakub Pg Ahmad & Mohamad Mokhtar Abu Hassan (2018) melalui kajian *Sajak-Sajak Badaruddin H.O. Bertemakan Ketuhanan: Analisis Pendekatan Dakwah* membincangkan tentang sajak yang bertemakan ketuhanan yang memaparkan keagungan Allah S.W.T. Terdapat kelomongan kajian yang dilakukan sarjana-sarjana terdahulu. Objektif kajian ialah mengenal pasti dan menganalisis sajak-sajak Badaruddin H.O bertemakan ketuhanan. Kajian ini terbatas kepada sajak *Meski Rumah Mu Di Akhirat, Istighfar Rejab, Ini Zat Bukan Bayangku, Episod-Episod Tsunami, Takdir Itu Begini, Di Malam Kudus Ramadhan* dan *Tongkat Putih* dengan menggunakan

kaedah kualitatif di samping mengaplikasikan Teori Pengkaedahan Melayu menerusi pendekatan dakwah. Rumusan kajian mendapat bahawa sajak-sajak yang dikaji ini mampu meningkatkan ketakwaan seseorang hamba kepada Allah.

Nurul Nasuha Mohd Rosle & Zubir Idris (2018) menerusi kajian *Hikayat Nabi Adam: Satu Kajian Teks Dan Analisis Berdasarkan Pengkaedahan Keagamaan* membincangkan tentang riwayat hidup dan sejarah asal usul kejadian nabi Adam. Kajian ini dijalankan disebabkan terdapat kelompongan daripada kajian terdahulu. Oleh itu, kajian ini dijalankan bagi menyempurnakan kelompongan tersebut mengenai teks manuskrip *Hikayat nabi Adam* yang belum pernah dikaji oleh mana-mana tokoh. Objektif kajian ialah menganalisis sejarah asal usul nabi Adam dan nilai-nilai Islam yang terkandung pada teks yang bertepatan dengan ajaran al-Quran dan hadis. Kajian ini terbatas kepada teks manuskrip *Hikayat Nabi Adam*. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif bagi menyempurnakan lagi kajian serta mengaplikasikan Teori Pengkaedahan Melayu menerusi konsep dakwah. Hasil kajian menemukan bahawa teks ini dapat dijadikan sebagai garis panduan dalam menjalani kehidupan.

Nadia Ishak & Kamariah Kamarudin (2019) dalam kajiannya iaitu *Pendidikan Anak-Anak Menerusi Surah Luqman Dalam Novel Ayahanda* membincangkan nasihat-nasihat yang terkandung dalam Surah Luqman sebagai proses pendidikan dan perkembangan awal sahsiah kanak-kanak. Kajian ini dijalankan kerana terdapat kelompongan menerusi novel *Ayahanda* yang dilakukan oleh tokoh-tokoh terdahulu. Objektif kajian adalah mengenal pasti dan menganalisis pendidikan anak-anak berpandukan Surah Luqman. Kajian ini terbatas kepada novel *Ayahanda* karya Azizi Haji Abdullah dengan menggunakan kaedah kualitatif iaitu rujukan kepustakaan dan teks. Teori Pengkaedahan Melayu menerusi Pendekatan Kemasyarakatan diaplikasikan sebagai kerangka analisis. Keseluruhan kajian mendapat al-Quran sebagai landasan pendidikan untuk mengimbangi aspek rohani dan jasmani dalam diri.

Nadia Ishak & Kamariah Kamarudin (2019) dalam kajian *Aspek Dakwah Dalam Novel Suriati Berdasarkan Pendekatan Dakwah Teori Pengkaedahan Melayu* membincangkan tentang aspek dakwah yang memaparkan isu konflik dan pergolakan kekeluargaan dengan tema agama. Terdapat kelompongan daripada kajian lepas menyebabkan kajian ini dilaksanakan. Objektif kajian untuk mengenal pasti dan menganalisis sejauh mana keberkesanan dakwah mampu mengubah kehidupan manusia agar sentiasa menanamkan kebaikan dan menjauhkan kebatilan. Kajian ini membataskan kepada karya Azizi Haji Abdullah iaitu novel *Suriati* dengan menggunakan kaedah kualitatif serta mengaplikasikan Teori Pengkaedahan Melayu melalui pendekatan dakwah. Hasil kajian telah merumuskan bahawa dakwah mampu menarik masyarakat mempelajari agama Islam serta mengembangkan dan menyebarkan Islam kepada masyarakat.

Hadijah Johari, Nor Shahida Mohd Shaker & Farra Humairah Mohd (2020) melalui kajian *Aplikasi Teori Pengkaedahan Melayu Dalam Kumpulan Cerpen Melamar Rindu Oleh Osman Ayob Melalui Dakwah Islamiah* membincangkan tentang isu-isu yang berlaku dalam kehidupan manusia. Kajian dilaksanakan asbab terdapat kelompongan kajian tokoh-tokoh sarjana terdahulu. Kajian ini bertujuan mengenal pasti dan menganalisis elemen dakwah dan menilai kesahihan cerpen *Melamar Rindu* sebagai dokumen dakwah berlandaskan al-Quran. Seterusnya, kajian terbatas kepada kumpulan cerpen *Melamar Rindu* berdasarkan cerpen “*Gangguan*”, “*Menimba Penawar*” serta “*Doanya Termakbul*”. Kajian menggunakan kaedah kualitatif bagi mengukuhkan penyelidikan ini. Teori Pengkaedahan Melayu dijadikan sebagai landasan bagi mengukuhkan penyelidikan ini. Hasil kajian mendapati bahawa kajian ini dapat membantu penyelidik, pensyarah serta pelajar dalam usaha memahami makna teks untuk mengangkat karya sastera.

Osman Ayob, Roslan Chin & Tuan Rusmawati Raja Hassan (2020) dalam kajiannya *Analisis Dakwah Dalam Cerpen-Cerpen Terpilih Rejab F.I* membincangkan tentang kekayaan tata susila hidup dan akal budi dalam kehidupan orang Melayu. Kajian ini dijalankan kerana kelomongan daripada kajian-kajian terdahulu. Selain itu, kajian dijalankan untuk mengenal pasti dan menganalisis elemen dakwah dalam cerpen Rejab F.I. Kajian terbatas kepada cerpen “*Papaverine*” penulisan Rejab F.I dengan menggunakan kaedah kualitatif iaitu rujukan kepustakaan atau teks. Teori Pengkaedahan Melayu gagasan Hashim Awang digunakan pengkaji menjadi kerangka analisis. Rumusan keseluruhan menemukan empat tema iaitu keadilan, ilmu, taubat dan takwa yang menjurus dalam watak dan perwatakan yang terdapat dalam pendekatan dakwah.

Nur Syazwani Bederohisam & Zubir Idris (2020) menerusi kajian *Syair Suka Duka Dalam Pelayaran Ke Mekah: Satu Analisis Pengkaedahan Keagamaan* membincangkan tentang naskhah syair yang kaya dengan nilai-nilai Islam di dalamnya. Kajian dijalankan bertujuan mengisi kelomongan daripada kajian lepas menerusi pengisian Agama Islam. Objektif kajian ialah mengenal pasti dan menganalisis *Syair Suka Duka Dalam Pelayaran Ke Mekah* berpandukan unsur dakwah. Kajian membataskan naskhah “*Syair Suka Duka Dalam Pelayaran Ke Mekah*” dengan menggunakan kaedah kualitatif di samping mengaplikasikan Teori Pengkaedahan Melayu yang berpaksikan Pengkaedahan Keagamaan menerusi pendekatan dakwah bagi memantapkan lagi penyelidikan ini dengan lebih mendalam. Rumusan kajian menemukan nilai-nilai keagungan Allah serta kebesaran Islam yang disebarluaskan kepada masyarakat.

Abdul Rahim & Nurul Safiah (2020) melalui kajiannya *Nilai-Nilai Kepahlawanan Menerusi Sajak-Sajak Terpilih Dalam Antologi Suara Wirawan Negara Bangsa Karya Ramli Abdul Halim: Satu Pengaplikasian Teori Pengkaedahan Melayu membincangkan tentang dalam sajak yang mengandungi gambaran realiti sikap kepahlawanan yang mengandungi pelbagai pengajaran. Kajian ini dilakukan kerana terdapat kelompongan menerusi kajian lepas yang dijalankan sarjana sebelum ini. Objektif kajian ialah mengenal pasti dan menganalisis nilai-nilai kepahlawanan menerusi sajak *Suara Wirawan Negara Bangsa*. Kajian ini terbatas penulisan Ramli Abdul Halim iaitu antologi *Suara Wirawan Negara Bangsa* dengan menggunakan kaedah kualitatif bagi menjalankan penyelidikan ini secara mendalam. Hashim Awang (1989) mengasaskan Teori Pengkaedahan Melayu yang diaplilikasikan dalam kajian sebagai landasan dalam menghasilkan analisis. Hasil kajian merumuskan bahawa nilai-nilai kepahlawanan yang terkandung dalam sajak ini mengandungi pengajaran yang dijadikan wadah untuk membentuk norma masyarakat.*

Jamail Masador, Abdul Halim Ali & Azhar Wahid (2021) dalam kajiannya iaitu *Nilai Kepahlawanan Dalam Tangon Terpilih Suku Kimaragang Di Sabah* membincangkan tentang cerita-cerita rakyat Tangon yang melambangkan falsafah, sosiobudaya, gambaran nilai kepahlawanan bagi masyarakat tersebut. Masalah dalam kajian ini terdapat kelompongan kajian dari tokoh-tokoh terdahulu. Objektif kajian bertujuan mengenal pasti dan menganalisis aspek kepahlawanan yang terkandung dalam *tangon*. Seterusnya, Penyelidikan ini memilih pendekatan kualitatif dari segi tembual dan lapangan. Kajian ini terbatas kepada cerita rakyat (*tangon*) suku Kimaragang iaitu *Si Ganuk, Ih Sambarak Om Tasu* dan *Si Dampayak Pakou* dengan menggunakan kaedah kualitatif menerusi rujukan kepustakaan dan teks serta mengaplikasikan Teori Pengkaedahan Melayu. Rumusan kajian mendapati elemen kepahlawanan sangat penting dalam membantu masyarakat yang hidup dalam keadaan kucar-kacir untuk memartabatkan maruah diri dan orang sekeliling.

Muhammad Izzat Farhan (2021) menerusi kajiannya *Kedinamikan Citra Masyarakat Dalam Novel-Novel Remaja Terpilih: Satu Penelitian Pendekatan Kemasyarakatan* membincangkan tentang citra masyarakat yang terkandung dalam novel-novel yang terpilih. Masalah kajian ini ialah terdapat kelompongan kajian mengenai unsur kedinamikan citra masyarakat yang belum dikaji oleh sarjana terdahulu. Kajian ini bertujuan mengenal pasti, menganalisis dan merumuskan kedinamikan citra masyarakat citra masyarakat berdasarkan novel remaja terpilih. Kajian ini membataskan cerita rakyat terpilih iaitu *Atukku Pejuang* karya Faizal Jailani, *Melakar Sinar* karya Sunita Sahidin dan *Bening Mata Seorang Dia* karya Adnie Bahiah. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif bagi mengukuhkan lagi penyelidikan ini secara terperinci dan mengaplikasikan Teori Pengkaedahan Melayu. Hasil kajian merumuskan bahawa ketiga-tiga novel ini menjadi gambaran kehidupan masyarakat dalam membentuk norma yang baik.

## 2.4 Penutup

Kesimpulannya, berdasarkan sorotan kajian yang telah dikemukakan oleh pengkaji yang telah dijalankan oleh tokoh-tokoh penyelidikan terdahulu berpendapat bahawa cerita rakyat sentiasa mendapat tempat di hati masyarakat. Sorotan kajian merupakan satu penyelidikan pembaharuan para pengkaji dalam mengekalkan elemen cerita rakyat untuk dikembangkan kepada golongan muda yang bertujuan untuk menghargai dan mengekalkan khazanah yang tidak ternilai kepada masyarakat Melayu. Selain itu, sorotan kajian lepas dijadikan sebagai penanda aras bagi menyempurnakan penyelidikan ini. Hal ini, sorotan kajian ini adalah rujukan sahih untuk pengkaji mendapatkan idea untuk mendapatkan sumber maklumat tambahan serta untuk mengelakkan berlakunya *plagiarisme* dalam penyelidikan ini. Dalam masa yang sama, sorotan kajian dapat menyambung kesinambungan kelompongan kajian yang dijalankan para pengkaji sebelumnya.

## BAB 3

### METODOLOGI KAJIAN

#### 3.1 Pengenalan

I Wayan Koyan (2014) menyatakan bahawa metodologi kualitatif merujuk kepada prosedur untuk penelitian dalam mendapatkan data deskriptif yang berunsurkan lisan atau tulisan dari tingkah laku yang dihasilkan. Pendekatan ini dikaitkan pada latar belakang serta individu secara holistik. Secara tak langsung, dalam bab ini pengkaji akan membahaskan mengenai reka bentuk kajian, kaedah kajian, dan teori yang akan diterapkan secara terperinci dalam kajian ini.

#### 3.2 Reka bentuk Kajian

Pendekatan kualitatif dipilih sebagai proses pengumpulan data untuk meneliti serta menganalisis data kajian. Pendekatan kualitatif ini membincangkan bagaimana cara untuk menganalisis data dalam kajian ini dengan menggunakan konteks kajian serta interaksi antara strategi penyelidikan, falsafah kajian, dan kaedah kajian.

#### 3.3 Kaedah Kajian

Kaedah kajian meneliti nilai-nilai murni yang memerlukan penggunaan kaedah rujukan, pengkaji cuba untuk menerapkan penyelidikan kualitatif. Kaedah ini digunakan bertujuan untuk melihat secara sistematik pengaplikasian pelbagai nilai-nilai murni dalam teks cerita rakyat yang terpilih iaitu teks *Seuntaian Naratif Lisan Di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan.*

### 3.3.1 Kajian Kepustakaan

Pengkaji akan menjalankan penelitian berdasarkan dokumen-dokumen yang berkaitan dengan tajuk kajian berdasarkan jurnal, tesis, artikel akhbar, buku, laman sesawang serta data bertulis yang lain. Pengkaji juga mencari sumber-sumber tambahan yang berkaitan di Perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan serta perpustakaan universiti yang lain melalui medium perantaraan bagi mengukuhkan lagi kajian ini.

### 3.3.2 Rujukan Teks atau Dokumen

Kaedah rujukan teks telah dilakukan oleh pengkaji melalui pembacaan secara teliti terhadap teks yang dipilih untuk menjalankan kajian dan diikuti dengan nilai-nilai murni yang bertepatan dengan definisinya sebagai fokus utama penyelidikan. Dalam konteks kajian ini, petikan melalui teks merupakan proses yang digunakan untuk menentukan sejauh mana peranan nilai-nilai murni dalam cerita rakyat. Pengkaji membataskan sebuah teks cerita rakyat sebagai bahan rujukan untuk menyelesaikan objektif kajian iaitu teks *Seuntaian Naratif Lisan Di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan* yang ditulis oleh Mohd Firdaus Che Yaacob pada tahun 2021 yang mengandungi 120 halaman bercetak. Selain itu, teks ini dipenuhi nilai-nilai murni yang berkeupayaan mengawal setiap pertuturan serta tingkah laku masyarakat menjadi lebih baik dan mulia sebagai landasan membentuk generasi yang berakhhlak mulia. Sehubungan dengan itu, teks ini dilihat sesuai untuk menghasilkan puisi Melayu berdasarkan cerita rakyat Melayu kerana sarat dengan nilai-nilai murni.

### 3.4 Teori Pengkaedahan Melayu


Pemilihan Teori Pengkaedahan Melayu menjadi landasan panduan analisis bagi memantapkan lagi penyelidikan. Berdasarkan Kolokium Membina Teori Sastera Sendiri, Hashim Awang (1999) menyatakan bahawa Teori Pengkaedahan Melayu merupakan teori kesusasteraan yang dibentuk kerana sikap dan kebudayaan bangsa Melayu, agama Islam serta pandangan dunia, perspektif atau kronologi alam semesta. Hal ini dikatakan demikian kerana, Hashim Awang telah meneroka dua pengkaedahan yang dianggap lebih bersesuaian dan berkait antara satu sama lain menerusi Pengkaedahan Alamiah dan Pengkaedahan Keagamaan.

#### 3.4.1 Pengkaedahan Alamiah

Pengkaedahan Alamiah dirumuskan mengenai keindahan alam telah memberi pelbagai kebaikan, keindahan dan juga manfaat terhadap manusia untuk menilai, mengkaji dan mengkritik karya-karya sastera. Hal ini dikatakan demikian kerana, sastera perlu dianggap sebagai wahana kerana memberi pelbagai manfaat yang sangat berguna kepada masyarakat (Hashim Awang, 1993).

Selain itu, menurut Hashim Awang (2002) menyatakan Pendekatan Alamiah ini dapat dirumuskan sebagai sebuah kehidupan yang dianggap sebagai sebahagian semesta. Selain itu, pendekatan ini mampu mengukuhkan agama Islam menerusi kepercayaan bahawa Allah SWT telah menciptakan alam ini yang dipenuhi dengan kebaikan, keindahan dan berkualiti. Bukan itu sahaja, Allah SWT juga mencipta alam ini berdasarkan dengan kebijaksanaan, nilai dan matlamat.

Oleh itu, Pengkaedahan Alamiah kemudian dibahagikan kepada tiga bahagian pendekatan. Antaranya ialah Pendekatan Gunaan, Pendekatan Moral dan Pendekatan Firasat.



#### a) Pendekatan Gunaan

Pendekatan Gunaan memfokuskan terhadap kebajikan serta penggunaan sastera melalui bentuk dan isi berdasarkan kebajikan dan tatasusila. Menurut Hashim Awang (1999) menyatakan bahawa ciri-ciri Pendekatan Gunaan seperti kepercayaan bahawa sastera adalah sebahagian daripada ciptaan alam yang berlaku dengan izin dan kehendak yang Maha Esa. Selain itu, sastera juga dicipta kerana mempunyai sebab yang tersendiri, berfungsi dan bermatlamat yang dapat dilihat menerusi ekstrinsik dan intrinsiknya. Bukan itu sahaja, sastera juga merupakan wahana yang bermanfaat kerana dapat memberi impak yang baik melalui sudut jasmani dan rohani dalam kehidupan masyarakat.

### b) Pendekatan Moral

Pendekatan moral ini adalah berpandukan daripada Pendekatan Gunaan di mana kesusasteraan merupakan objek dan kejadian. Tetapi, terma kejadian bepadukan Pendekatan Moral tidaklah berbentuk sesuatu perkara yang memberi manfaat namun ia lebih menekankan berkenaan kejadian yang berkaitan dengan pengalaman hidup manusia dan informasi berkenaan manusia termasuklah kemasyarakatan, persekitaran, kepercayaan, kejiwaan dan kebangsaan. Menurut Hashim Awang (1999) menyatakan bahawa ciri-ciri Pendekatan Moral ialah dianggap sebagai pemberi manfaat yang lebih tinggi nilainya berbanding manfaat sesuatu yang berbentuk alat di mana ia lebih bersifat pengalaman hidup manusia serta manfaat yang merangkumi rohani dan kejiwaan manusia. Selain itu, sastera juga dianggap sebagai penyingkap pengalaman hidup manusia seperti merekod perbuatan, tingkahlaku serta peristiwa yang berlaku dalam kehidupan manusia dan perkara yang berlaku dijadikan pengajaran dan iktibar. Oleh yang demikian, sastera juga berfungsi sebagai ilmu pengetahuan serta sumber maklumat.


### c) Pendekatan Firasat

Pendekatan Firasat percaya kesusasteraan merupakan fenomena alam semesta yang mengandungi pengalaman dalam kehidupan manusia. Menurut Hashim Awang (1999) menyatakan bahawa ciri-ciri Pendekatan Firasat ialah sebagai pemerhatian sastera sebagai hal yang mempunyai sifat dan nilai-nilai zahir serta batin yang mempunyai maksud secara terang-terangan dan maksud tersembunyi di mana menjadi penanda untuk mendapatkan makna tersirat atau penanda terhadap sesuatu kejadian. Selain itu, sastera dianggap sebagai bahan yang mempunyai denotasi dan konotasi yang menyebabkan pembaca perlu melakukan kerja-kerja mentafsir isi dan pemikiran yang ingin disampaikan oleh pengkarya. Akhir sekali, sastera juga mempunyai wahana yang mengandungi makna tersirat di dalamnya.

### 3.4.2 Pengkaedahan Keagamaan

Pengkaedahan Keagamaan merupakan sebuah pendekatan yang bertunjangkan akidah Islamiah yang berdasarkan keimanan. Hal ini, sumber utama dalam pendekatan ini merupakan Al-Quran dan Al-Hadis. Pendekatan Keagamaan menumpukan sifat-sifat keagungan dan kekuasaan Allah. Pengkaedahan Keagamaan ini juga mengutamakan nilai estetika dan moral (Hashim Awang, 2002).

Selain itu, menurut Hashim Awang (1999) menyatakan pengkaedahan ini terbahagi kepada Pendekatan Seni, Pendekatan Kemasyarakatan serta Pendekatan Dakwah.



Carta 3.4.2: Jenis Pengkaedahan Keagamaan

#### a) Pendekatan Seni

Penelitian terhadap nilai-nilai estetika dalam sesebuah karya sangat dititikberatkan dalam pendekatan ini. Hal ini dikatakan demikian kerana, karya sastera yang mempunyai unsur keindahan diberikan keutamaan dan ia menjadikan kesusasteraan sebagai persoalan pokok. Hashim Awang (1994) menyatakan bahawa ciri-ciri Pendekatan Seni mengandungi nilai-nilai estetika berlandaskan agama Islam yang

digunakan untuk meneliti keindahan dalam karya sastera. Bukan itu sahaja, terdapat beberapa unsur dalam mengenal pasti keindahan sesebuah karya iaitu berdasarkan unsur yang merangkumi tema dan watak, gaya penceritaan, sudut pandang dan bahasa.

b) Pendekatan Kemasyarakatan


Pendekatan Kemasyarakatan merujuk kepada persoalan untuk mencari kebaikan, manfaat dan keadilan berdasarkan aspek Islam yang dianggap sebagai hal utama dalam pendekatan ini. Menerusi pendekatan ini, sastera dianggap sebagai wadah yang disampaikan kepada manusia yang bertujuan untuk memberi keharmonian dan kebahagiaan dalam kehidupan manusia. Menurut Hashim Awang (1994) menyatakan bahawa ciri-ciri Pendekatan Kemasyarakatan ialah memberi pendedahan yang jelas dan benar berkenaan masalah yang berkaitan penipuan rasuah, ketidakadilan dan segala hal negatif yang membawa keruntuhan akhlak manusia. Selain itu, mengandungi persoalan isi dan tema yang memberi fokus kepada kepincangan dalam masyarakat yang diberi perhatian. Seterusnya, segala hal yang berkenaan persoalan manusia dipandang dari Islam dan tidak digunakan sebagai sebuah propaganda untuk menafikan perkara realiti yang wujud dalam masyarakat.

c) Pendekatan Dakwah

Pendekatan Dakwah merujuk kepada kekuasaan dan kebesaran Allah serta sifat-sifat Agung Allah dalam kesusasteraan. Nilai ketakwaan seseorang dapat dipertingkatkan dengan kesusasteraan. Menurut Hashim Awang (1999) menyatakan bahawa ciri-ciri Pendekatan Dakwah menerusi sastera dilihat memaparkan persoalan yang berkaitan dengan sifat kekuasaan dan kemuliaan Allah yang membawa rasa kecintaan terhadap Allah. Selanjutnya, sastera dilihat memaparkan persoalan yang berkaitan dengan sifat kekuasaan dan kemuliaan Allah yang membawa rasa kecintaan terhadap Allah. Kemudian, menekankan persoalan kemurnian dan keistimewaan agama Allah dan

secara tidak langsung memberi daya tarikan kepada masyarakat Islam dan sebaliknya supaya lebih mengenali dan mendalami agama Islam. Akhir sekali, pendekatan dakwah lebih memberi tumpuan kepada aspek amanat dan tema dalam permasalahan agama yang ditonjolkan.

### 3.5 Kerangka Konseptual



Rajah 3.1: Kerangka Konseptual

### 3.6 Penutup

Kaedah kajian yang jelas dan sistematik adalah sangat penting untuk menjalankan sesebuah kajian kerana kualiti daripada hasil kajian bergantung terhadap ketepatan dalam pemilihan kaedah kajian. Dapatan bagi sesebuah kajian akan dipengaruhi oleh kaedah kajian yang digunakan sama ada ianya sesuai ataupun tidak dengan objektif dan juga persoalan yang telah ditetapkan dalam kajian tersebut. Metodologi kajian ini ditentukan setelah semua aspek berkaitan kajian telah diteliti. Data kajian juga boleh diperolehi serta dianalisis selepas metodologi atau kaedah dipilih. Kemudian, setelah data dikumpul dan diperoleh, ia kemudiannya akan dianalisis pada bab yang seterusnya iaitu bab analisis dan dapatan kajian. Pengaplikasian Teori Pengkaedahan Melayu dalam kajian ini bagi mengukuhkan lagi hasil analisis dan dijadikan sebagai landasan dalam menghasilkan kajian ini. Oleh itu, segala data yang dikumpul dan dikaji dalam kajian ini akan menghasilkan sebuah dapatan berkenaan nilai-nilai murni dalam puisi Melayu melalui teks *Seuntaian Naratif Lisan Di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan.*

## BAB 4

### ANALISIS DAN DAPATAN KAJIAN

#### 4.1 Pengenalan

Pengkaji akan menganalisis serta menghuraikan secara deskriptif bagi menerangkan objektif kajian iaitu mengenalpasti nilai-nilai murni yang terkandung dalam puisi Melayu melalui transkripsi daripada cerita rakyat Melayu dan menganalisis nilai-nilai murni yang terkandung dalam puisi Melayu melalui transkripsi daripada cerita rakyat Melayu berdasarkan teks *Seuntaian Naratif Lisan Di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan* yang ditulis oleh Mohd Firdaus Che Yaacob (2021). Dalam masa yang sama, kajian ini akan membincangkan nilai-nilai murni melalui transkripsi puisi Melayu dalam cerita rakyat Melayu menerusi nilai baik hati, nilai berdikari, nilai hemah tinggi, nilai hormat-menghormati, nilai keberanian, nilai kejujuran dan nilai kerjasama. Dalam bab 4 ini, Teori Pengkaedahan Melayu daripada Hashim Awang (1989) dijadikan landasan analisis agar lebih jelas.

#### 4.2 Nilai Baik Hati

Nilai baik hati dapat ditakrifkan sebagai sikap seseorang individu yang mengambil berat tentang keadaan masyarakat sekeliling terhadap masalah yang dihadapi seperti kesusahan, penderitaan dan banyak lagi (Norita Ariffin, 2006). Seterusnya, nilai baik hati juga dapat dirumuskan sebagai sikap seseorang ingin memberi untuk memenuhi segala kebaikan dan keperluan orang sekeliling (Mohd Firdaus Che Yaacob, 2015). Selanjutnya, nilai baik hati dapat dirumuskan sebagai sikap lemah lembut dan bertimbang rasa terhadap orang lain (*Kamus Dewan*, 2017). Hal ini dikatakan demikian kerana, sikap mengambil berat ini mendorong seseorang individu itu untuk memberikan pertolongan kepada mereka yang memerlukan bantuan. Nilai baik hati merumuskan sikap dalam diri seseorang yang berniat untuk membantu masyarakat sekeliling dalam

kesusahan tanpa mengharapkan sebarang habuan dan membantu dengan penuh keikhlasan. Oleh itu, kajian akan membincangkan beberapa ciri baik hati melalui sikap belas kasihan, sikap pemurah, sikap pemaaf dan sikap memahami.

#### 4.2.1 Nilai Baik Hati Melalui Sikap Belas Kasihan

Belas kasihan bermaksud perasaan yang terdetik dalam diri seseorang seperti perasaan hiba, sedih dan kasihan apabila melihat masyarakat di sekelilingnya mengalami kesusahan dalam kehidupannya (Mohd Ali Hashimi, 1992; Aboebakar Atjeh, 1988; Hashim Musa, 2008; Mohd Firdaus Che Yaacob, 2015). Sikap belas kasihan disimpulkan sebagai sikap yang dialami oleh seseorang di mana wujudnya perasaan yang menyentuh hati apabila melihat orang lain dalam keadaan kesusahan dan bersedia untuk memberi bantuan bagi meringankan beban yang dipikul oleh mereka. Namun begitu, sikap belas kasihan ini hanya ada pada manusia yang baik hati di mana tidak boleh melihat orang lain dalam kesusahan. Sikap belas kasihan ini jelas menunjukkan bahawa seseorang itu sangat bersifat penyayang.

Sikap belas kasihan ini dapat dilihat menerusi transkripsi puisi Melayu dalam cerita rakyat Melayu berdasarkan teks *Seuntaian Naratif Lisan Di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan* yang bertajuk *Disorok Jin*, bertepatan dengan contoh petikan syair di bawah:

Alkisah cerita dahulu kala,  
Seorang lelaki, Ahmad namanya,  
Sangat dikenali nakal perangainya,  
Rakan diusik tak kira masa.

Otak geliga niat bercanda,  
Nakalnya tidak berpada-pada,  
Peristiwa buruk telah menimpa,  
Kerana sikap hidup binasa.

Bersatu teguh sesama manusia,  
Perasaan hiba atas kehilangan,  
Belas kasihan kepada keluarga,  
Telah sirna diculik siapa.

Bersepakat tanpa rasa mengeluh,  
Tersentuh hati ibunya luluh,  
Mengelilingi bumi sudah pun jauh,  
Akhirnya jumpa ditelan buluh.

(Putri Nur-Anis Balqis Binti Yazik, 2021)

Belas kasihan juga dapat dirumuskan sebagai perasaan hiba di mana mempunyai perasaan turut bersedih apabila mendengar penderitaan dan kesusahan yang dialami oleh orang sekeliling (Kamus Dewan, 2016). Hal ini dikatakan demikian kerana, sikap belas kasihan yang dimiliki oleh penduduk kampung kerana mempunyai perasaan hiba kerana berasa sedih dan kasihan ketika melihat kesusahan yang menimpa orang sekeliling dan bersedia untuk meringankan beban yang ditanggung. Berdasarkan transkripsi puisi Melayu dalam cerita rakyat *Disorok Jin*, sikap belas kasihan ini dapat dilihat pada rangkap tiga iaitu;

*Bersatu teguh sesama manusia,  
Perasaan hiba atas kehilangan,  
Belas kasihan kepada keluarga,  
Telah sirna diculik siapa.*

(Putri Nur-Anis Balqis Binti Yazik, 2021)

Berdasarkan rangkap tiga di atas membuktikan sikap belas kasihan yang terdapat dalam cerita rakyat *Disorok Jin* dapat dilihat menerusi penduduk kampung yang mempunyai rasa belas kasihan terhadap masyarakat sekeliling yang mempunyai masalah kehilangan anaknya yang terlalu nakal. Hal ini dikatakan demikian kerana, penduduk kampung berusaha membantu untuk mencari seorang budak lelaki bernama Ahmad yang dikatakan hilang kerana turut terkesan akan kesedihan yang dialami oleh ibu budak lelaki tersebut. Usaha pencarian yang dilakukan oleh penduduk kampung apabila berhasil menemukan budak lelaki itu. Hal ini, dapat kita lihat bahawa sikap belas kasihan yang terdapat dalam diri seseorang telah memberi manfaat kepada orang yang memerlukan pertolongan.

Nilai baik hati melalui sikap belas kasihan yang dipaparkan menerusi syair *Disorok Jin* ini bertunjangkan Pendekatan Kemasyarakatan melalui Teori Pengkaedahan Melayu yang digagaskan Hashim Awang (1989). Hal ini dikatakan demikian kerana, Pendekatan Kemasyarakatan dijadikan medium kesejahteraan dalam kehidupan bermasyarakat, mengukuhkan ketakwaan dan keimanan yang menjurus ke arah kebaikan (Hashim Awang, 2002). Sebagai contoh, nilai baik hati menerusi konteks sikap belas kasihan dapat melihat kehidupan masyarakat yang sentiasa mengambil berat terhadap masalah yang menimpa orang sekeliling dan saling memenuhi kebajikan antara satu sama lain kerana perasaan belas kasihan menimbulkan emosi perasaan sedih dan bersedia memberi pertolongan. Dalam konteks ini, dapat kita lihat bahawa Pendekatan Kemasyarakatan sebagai wadah untuk mendidik manusia untuk sentiasa melakukan kebaikan demi kehidupan yang harmoni di samping mengukuhkan nilai ketawaan dan keimanan dalam diri.

#### 4.2.2 Nilai Baik Hati Melalui Sikap Pemurah

Sikap pemurah bermaksud kelakuan seseorang yang tidak berkira mahupun tidak kedekut dan memiliki watak suka menghulurkan sedekah kepada individu yang memerlukan bantuan dan tidak berharap untuk mendapatkan sebarang habuan atas pertolongan yang telah diberikan (Mohd Firdaus Che Yaacob, 2015). Sikap pemurah dirumuskan seseorang bersikap tidak kedekut dan suka menderma atau bersedekah dengan penuh keikhlasan dan hanya mengharapkan keredhaan Allah atas kebaikan yang dilakukan.

Sikap pemurah ini dapat dilihat menerusi transkripsi puisi Melayu dalam cerita rakyat Melayu berdasarkan teks *Seuntaian Naratif Lisan Di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan* yang bertajuk *Bidan Tok Haji Esah*, bertepatan dengan contoh petikan syair di bawah:

Tersebutlah kisah dahulu kala,  
Bidan Tok Haji Esah jadi cerita,  
Sungguh sikapnya sangat mulia,  
Menjadi kesenangan rakyat jelata.

Sikap pemurah amalan mulia,  
Berkongsi harta kepada semua,  
Sedia berkhidmat kepada semua,  
Mengukir senyuman sampai telinga.

Sikap pemurah dalam diri,  
Sedia membantu tak meninggi diri,  
Baik hati sikap jati diri,  
Membina ukhwah yang sejati.

Sikap pemurah tak kira siapa,  
Beri pertolongan kepada semua,  
Jangan kedekut harta benda,  
Itu semua pinjaman dunia.

(Putri Nur-Anis Balqis Binti Yazik, 2021)

Sikap pemurah yang terdapat dalam masyarakat Melayu telah menjadi amalan dalam kehidupan yang sememangnya kaya dengan nilai-nilai yang baik (Ismail Hamid, 1988). Hal ini dikatakan demikian kerana, sikap pemurah yang dimiliki oleh bidan Tok Haji Esah kerana tidak kedekut untuk memberi pinjam barang atau harta kepunyaan miliknya kepada penduduk kampung yang susah. Berdasarkan transkripsi puisi Melayu dalam cerita rakyat *Bidan Tok Haji Esah*, sikap pemurah ini dapat dilihat melalui rangkap dua iaitu;

*Sikap pemurah amalan mulia,  
Berkongsi harta kepada semua,  
Sedia berkhidmat kepada semua,  
Mengukir senyuman sampai telinga.*

(Putri Nur-Anis Balqis Binti Yazik, 2021)

Berdasarkan rangkap dua di atas membuktikan sikap pemurah yang terdapat dalam syair *Bidan Tok Haji Esah* dapat dilihat menerusi bidan Tok Haji Esah yang memiliki sikap pemurah kerana memberi pinjam hartanya kepada penduduk kampung yang susah dan memerlukan pertolongan. Hal ini dikatakan demikian, bidan Tok Haji Esah memberi pinjam harta miliknya iaitu pinggan, mangkuk dan peralatan lain kepada penduduk kampung yang kesusahan dan tidak berkemampuan melakukan majlis

kenduri kerana penduduk kampung tidak mempunyai peralatan tersebut. Hal ini, dapat kita lihat bahawa sikap pemurah yang terdapat dalam diri seseorang telah memberi manfaat kepada orang yang memerlukan pertolongan di samping mengeratkan hubungan ukhwah dalam kalangan masyarakat.

Nilai baik hati melalui sikap pemurah yang dipaparkan menerusi syair *Bidan Tok Haji Esah* ini bertunjangkan Pendekatan Kemasyarakatan menerusi Teori Pengkaedahan Melayu yang digagaskan Hashim Awang (1989). Pendekatan Kemasyarakatan dijadikan medium kesejahteraan dalam kehidupan bermasyarakat, mengukuhkan ketakwaan dan keimanan yang menjurus ke arah kebaikan (Hashim Awang, 2002). Sebagai contoh, nilai baik hati melalui konteks sikap pemurah dapat menggambarkan masyarakat yang suka berkongsi harta benda untuk meringankan beban masyarakat sekeliling yang mengalami kesusahan dalam kehidupan. Dalam konteks ini, dapat kita lihat bahawa Pendekatan Kemasyarakatan sebagai wadah mendidik manusia untuk memiliki sikap pemurah dan sentiasa memberi pertolongan demi mengukuhkan hubungan ukhwah di samping melahirkan generasi yang berhati mulia.

#### 4.2.3 Nilai Baik Hati Melalui Sikap Pemaaf

Sikap pemaaf bermaksud seseorang yang suka memaafkan orang lain yang melakukan kesalahan terhadapnya serta tidak berniat untuk membala dendam kembali kepada mereka yang melakukan kesalahan dan tidak ada perasaan benci yang timbul dalam diri kerana dan bersikap lapang dada (Aboebakar Atjeh, 1988; Hashim Musa, 2008; Mohd Firdaus Che Yaacob, 2015). Sikap pemaaf dapat disimpulkan sebagai sikap seseorang kerana berlapang dada memberi maaf atas kesilapan yang dilakukan terhadap dirinya dan tidak berdendam.

Sikap pemaaf ini dapat dilihat menerusi transkripsi puisi Melayu dalam cerita rakyat Melayu berdasarkan teks *Seuntaian Naratif Lisan Di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan* yang bertajuk *Kepesatan Pengkalan Datu*, bertepatan dengan contoh petikan syair di bawah:

Dengarlah cerita wahai sahabat,  
Kisah ragam Pengkalan Parit,  
Tempat perdagangan penduduk setempat,  
Pengkalan yang maju dan pesat.

Baik hati dalam hubungan,  
Sikap berkongsi jadi amalan,  
Sesama manusia menjadi kawan,  
Jangan diikutkan sifat baran.

Berselisih faham silap diri,  
Terlalu ikutkan perasaan hati,  
Amarah berkuasa memakan diri,  
Sengketa tercipta kepuasan hati.

Sikap pemaaf amalan mulia,  
Merapatkan ukhwah yang terbina,  
Lupakan sengketa yang tercipta,  
Tak rugi diri tapi bahagia.

(Putri Nur-Anis Balqis Binti Yazik, 2021)

Sikap pemaaf adalah amalan yang diterapkan dalam diri seseorang yang bertujuan untuk membersihkan diri daripada segala sifat-sifat jahil yang terdetik dalam diri yang boleh merosakkan hati (Mohd Ali Hashimi, 1992). Hal ini dikatakan demikian kerana, sikap pemaaf yang dimiliki oleh Ah Li terhadap Pak Bulat atas salah faham yang ditimbulkan oleh Pak Bulat dan memaafkannya tanpa perasaan dendam walaupun berkecil hati atas sikap Pak Bulat. Berdasarkan transkripsi puisi Melayu dalam cerita rakyat *Kepesatan Pengkalan Datu*, sikap pemaaf ini dapat dilihat pada rangkap empat iaitu;

*Sikap pemaaf amalan mulia,  
Merapatkan ukhwah yang terbina,  
Lupakan sengketa yang tercipta,  
Tak rugi diri tapi bahagia.*

(Putri Nur-Anis Balqis Binti Yazik, 2021)

Berdasarkan rangkap empat di atas membuktikan sikap pemaaf yang terdapat dalam cerita rakyat *Kepesatan Pengkalan Datu* dapat dilihat menerusi Ah Li terhadap Pak Bulat. Hal ini, sikap panas baran yang dimiliki oleh Pak Bulat ketika kemahuannya tidak diendahkan, lalu Pak Bulat melepaskan kemarahannya kepada Ah Li yang merupakan seorang pedagang dari Cina dan berniaga bersama-sama di Pengkalan Parit Babong. Kelakuan Pak Bulat mendatangkan kemarahan kepada Ah Li sehingga menyebabkan berlakunya pergaduhan yang besar sehingga Ah Li berasa hati dan kemudian mereka tidak bertegur sapa. Hari berganti hari, Pak Bulat meminta maaf kepada Ah Li dan sedar akan perbuatannya yang sangat melampau. Dalam hal ini, Ah Li berlapang dada memaafkan Pak Bulat dan tidak mempunyai sedikit pun perasaan dendam terhadapnya. Akhirnya mereka berdua menjadi sahabat baik dan semakin rapat. Hal ini, dapat kita lihat bahawa sikap pemaaf yang terdapat dalam diri seseorang telah menunjukkan keikhlasan dalam apa jua keadaan demi mewujudkan suasana yang harmoni dalam kehidupan bermasyarakat.

Nilai baik hati melalui sikap pemaaf yang dipaparkan menerusi syair *Kepesatan Pengkalan Datu* ini bertunjangkan Pendekatan Kemasyarakatan melalui Teori Pengkaedahan Melayu yang digagaskan Hashim Awang (1989). Pendekatan Kemasyarakatan dijadikan medium kesejahteraan dalam kehidupan bermasyarakat, mengukuhkan ketakwaan dan keimanan yang menjurus ke arah kebaikan (Hashim Awang, 2002). Sebagai contoh, nilai baik hati dalam konteks sikap pemaaf dapat merujuk kepada masyarakat yang hidup dalam kemaafan kerana sentiasa memaafkan kesalahan yang telah dilakukan terhadapnya dan tidak ada niat berdendam untuk membala segala kejahatan kerana memiliki hati yang bersih dan ikhlas. Dalam konteks ini, dapat kita lihat bahawa Pendekatan Kemasyarakatan sebagai wadah mendidik manusia untuk memiliki sikap pemaaf untuk membentuk keperibadian yang mulia dan jiwa yang bersih di samping melahirkan generasi yang baik budi pekerti demi mengeratkan hubungan yang ukhwah dalam masyarakat.

#### 4.2.4 Nilai Baik Hati Melalui Sikap Memahami

Sikap memahami bermaksud sikap yang dapat pada seseorang yang arif tentang sesuatu perkara mahupun keadaan (*Kamus Dewan*, 2016). Hal ini dikatakan demikian kerana, sikap memahami yang terdapat pada seseorang akan memberi manfaat dan pertolongan kepada orang lain yang tidak tahu tentang sesuatu perkara ataupun keadaan. Berkemungkinan besar, individu ini telah menetap lama dan tahu segalanya tentang tempat yang didiami dan memberi nasihat kepada orang lain yang baru datang atau hendak mengenal tentang tempat yang didiaminya.

Sikap memahami ini dapat dilihat menerusi transkripsi puisi Melayu dalam cerita rakyat Melayu berdasarkan teks *Seuntaian Naratif Lisan Di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan* yang bertajuk *Pemujaan Pantai*, bertepatan dengan contoh petikan syair di bawah:

Tersebutlah kisah suatu ketika,  
Sekumpulan nelayan rajin bekerja,  
Berpanas hujan menyara keluarga,  
Hidup senang harus usaha.

Sikap memahami sesama kita,  
Memberi nasihat setiap masa,  
Walau di mana kita berada,  
Dunia bukan kita empunya.

Jauh belseyar sampai teluk,  
Saling hormat sesama makhluk,  
Hindari dari perkara buruk,  
Takut menjadi insan terkutuk.

Pesanan ini aku coretkan,  
Untuk menjadi sebuah pegangan,  
Pesanan ini engkau sebarkan,  
Manfaat baik jadi tauladan.

(Putri Nur-Anis Balqis Binti Yazik, 2021)

Sikap memahami yang terdapat dalam diri seseorang dikatakan dapat mewujudkan masyarakat yang bahagia dan bersatu-padu dalam menjaga kebajikan masyarakat yang bertujuan untuk membina kehidupan yang sejahtera dan harmoni (Mustafa Daud, 1991). Hal ini dikatakan demikian kerana, sikap memahami yang dimiliki oleh Tok Kelahi kerana Tok Kelahi memiliki pengetahuan dan arif dalam sesuatu perkara terutama dalam pantang larang oleh orang dahulu mengenai sesuatu tempat atau kawasan. Berdasarkan transkripsi puisi Melayu dalam cerita rakyat *Pemujaan Pantai*, sikap memahami ini dapat dilihat pada rangkap dua iaitu;

*Sikap memahami sesama kita,  
Memberi nasihat setiap masa,  
Walau di mana kita berada,  
Dunia bukan kita empunya.*

(Putri Nur-Anis Balqis Binti Yazik, 2021)

Berdasarkan rangkap dua di atas membuktikan sikap memahami yang terdapat dalam cerita rakyat *Pemujaan Pantai* dapat dilihat menerusi watak Tok Kelahi yang merupakan seorang bomoh yang handal dan mempunyai sikap memahami kerana dikatakan sangat arif dalam tentang sesuatu perkara. Hal ini, Tok Kelahi telah mengingatkan sekumpulan pemuda iaitu Udin, Sofi, Daud dan Pak Man yang ingin turun ke laut untuk menangkap hasil laut. Mengikut orang pada zaman dahulu, ada banyak pantang larang sebelum turun ke laut yang harus diikuti agar tidak berlaku perkara yang tidak diingini. Dengan mengikuti syarat-syarat yang ditetapkan, sekumpulan pemuda tersebut pergi dan pulang dalam keadaan yang selamat. Hal ini, dapat kita lihat bahawa sikap saling memahami dan saling mengingati telah memberi manfaat kepada orang lain.

Nilai baik hati melalui sikap memahami yang dipaparkan menerusi syair *Pemujaan Pantai* ini bertunjangan Pendekatan Kemasyarakatan menerusi Teori Pengkaedahan Melayu yang digagaskan Hashim Awang (1989). Hal ini dikatakan demikian kerana, Pendekatan Kemasyarakatan dijadikan medium kesejahteraan dalam kehidupan

bermasyarakat, mengukuhkan ketakwaan dan keimanan yang menjurus ke arah kebaikan (Hashim Awang, 2002). Sebagai contoh, nilai baik hati dalam konteks sikap memahami dapat menunjukkan kehidupan masyarakat yang mengamalkan sikap memahami dalam diri untuk membentuk sebuah perhubungan yang selesa, saling hormat-menghormati dan ikatan kasih sayang dalam kehidupan bermasyarakat. Dalam konteks ini, dapat kita lihat bahawa Pendekatan Kemasyarakatan sebagai wadah untuk mendidik manusia untuk sentiasa berfikiran positif dan membantu menyelesaikan masalah yang berlaku di samping mewujudkan hubungan ukhwah yang direhui oleh Allah SWT.

#### 4.3 Nilai Berdikari

Nilai berdikari dapat ditakrifkan sebagai sifat seseorang individu yang mempunyai sikap berfikiran bebas, berkebolehan, tidak bergantung dengan orang lain, sentiasa yakin dengan diri sendiri, sentiasa berusaha untuk mencapai apa yang diingini, bersedia memikul amanah dan tugas yang diberi dengan penuh tanggungjawab serta melaksanakan tugas dengan baik dan berdisiplin (Tajul Arifin Noordin dan Nor'aini Dan, 1992; Norita Ariffin, 2006; Hashim Musa, 2008; Wan Marzuki Wan Mohd Noor, 2010; Siti Rabiatul Adawiah Jaffar, 2013). Seterusnya, berdikari dapat dirumuskan sebagai seseorang yang sangat berkebolehan serta mempunyai keupayaan diri dalam melakukan sesuatu tanpa mengharapkan pertolongan orang lain (Mohd Firdaus Che Yaacob, 2015). Selain itu, berdikari juga dapat disimpulkan sebagai kemampuan untuk menjaga diri sendiri dengan keupayaan sendiri (*Kamus Dewan*, 2017). Hal ini, nilai berdikari dapat disimpulkan sebagai sikap manusia yang bersungguh-sungguh berusaha sedaya upaya dalam mencapai matlamat hidup dan tidak mengharapkan bantuan orang lain. Oleh itu, kajian ini akan membincangkan beberapa ciri berdikari melalui sikap tanggungjawab dan sikap rajin berusaha.

#### 4.3.1 Nilai Berdikari Melalui Sikap Tanggungjawab

Tanggungjawab dapat ditakrifkan sebagai sikap seseorang individu yang mempunyai kesanggupan menyahut cabaran dalam melaksanakan tugas tanpa sebarang keluhan dan sentiasa melakukan sesuatu kerja yang diamanahkan dengan bersungguh-sungguh agar mendapatkan hasil kerja yang berkualiti dan sempurna (Hashim Musa, 2008; Mohd Firdaus Che Yaacob, 2015). Hal ini dikatakan demikian kerana, sikap tanggungjawab oleh seseorang individu atas amanah yang diberikan kepadanya dan berusaha untuk menyelesaikan tugas itu dengan penuh kesempurnaan.

Sikap tanggungjawab ini dapat dilihat menerusi transkripsi puisi Melayu dalam cerita rakyat Melayu berdasarkan teks *Seuntaian Naratif Lisan Di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan* yang bertajuk *Asal Usul Datu*, bertepatan dengan contoh petikan syair di bawah:

Dengarlah sahabat syairku ini,  
Syair nasihat seikhlas hati,  
Hidup ini perlu berdikari,  
Menempuh dugaan yang menanti.

Bunga yang lebat ditabur baja,  
Orang yang hebat sentiasa usaha,  
Siap sedia buat apa saja,  
Sentiasa berkorban tak kira masa.

Sikap bertanggungjawab dalam diri,  
Memikul amanah yang diberi,  
Arahan diberi akur dituruti,  
Menjalankan kerja dengan teliti.

Jika kerja sambil lewa,  
Pasti hasilnya mendatangkan kecewa,  
Hidup merana tak siapa percaya,  
Terbuang diri tidak berguna.

(Putri Nur-Anis Balqis Binti Yazik, 2021)

Sikap bertanggungjawab dalam diri manusia dapat dirumuskan sebagai seseorang yang mempunyai rasa tanggungjawab dalam sesuatu perkara di samping boleh memikul dan menanggung sesuatu tanggungjawab yang diamanahkan dalam dirinya (*Kamus Dewan*, 2016). Hal ini dikatakan demikian kerana, sikap tanggungjawab yang dimiliki oleh Datu iaitu pemuda ufti yang sangat bertanggungjawab dalam menggalas amanah yang diberikan kepadanya dengan bersungguh-sungguh tanpa rasa mengeluh. Berdasarkan transkripsi puisi Melayu dalam cerita rakyat *Asal Usul Datu*, sikap tanggungjawab ini dapat dilihat pada rangkap tiga iaitu;

*Sikap bertanggungjawab dalam diri,  
Memikul amanah yang diberi,  
Arahan diberi akur dituruti,  
Menjalankan kerja dengan teliti.*

(Putri Nur-Anis Balqis Binti Yazik, 2021)

Berdasarkan rangkap tiga di atas membuktikan sikap bertanggungjawab yang terdapat dalam cerita rakyat *Asal Usul Datu* dapat dilihat menerusi watak Datu iaitu pemuda ufti. Hal ini dikatakan demikian kerana, Datu menjalankan amanah yang diberikan kepada oleh kerajaan Thailand dengan penuh tanggungjawab tanpa sebarang keluhan. Hal ini, Datu telah menjalankan tugas bersungguh-sungguh di mana beliau sanggup meredah sungai demi menyempurnakan tugas yang diberi. Datu juga bersedia mempertarungkan nyawa demi menyelamatkan negara daripada diceroboh daripada pihak musuh. Di sini, dapat kita lihat bahawa Datu merupakan seorang pemuda yang sangat bertanggungjawab dengan pekerjaannya.

Nilai berdikari melalui sikap tanggungjawab yang dipaparkan menerusi syair *Asal Usul Datu* ini bertunjangkan Pendekatan Moral melalui Teori Pengkaedahan Melayu yang digagaskan menerusi Hashim Awang (1989). Pendekatan Moral ini merujuk kepada pengalaman dan ilmu yang dilalui dan diperolehi oleh setiap manusia dalam kehidupan mereka yang memberi impak positif mahupun negatif terhadap mereka (Hashim Awang, 2002). Sebagai contoh, nilai berdikari dalam konteks sikap tanggungjawab ini dapat

menggambarkan bagaimana cara kehidupan masyarakat dalam melaksanakan amanah yang diberi dengan penuh tanggungjawab demi memperolehi ilmu pengetahuan yang dapat memberi impak yang positif dalam kehidupan dan melakukan segala tugas dengan bersungguh-sungguh. Dalam konteks ini, dapat kita lihat bahawa Pendekatan Moral sebagai wadah untuk mendidik manusia untuk memiliki rasa tanggungjawab dalam diri dengan melaksanakan amanah atau tugas dengan bersungguh-sungguh demi mewujudkan kehidupan yang berjaya dan sejahtera.

#### 4.3.2 Nilai Berdikari Melalui Sikap Rajin Berusaha

Rajin dapat ditakrifkan sebagai perbuatan seseorang individu yang bersungguh-sungguh, tekun dan sentiasa berusaha untuk memperolehi kejayaan untuk mencapai matlamat yang telah ditetapkan dalam kehidupan (Tajul Arifin Noordin dan Noraini Dan, 1992; Jumali Selamat, 2001; Norita Ariffin, 2006; Hashim Musa, 2008; Siti Rabiatul Adawiah Jaffar, 2013; Mohd Firdaus Che Yaacob, 2015). Usaha pula merupakan perbuatan melakukan sesuatu dengan bersungguh-sungguh dan bersemangat untuk mencapai matlamat yang ditetapkan dan mendapatkan hasil kerja yang berkualiti yang setanding dengan usaha (Jumali Selamat, 2001; Hashim Musa, 2008; Mohd Firdaus Che Yaacob, 2015). Hal ini, rajin berusaha merumuskan sikap seseorang individu yang melakukan sesuatu pekerjaan dengan bersungguh-sungguh untuk memperolehi sebuah kejayaan yang diimpikan.

Sikap rajin berusaha ini dapat dilihat menerusi transkripsi puisi Melayu dalam cerita rakyat Melayu berdasarkan teks *Seuntaian Naratif Lisan Di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan* yang bertajuk *Keasyikan Suara Buluh Perindu*, bertepatan dengan contoh petikan syair di bawah:

Tersebutlah kisah dahulu kala,  
Seorang lelaki sebatang kara,  
Kehulu kehilir hutan diteroka,  
Membanting tulang hidup dunia.

Tiada keluarga seorang diri,  
Ajarkan hidup untuk berdikari,  
Menjadi insan jiwa berani,  
Agar hidup dipandang tinggi.

Wahai lelaki.. rajin berusaha,  
Demi kehidupan yang selesa,  
Bangkit diri terus berusaha,  
Kejayaan pasti milikmu jua.

Wahai lelaki.. rajin berusaha,  
Keringat dikerah terhasil istana,  
Penat lelah mengukir gembira,  
Usaha ditabur menjadi nyata.

Rajin berusaha menggapai mimpi,  
Hasrat tercipta jadikan realiti,  
Jangan hanya berangan tinggi,  
Kelak nanti malukan diri.

(Putri Nur-Anis Balqis Binti Yazik, 2021)

Masyarakat Melayu sememangnya sinonim dengan sikap rajin berusaha dalam melaksanakan sesuatu perkara untuk memperolehi apa yang diinginkan sebagai kepuasan kepada diri sendiri (Jumali Selamat, 2001). Hal ini dikatakan demikian kerana, sikap rajin berusaha yang dimiliki oleh seorang lelaki kerana rajin melakukan pelbagai pekerjaan dengan bersungguh-sungguh demi menyara kehidupannya tanpa meminta pertolongan daripada orang lain. Berdasarkan transkripsi puisi Melayu dalam cerita rakyat *Keasyikan Suara Buluh Perindu*, sikap rajin berusaha ini dapat dilihat pada rangkap empat iaitu;

*Wahai lelaki.. rajin berusaha,  
Keringat dikerah terhasil istana,  
Penat lelah mengukir gembira,  
Usaha ditabur menjadi nyata.*

(Putri Nur-Anis Balqis Binti Yazik, 2021)

Berdasarkan rangkap empat di atas membuktikan sikap rajin berusaha yang terdapat dalam cerita rakyat *Keasyikan Suara Buluh Perindu* dapat dilihat menerusi watak seorang lelaki yang tinggal sebatang kara dan rajin melakukan pelbagai pekerjaan untuk kelangsungan hidup. Pada suatu hari, lelaki tersebut telah merantau dan melihat sebuah pulau yang sangat cantik. Hal ini, lelaki tersebut telah menebas semak samun

dan memerah keringat membina penempatan di pulau tersebut kerana terdapat pelbagai kemudahan di situ. Lelaki ini telah melakukan pelbagai aktiviti menangkap ikan, memungut hasil hutan dan juga memburu. Tidak lama kemudian, terdapat beberapa buah keluarga yang mendirikan penempatan berhampiran dengan lelaki tersebut. Hal ini, dapat kita lihat bahawa lelaki ini merupakan seseorang yang rajin nerusaja untuk memperolehi kehidupan yang lebih baik dan selesa.

Nilai berdikari melalui sikap rajin berusaha yang dipaparkan menerusi syair *Keasyikan Suara Buluh Perindu* ini bertunjangkan Pendekatan Moral menerusi Teori Pengkaedahan Melayu yang digagaskan daripada Hashim Awang (1989). Hal ini dikatakan demikian kerana, Pendekatan Moral ini merujuk kepada pengalaman dan ilmu yang dilalui dan diperolehi oleh setiap manusia dalam kehidupan mereka yang memberi impak positif mahupun negatif terhadap mereka (Hashim Awang, 2002). Sebagai contoh, nilai berdikari dalam konteks sikap rajin berusaha ini dapat menggambarkan seseorang yang sanggup melakukan apa sahaja dengan bersungguh-sungguh tuntuk kelangsungan hidup tanpa mengharapkan pertolongan orang lain untuk membuktikan bahawa rajin berusaha akan membawa kejayaan. Dalam konteks ini, dapat kita lihat bahawa Pendekatan Moral sebagai wadah untuk mendidik manusia untuk rajin berusaha untuk mencapai sesuatu kejayaan di samping dapat menambahkan ilmu pengetahuan, berfikiran matang dan pengalaman yang memberi impak positif dalam kehidupan atas segala usaha yang dilakukan.

#### 4.4 Nilai Hemah Tinggi

Nilai hemah tinggi dapat ditakrifkan sebagai sikap seseorang individu yang mempunyai tingkah laku yang lemah lembut dan berbudi pekerti terhadap masyarakat di sekelilingnya agar hubungan yang terjalin sentiasa dalam keadaan baik (Tajul Arifin Noordin dan Nor'aini Dan, 1992; Jumali Selamat, 2001; Norita Ariffin, 2006; Hashim Musa, 2008; Siti Rabiatul Adawiah Jaffar, 2013; Mohd Firdaus Che Yaacob, 2015).

Seterusnya, nilai hemah tinggi dikatakan dapat disemai serta dipupuk menerusi adat serta pengalaman yang telah dilalui dalam kehidupan (Hashim Awang, 2002). Hal ini, hemah tinggi dapat disimpulkan sebagai seseorang yang mempunyai perilaku yang baik, bersopan santun, lemah lembut, serta tutur kata yang santun dan beradab terhadap orang lain. Oleh itu, kajian ini akan membincangkan beberapa ciri hemah tinggi melalui sikap beradab dan sikap berterus-terang.

#### 4.4.1 Nilai Hemah Tinggi Melalui Sikap Beradab

Adab dapat ditakrifkan sebagai mengajarkan adab yang dipetik dari perkataan arab dan disebut sebagai “addaba”. Bukan itu sahaja, adab dapat ditakrifkan sebagai tingkah laku yang sopan, sikap budi pekerti yang mulia dan berbudi bahasa (Nurul Hamiza Nodzari, 2012). Hal ini dikatakan demikian kerana, sikap beradab dapat disimpulkan sebagai perilaku yang baik yang ada dalam diri seseorang yang ditonjolkan melalui tingkah lakunya terhadap masyarakat di sekelilingnya yang bertujuan untuk mewujudkan suasana yang harmoni.

Sikap beradab ini dapat dilihat menerusi transkripsi puisi Melayu dalam cerita rakyat Melayu berdasarkan teks *Seuntaian Naratif Lisan Di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan* yang bertajuk *Kemasyhuran Pantai Pengkalan Datu*, bertepatan dengan contoh petikan syair di bawah:

Tersebutlah kisah zaman dahulu,  
Sebuah pantai Pengkalan Datu,  
Tempat perdagangan yang maju,  
Ramai pedagang berpusu-pusu.

Penduduk setempat berhemah tinggi,  
Berniaga bersama tidak berdengki,  
Jauh sekali merasa iri,  
Percaya pada rezeki llahi.

Sikap beradab sesama manusia,  
Menguatkan lagi hubungan saudara,  
Limpahan rezeki dikongsi bersama,  
Barulah hidup aman bahagia.

Sikap beradab dan bertatasusila,  
Menjaga lisan walau di mana,  
Berhati dalam menutur kata,  
Kerana mulut badan binasa.

(Putri Nur-Anis Balqis Binti Yazik, 2021)

Sikap beradap dapat dirumuskan sebagai sikap sopan dan berbudi bahasa yang terdapat dalam diri seseorang (*Kamus Dewan*, 2017). Hal ini dikatakan demikian kerana, sikap beradab yang dimiliki oleh para pedagang kerana sangat beradab dalam menuturkan kata-kata yang sopan ketika berkomunikasi dengan masyarakat tempatan. Berdasarkan transkripsi puisi Melayu dalam cerita rakyat *Kemasyhuran Pantai Pengkalan Datu*, sikap beradab ini dapat dilihat pada rangkap tiga iaitu;

*Sikap beradab sesama manusia,  
Menguatkan lagi hubungan saudara,  
Limpahan rezeki dikongsi bersama,  
Barulah hidup aman bahagia.*

(Putri Nur-Anis Balqis Binti Yazik, 2021)

Berdasarkan rangkap tiga di atas membuktikan sikap beradab yang terdapat dalam cerita rakyat *Kemasyhuran Pantai Pengkalan Datu* dapat dilihat menerusi watak para pedagang dari luar negara kerana menuturkan kata-kata yang sopan dalam berkomunikasi semasa melakukan urusan jual beli dengan masyarakat tempatan. Selain itu, peniaga tempatan juga sangat beradap ketika urusan jual beli dilakukan walaupun kedua-dua peniaga harus berkongsi tempat perniagaan yang sama, tidak pernah berlaku perbalahan kerana kedengkian dan sebagainya. Hal ini dikatakan demikian kerana, mereka mencari rezeki bersama-sama secara aman damai tanpa sebarang unsur konflik. Hal ini, dapat kita lihat bahawa kedua-dua peniaga ini sangat beradab antara satu sama lain demi mewujudkan suasana yang harmoni.

Nilai hemah tinggi melalui sikap beradab yang dipaparkan menerusi syair *Kemasyhuran Pantai Pengkalan Datu* ini bertunjangkan Pendekatan Moral menerusi Teori Pengkaedahan Melayu yang digagaskan Hashim Awang (1989). Pendekatan Moral ini merujuk kepada pengalaman dan ilmu yang dilalui dan diperolehi oleh setiap manusia dalam kehidupan mereka yang memberi impak positif mahupun negatif terhadap mereka (Hashim Awang, 2002). Sebagai contoh, nilai hemah tinggi dalam konteks sikap beradab ini dapat menggambarkan seseorang yang menjaga tutur kata dan tingkah laku apabila berhadapan dengan masyarakat sekeliling untuk mewujudkan sebuah ikatan persaudaraan yang akrab. Dalam konteks ini, dapat kita lihat bahawa Pendekatan Moral sebagai wadah untuk mendidik manusia supaya berkelakuan yang penuh adab kepada masyarakat sekeliling untuk memperoleh tindak balas yang positif antara satu sama lain.

#### 4.4.2 Nilai Hemah Tinggi Melalui Sikap Ramah Mesra

Sikap ramah mesra merujuk kepada seseorang yang mampu mencerikkan suasana bermasyarakat dengan hubungan mesra seperti keakraban, berkelakuan baik, dapat berkomunikasi secara baik dan menuturkan kata-kata yang baik dan sopan (Hashim Musa, 2008; Siti Rabiatul Adawiyah Jaffar, 2013; Mohd Firdaus Che Yaacob, 2015). Hal ini dikatakan demikian kerana, sikap ramah mesra disimpulkan sebagai seseorang yang bersungguh-sungguh dalam membina hubungan yang baik dan bersih dengan masyarakat sekeliling dengan mementingkan ketelusan dalam komunikasi dan tingkah laku.

Sikap ramah mesra ini dapat dilihat menerusi transkripsi puisi Melayu dalam cerita rakyat Melayu berdasarkan teks *Seuntaian Naratif Lisan Di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan* yang bertajuk *Nurani Che Him Dalam Masyarakat*, bertepatan dengan contoh petikan syair di bawah:

Tersebutlah cerita dahulu kala,  
Kisah Che Him saudagar Cina,  
Dipenuhi dengan sikap mulia,  
Memberi kesenangan rakyat jelata.

Beramah mesra kepada semua,  
Tidak memilih budaya dan bangsa,  
Hidup dalam satu negara,  
Sudah menjadi satu keluarga.

Beramah mesra amalan mulia,  
Tidak sompong antara manusia,  
Darjah hanya pandangan dunia,  
Tiada beza antara kita.

Janganlah kita memilih kasih,  
Hidup serumpun jangan tersisih,  
Takut nasib tak terpilih,  
Orang tak sudi hidup pun perih.

(Putri Nur-Anis Balqis Binti Yazik, 2021)

Sikap ramah mesra yang terdapat dalam diri seseorang yang mempunyai budi bahasa yang elok dan mesra seperti sudah erat dan nyaman agar dapat mewujudkan suasana yang selesa dalam berkomunikasi (*Kamus Dewan*, 2016). Hal ini dikatakan demikian kerana, sikap ramah mesra yang dimiliki oleh Che Him kerana memiliki watak yang sangat peramah dengan masyarakat sekeliling dan tidak sompong untuk bergaul walaupun berlainan bangsa menyebabkan kehadirannya disenangi oleh masyarakat. Berdasarkan transkripsi puisi Melayu dalam cerita rakyat *Nurani Che Him Dalam Masyarakat*, sikap ramah mesra ini dapat dilihat pada rangkap dua iaitu;

*Beramah mesra kepada semua,  
Tidak memilih budaya dan bangsa,  
Hidup dalam satu negara,  
Sudah menjadi satu keluarga.*

(Putri Nur-Anis Balqis Binti Yazik, 2021)

Berdasarkan rangkap dua di atas membuktikan sikap beradab yang terdapat dalam cerita rakyat *Nurani Che Him Dalam Masyarakat* dapat dilihat menerusi watak Che Him iaitu seorang pedagang dari negeri China. Che Him memiliki sikap ramah mesra kerana suka bergaul dengan masyarakat Melayu yang menyebabkan perwatakananya disukai dan disenangi oleh masyarakat sekeliling. Tambahan pula, Che Him merupakan

seorang peniaga kecil-kecilan di kampung yang menjual barang keperluan sehari-hari masyarakat. Hal ini, sikapnya yang terlalu ramah menyebabkan masyarakat sekeliling suka mendampinginya. Hal ini, dapat kita lihat bahawa hubungan Che Him dengan masyarakat tempatan sangat akrab seperti saudara kandung.

Nilai hemah tinggi melalui sikap ramah mesra yang dipaparkan menerusi syair *Nurani Che Him Dalam Masyarakat* ini bertunjangkan Pendekatan Moral melalui Teori Pengkaedahan Melayu yang digagaskan oleh Hashim Awang (1989). Hal ini dikatakan demikian kerana, Pendekatan Moral ini merujuk kepada pengalaman dan ilmu yang dilalui dan diperolehi oleh setiap manusia dalam kehidupan mereka yang memberi impak positif maupun negatif terhadap mereka (Hashim Awang, 2002). Sebagai contoh, nilai hemah tinggi dalam konteks sikap ramah mesra ini dapat menggambarkan keakraban sebuah hubungan yang terjalin dalam kalangan masyarakat berdasarkan perhubungan yang mesra seperti mudah bergaul dan tidak sompong menerusi tutur kata dan kelakuan yang sopan ketika berkomunikasi demi mewujudkan kehidupan yang harmoni dan sejahtera. Dalam konteks ini, dapat kita lihat bahawa Pendekatan Moral sebagai wadah untuk mendidik manusia supaya berkelakuan murni untuk memperolehi impak yang positif dalam kehidupan bermasyarakat.

#### 4.4.3 Nilai Hemah Tinggi Melalui Sikap Berterus-Terang Akan Kesalahan

Berterus-terang dapat ditakrifkan sebagai perbuatan untuk menyampaikan sesuatu perkara secara berterus-terang, ringkas dan tidak paksaan daripada mana-mana pihak. Penyampaian ini disampaikan secara langsung dengan menggunakan bahasa yang jelas (Brown dan Levinson, 1987). Hal ini dapat disimpulkan bahawa sikap berterus-terang akan kesalahan dalam diri seseorang individu apabila hendak menyampaikan sesuatu kebenaran secara nyata dan jujur tanpa sebarang muslihat.

Sikap berterus-terang akan kesalahan ini dapat dilihat menerusi transkripsi puisi Melayu dalam cerita rakyat Melayu berdasarkan teks *Seuntaian Naratif Lisan Di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan* yang bertajuk *Pokok Tanjung Dan Alat Muzik yang Bisu*, bertepatan dengan contoh petikan syair di bawah:

Dengarlah kawan satu cerita,  
Ragam kisah orang muda,  
Semangat tinggi lagi bergelora,  
Berhasrat menjadi sang juara.

Didikan keluarga berhemah tinggi,  
Tidak pernah meninggi diri,  
Semangat juang yang tinggi,  
Keutuhan membina jati diri.

Berterus-terang kesilapan diri,  
Agar tetap merendah diri,  
Berterus-terang sifat berani,  
Kesilapan diri jujur diakui.

Jangan ego menguasi diri,  
Takut pula nanti dibenci,  
Tidak mendengar nasihat diberi,  
Belajar untuk muhasabah diri.

(Putri Nur-Anis Balqis Binti Yazik, 2021)

Sikap berterus-terang dapat dirumuskan sebagai kelakuan seseorang yang ikhlas dan berani dalam menyatakan segala kesalahan yang telah dilakukan (*Kamus Dewan*, 2016). Hal ini dikatakan demikian kerana, sikap berterus-terang akan kesalahan yang dimiliki oleh Mail dan rakan-rakannya kerana mengakui kesalahan yang dilakukan mereka akibat kedegilan tersendiri yang tidak mendengarkan nasihat yang diberikan oleh Tok Ketua. Berdasarkan transkripsi puisi Melayu dalam cerita rakyat *Pokok Tanjung Dan Alat Muzik Yang Bisu*, sikap berterus-terang akan kesalahan ini dapat dilihat pada rangkap tiga iaitu;

*Berterus-terang kesilapan diri,  
Agar tetap merendah diri,  
Berterus-terang sifat berani,  
Kesilapan diri jujur diakui.*

(Putri Nur-Anis Balqis Binti Yazik, 2021)

Berdasarkan rangkap tiga di atas membuktikan sikap berterus-terang akan kesalahan yang terdapat dalam cerita rakyat *Pokok Tanjung Dan Alat Muzik Yang Bisu* dapat dilihat menerusi watak Mail dan rakan-rakannya kerana tidak mendengarkan nasihat yang diberikan oleh Tok Ketua untuk membuat persembahan di pokok tanjung dan membuat persembahan sebelum menyertai pertandingan yang lebih besar. Hal ini dikatakan demikian kerana, Mail dan rakan-rakannya tidak mendengarkan nasihat yang diberikan oleh Tok Ketua kerana menganggap sebagai cerita karut oleh orang zaman dahulu kerana banyak pantang larang. Akibat sikap yang tidak mendengar nasihat ini, alat muzik yang dibawa oleh Mail dan rakan-rakan tidak mengeluarkan bunyi semasa persembahan berlangsung dan mereka telah kalah dalam persembahan tersebut. Selepas itu, Mail berjumpa dengan Tok Ketua dan berterus-terang terhadap apa yang berlaku kepada mereka dan akur kerana tidak mendengarkan nasihat yang diberi. Hal ini, dapat kita lihat bahawa Mail bersikap berterus-terang akan kesalahan dalam mengakui kesalahan yang dilakukannya.

Nilai hemah tinggi melalui sikap berterus-terang akan kesalahan yang dipaparkan menerusi syair *Pokok Tanjung Dan Alat Muzik Yang Bisu* ini bertunjangkan Pendekatan Moral menerusi Teori Pengkaedahan Melayu yang digagaskan Hashim Awang (1989). Hal ini dikatakan demikian kerana, Pendekatan Moral ini merujuk kepada pengalaman dan ilmu yang dilalui dan diperolehi oleh setiap manusia dalam kehidupan mereka yang memberi impak positif mahupun negatif terhadap mereka (Hashim Awang, 2002). Sebagai contoh, nilai hemah tinggi dalam konteks sikap berterus-terang akan kesalahan ini dapat menggambarkan betapa pentingnya setiap manusia sedar terhadap kesilapan atau kesalahan yang dilakukan sekaligus meminta maaf atau perbuatan itu demi mengelakkan berlakunya perpecahan serta pergaduhan dalam kalangan masyarakat. Dalam konteks ini, dapat kita lihat bahawa Pendekatan Moral sebagai wadah untuk mendidik manusia supaya belajar dari pengalaman untuk

berkelakuan baik dan jujur agar memperolehi faedah dalam kehidupan sendiri atau orang sekeliling.

#### 4.5 Nilai Hormat-Menghormati

Nilai hormat-menghormati dapat ditakrifkan sikap budi pekerti melalui kelakuan sopan serta lemah lembut yang dilakukan oleh seseorang kepada masyarakat yang ada di sekelilingnya sebagai tanda hormat. Nilai hormat-menghormati dapat merujuk menerusi ibu bapa, pemimpin, jiran, guru, rakan-rakan, masyarakat sekeliling, hormat kepada budaya serta adat resam bangsa lain dan banyak lagi (Tajul Ariffin Noordin dan Nor'aini Dan, 1992). Seterusnya, sikap hormat-menghormati dikatakan dapat membentuk budaya bangsa yang bermoral di samping melahirkan masyarakat yang bertamadun (Hashim Awang, 2002). Selain itu, hormat-menghormati bermaksud mempunyai perasaan hormat terhadap orang lain (*Kamus Dewan*, 2017).

Nilai hormat-menghormati dapat disimpulkan sebagai tingkah laku seseorang yang sangat mulia dan sentiasa mempunyai rasa hormat kepada sesiapa sahaja yang ada di sekelilingnya yang bertujuan untuk merapatkan hubungan persaudaraan dengan memberi layanan yang baik. Sikap hormat-menghormati menunjukkan sikap seseorang yang sangat sopan dan bersifat positif. Sikap yang mulia ini telah dididik dan diterapkan dalam diri oleh ibu bapa sejak kecil lagi yang membentuk diri ke arah kebaikan. Oleh itu, kajian ini akan membincangkan beberapa ciri hormat-menghormati menerusi sikap menghormati orang tua, sikap hormat kepada kepercayaan dan adat resam dan sikap menghormati kedudukan raja.

#### 4.5.1 Nilai Hormat-Menghormati Melalui Sikap Menghormati Orang Tua

Gelaran “orang tua” dapat ditakrifkan sebagai gelaran kepada orang yang lebih tua iaitu ibu, ayah, serta seseorang yang lebih berusia (*Kamus Dewan*, 2016). Hal ini, menghormati orang tua dapat disimpulkan sebagai sikap yang memberi layanan baik serta rasa hormat dengan orang yang lebih berumur serta menunjukkan tingkah laku perwatakan yang sopan kepada orang tua seperti berbudi dan bersopan santun dalam berkomunikasi dan tidak meninggikan suara.

Sikap menghormati orang tua ini dapat dilihat menerusi transkripsi puisi Melayu dalam cerita rakyat Melayu berdasarkan teks *Seuntaian Naratif Lisan Di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan* yang bertajuk *Tenggelamnya Masjid Pengkalan Datu*, bertepatan dengan contoh petikan syair di bawah:

Ini cerita zaman dahulu,  
Anak muda di Pengkalan Datu,  
Bersatu hati mencari ilmu,  
Rendah hati hormati guru.

Tua muda saling menghormati,  
Usaha membina ukhwah sejati,  
Bersungguh-sungguh ilmu dicari,  
Agar hidup lebih diberkati.

Hormat-menghormati sesama kita,  
Tidak kira muda dan tua,  
Hubungan bersaudara perlu dijaga,  
Kelak hidup aman sejahtera.

Sikap menghormati amalan mulia,  
Hormat kepada yang lebih tua,  
Jika hormat sudah tiada,  
Kelak nanti orang tak suka.

(Putri Nur-Anis Balqis Binti Yazik, 2021)

Sikap menghormati orang tua merupakan adat dalam masyarakat Melayu yang sangat penting dalam membina kehidupan kehidupan yang harmoni (Hashim Musa, 2008). Hal ini dikatakan demikian kerana, sikap menghormati orang tua yang dimiliki oleh penduduk kampung kerana sangat menghormati tokoh agama terutama dalam

kalangan anak-anak muda. Hal ini, tokoh agama juga banyak mengajar dan membantu anak-anak muda di kampung sehingga berjaya mencapai cita-cita mereka. Berdasarkan transkripsi puisi Melayu dalam cerita rakyat *Tenggelamnya Masjid Pengakalan Datu*, sikap menghormati orang tua ini dapat dilihat pada rangkap tiga iaitu;

*Hormat-menghormati sesama kita,  
Tidak kira muda dan tua,  
Hubungan bersaudara perlu dijaga,  
Kelak hidup aman sejahtera.*

(Putri Nur-Anis Balqis Binti Yazik, 2021)

Berdasarkan rangkap tiga di atas membuktikan sikap menghormati orang tua yang terdapat dalam cerita rakyat *Tenggelamnya Masjid Pengakalan Datu* dapat dilihat menerusi watak penduduk kampung yang sangat hormat kepada seorang tokoh agama. Hal ini dikatakan demikian kerana, jasa tokoh agama telah menyebabkan anak-anak muda di kampung Pengkalan Datu ini telah berjaya sehingga ada yang telah melanjutkan pelajaran ke luar negara serta ada juga yang menjadi guru-guru agama yang mengembangkan ilmu agama kepada generasi seterusnya. Hal ini, dapat kita lihat bahawa penduduk kampung sangat menghormati orang yang lebih berumur terutama kepada orang yang memberikan ilmu.

Nilai hormat-menghormati menerusi sikap menghormati orang tua dipaparkan menerusi syair *Tenggelamnya Masjid Pengakalan Datu* ini bertunjangkan Pendekatan Moral menerusi Teori Pengkaedahan Melayu yang digagaskan Hashim Awang (1989). Pendekatan Moral ini merujuk kepada pengalaman dan ilmu yang dilalui dan diperolehi oleh setiap manusia dalam kehidupan mereka yang memberi impak positif maupun negatif terhadap mereka (Hashim Awang, 2002). Sebagai contoh, nilai hormat-menghormati dalam konteks sikap menghormati orang tua ini dapat menggambarkan kemuliaan yang dimiliki oleh seseorang yang sangat menghormati orang tua atau orang yang lebih berusia daripadanya kerana mempunyai perasaan kasih dan memberi tanda hormat agar membina ikatan perhubungan yang erat dan

harmoni. Dalam konteks ini, dapat kita lihat bahawa Pendekatan Moral sebagai wadah untuk mendidik manusia mencari keredhaan Allah dengan menghormati dan memuliakan orang tua di samping meningkatkan nilai ketakwaan dan keagamaan untuk menjadi manusia yang baik.

#### 4.5.2 Nilai Hormat-Menghormati Melalui Sikap Hormat Kepada Kepercayaan Dan Adat Resam

Kepercayaan ditakrifkan sebagai keyakinan, iktikad dan juga mengaku akan sesuatu kebenaran. Adat pula dapat ditakrifkan sebagai peraturan yang telah diikuti secara turun-temurun oleh sesuatu kelompok masyarakat. Resam dapat ditakrifkan sebagai tabiat atau kebiasaan. (*Kamus Dewan*, 2016). Hal ini, sikap hormat kepada kepercayaan dan adat resam disimpulkan sebagai sikap seseorang individu yang sangat hormat kepada kepercayaan terhadap tingkah laku dan tradisi kaum atau bangsa lain yang menjadi yang telah diamalkan dari nenek moyang mereka.

Sikap hormat kepada kepercayaan dan adat resam ini dilihat menerusi transkripsi puisi Melayu dalam cerita rakyat Melayu berdasarkan teks *Seuntaian Naratif Lisan Di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan* yang bertajuk *Pemujaan Pantai*, bertepatan dengan contoh petikan syair di bawah:

Dengarlah kawan suatu riwayat,  
Kisah tentang sekumpulan sahabat,  
Cakna kepercayaan dan adat,  
Mencari rezeki turun ke laut.

Sikap hormat kepercayaan orang,  
Ikuti pesan pantang larang,  
Penuhi syarat sebelum berdagang,  
Agar hindari sifat malang.

Sikap hormat adat resam,  
Orang dahulu makan garam,  
Semua terjadi pengajaran silam,  
Jika abaikan akan terancam.

Budaya orang jangan pertikai,  
Hormati saja jangan memandai,  
Sikap simbolik jati diri,  
Adat orang jangan kelahi.

(Putri Nur-Anis Balqis Binti Yazik, 2021)

Masyarakat Melayu tidak asing lagi dalam mengamalkan adat resam dalam kehidupan untuk memaparkan kesinambungan budaya dari zaman nenek moyang agar dipandang tinggi oleh orang sekeliling (Hashim Musa, 2008; Mohd Firdaus Che Yaacob, 2015). Hal ini dikatakan demikian kerana, sikap hormat kepada kepercayaan dan adat resam yang dimiliki oleh sekumpulan pemuda iaitu Udin, Sofi, Daud dan Pak Man kerana penduduk kampung kerana sangat hormat terhadap pantang larang oleh nenek moyang terdahulu dan tidak melanggar pantang larang yang ditetapkan. Berdasarkan transkripsi puisi Melayu dalam cerita rakyat *Pemujaan Pantai*, sikap hormat kepada kepercayaan dan adat resam ini dilihat pada rangkap dua iaitu;

*Sikap hormat kepercayaan orang,  
Ikuti pesan pantang larang,  
Penuhi syarat sebelum berdagang,  
Agar hindari sifat malang.*

(Putri Nur-Anis Balqis Binti Yazik, 2021)

Berdasarkan rangkap dua di atas membuktikan sikap hormat kepada kepercayaan dan adat resam yang terdapat dalam cerita rakyat *Pemujaan Pantai* dapat dilihat menerusi watak sekumpulan pemuda iaitu Udin, Sofi, Daud, dan Pak Man yang menghormati adat dan pantang larang pesanan orang dahulu sebelum turun ke laut. Hal ini, mereka berempat ingin turun ke laut mencari rezeki menyara kehidupan. Sebelum turun ke laut, sekumpulan pemuda ini telah mengikuti syarat-syarat yang telah ditetapkan iaitu menghanyutkan setiap bahagian kerbau di laut selama tujuh hari berturut-turut. Sekiranya sekumpulan pemuda ini melanggar perintah kepercayaan orang dahulu berkenaan pantang-larang ini, mereka akan ditimpa nasib yang malang dan tidak akan memperolehi sebarang hasil laut. Hal ini, dapat kita lihat bahawa, sekumpulan pemuda

ini sangat hormat terhadap kepercayaan dan adat resam yang telah diamalkan sejak dahulu lagi.

Nilai hormat-menghormati melalui sikap hormat kepada kepercayaan dan adat resam yang dipaparkan menerusi syair *Pemujaan Pantai* ini bertunjangkan Pendekatan Moral menerusi Teori Pengkaedahan Melayu yang digagaskan Hashim Awang (1989). Hal ini dikatakan demikian kerana, Pendekatan Moral ini merujuk kepada pengalaman dan ilmu yang dilalui dan diperolehi oleh setiap manusia dalam kehidupan mereka yang memberi impak positif maupun negatif terhadap mereka (Hashim Awang, 2002). Sebagai contoh, nilai hormat-menghormati dalam konteks sikap hormat kepada kepercayaan dan adat resam ini menggambarkan adat resam masyarakat Melayu pada zaman dahulu mementingkan kepercayaan animisme sebagai pegangan dalam kehidupan kerana agama Islam pada ketika itu belum lagi tersebar luas dan hanya terpengaruh dengan ajaran Hindu. Hal ini, masyarakat pada ketika itu percaya bahawa upacara pemujaan pantai ini membawa tuah seperti menjamin keselamatan, kesuburan tanah dan sebagainya. Dalam konteks ini, dapat kita lihat bahawa Pendekatan Moral sebagai wadah untuk mendidik manusia menghormati kebudayaan masyarakat yang pelbagai budaya dan bangsa kerana terdapat makna-makna tertentu di sebalik kepercayaan ini demi mewujudkan kehidupan yang harmoni dan sejahtera.

**4.5.3 Sikap Hormat-Menghormati Melalui Sikap Menghormati Kedudukan Raja**  
Raja atau nama lainnya iaitu sultan dapat ditakrifkan sebagai orang yang menjadi ketua dan memerintah sebuah negara. Raja ini berkuasa dalam beberapa hak untuk mentadbir kedaulatan negara. Negara pula dapat ditakrifkan sebagai kawasan yang didiami oleh sekelompok masyarakat yang diperintah oleh seorang ketua yang menggerakkan pembangunan kemajuan sesebuah negara (*Kamus Dewan*, 2016). Hal ini dapat disimpulkan bahawa, sikap menghormati kedudukan raja dapat disimpulkan sebagai sikap seseorang individu yang taat kepada pemerintah sebagai ketua negara

dan mengikuti segala sistem atau undang-undang yang telah ditetapkan demi menjamin kesejahteraan negara.

Sikap menghormati kedudukan raja ini dapat dilihat menerusi transkripsi puisi Melayu dalam cerita rakyat Melayu berdasarkan teks *Seuntaian Naratif Lisan Di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan* yang bertajuk *Simbolik Rebana*, bertepatan dengan contoh petikan syair di bawah:

Dengarlah kisah dahulu kala,  
Kampung Pulau Gajah empunya cerita,  
Alkisah tentang golongan raja,  
Bunyi rebana pembuka cerita.

Hormat-menghormati amalan mulia,  
Jati diri yang tercipta,  
Telah tersemat di dalam jiwa,  
Didikan murni rakyat jelata.

Sikap hormat kepada raja,  
Kukuh persaudaraan yang dibina,  
Sudah menjadi tanggungjawab kita,  
Hormat kepada pemimpin negara.

Sikap hormat kepada raja,  
Bersama jaga kedaulatan negara,  
Jadilah rakyat yang berguna,  
Demi kesejahteraan bangsa kita.

Sikap hormat kepada pemerintah,  
Jangan ingkar jangan bantah,  
Takut nanti berpecah belah.  
Negara luar datang menjajah.

(Putri Nur-Anis Balqis Binti Yazik, 2021)

Sikap menghormati kedudukan raja dalam kalangan masyarakat merupakan perkara penting dalam membangunkan negara yang sejahtera, makmur dan bersatu padu. (Hashim Musa, 2008). Hal ini dikatakan demikian kerana, sikap menghormati kedudukan raja yang dimiliki oleh masyarakat di Pulau Gajah kerana sangat menghormati kedudukan raja sebagai seorang ketua atau pemimpin yang mentadbir sebuah negara. Berdasarkan transkripsi puisi Melayu dalam cerita rakyat *Simbolik Rebana*, sikap menghormati kedudukan raja ini dapat dilihat pada rangkap tiga iaitu;

*Sikap hormat kepada raja,  
Kukuh persaudaraan yang dibina,  
Sudah menjadi tanggungjawab kita,  
Hormat kepada pemimpin negara.*

(Putri Nur-Anis Balqis Binti Yazik, 2021)

Berdasarkan rangkap tiga di atas membuktikan sikap menghormati kedudukan raja yang terdapat dalam cerita rakyat *Simbolik Rabana* dapat dilihat menerusi watak masyarakat di Pulau Gajah yang sangat menghormati golongan raja. Hal ini dikatakan demikian kerana, masyarakat ini akan saling bekerjasama ketika upacara menjayakan majlis dengan irungan bunyi rebana. Sebagai tambahan, rebana ini hanya dimainkan oleh masyarakat setempat ketika menyambut golongan raja dalam majlis-majlis tertentu dan tidak boleh dimainkan sesuka hati kerana dianggap sebagai biadab dan tidak menghormati golongan raja. Hal ini jelas menunjukkan bahawa masyarakat di Pulau Gajah sangat menghormati dan menyanjung tinggi golongan raja yang dianggap sebagai pemerintah dan pentadbir negara.

Nilai hormat-menghormati melalui sikap menghormati kedudukan raja yang dipaparkan menerusi syair *Simbolik Rebana* ini bertunjangkan Pendekatan Moral menerusi Teori Pengkaedahan Melayu yang diasaskan Hashim Awang (1989). Pendekatan Moral merujuk pengalaman dan ilmu yang dilalui dan diperolehi oleh setiap manusia dalam kehidupan mereka yang memberi impak positif maupun negatif terhadap mereka (Hashim Awang, 2002). Sebagai contoh, nilai hormat-menghormati dalam konteks sikap menghormati kedudukan raja ini dapat menggambarkan ketaatan masyarakat di Tanah Melayu dikatakan sangat menghormati raja demi kedaulatan golongan raja di Tanah Melayu demi memastikan kesejahteraan, keharmonian dan keamanan rakyat dan negara. Dalam konteks ini, dapat kita lihat bahawa Pendekatan Moral sebagai wadah untuk mendidik manusia menghormati raja dan negara sebagai tanda kasih dan sayang kepada raja-raja demi mewujudkan sebuah negara yang makmur.

## 4.6 Nilai Keberanian

Nilai keberanian dapat ditakrifkan sebagai seseorang individu yang sanggup untuk bertindak dalam mengharungi pelbagai cabaran dengan tabah, yakin, cekal dan berjuang secara bermati-matian walaupun tahu akan risiko yang bakal mendarat (Tajul Arifin Noordin dan Nor'aini Dan, 1992; Aboebakar Atjeh, 1988; Jumali Selamat, 2001; Norita Ariffin, 2006; Hashim Musa, 2008; Siti Rabiatul Adawiah Jaffar, 2013). Seterusnya, keberanian juga bermaksud sikap berani yang dimiliki seseorang yang tidak gentar akan sebarang cabaran, mendukung kebenaran dan berani menanggung risiko dalam menghadapi rintangan (Mohd Firdaus Che Yaacob, 2015). Selanjutnya, keberanian ialah keupayaan untuk mengawal ketakutan apabila menghadapi bahaya atau kesakitan (*Kamus Dewan*, 2017). Hal ini, dapat disimpulkan bahawa, nilai keberanian sebagai seseorang yang memiliki kesanggupan dalam melakukan apa sahaja walaupun berisiko tinggi, tidak mempunyai rasa takut, dan sentiasa bersedia menghadapi pelbagai cabaran dan dugaan. Oleh itu, kajian ini akan membincangkan beberapa ciri keberanian melalui sikap berani dalam mempertahankan diri, sikap mempunyai pendirian dan sikap berani bertanggungjawab.

### 4.6.1 Nilai keberanian Melalui Sikap Berani Dalam Mempertahankan Diri

Mempertahankan dapat ditakrifkan sebagai mengusahaikan untuk kekal, berpegang teguh, berusaha agar tidak melepaskan serta mengikhtiar supaya tidak berubah. Diri pula dapat ditakrifkan sebagai susuk tubuh manusia yang mempunyai keupayaan untuk berfikir dan bergerak (*Kamus Dewan*, 2016). Hal ini, sikap berani dalam mempertahankan diri dapat disimpulkan sebagai sikap seseorang yang nekad untuk berjuang secara bermati-matian untuk bertindak mempertahankan diri.

Sikap berani dalam mempertahankan diri ini dapat dilihat menerusi transkripsi puisi Melayu dalam cerita rakyat Melayu berdasarkan teks *Seuntaian Naratif Lisan Di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan* yang bertajuk *Asal Usul Kampung Babong*, bertepatan dengan contoh petikan syair di bawah:

Dengarlah cerita nenek moyang,  
Kisah dalam Kampung Babong,  
Merungkai peristiwa dalam kampung,  
Seorang pahlawan yang disanjung.

Tok Babong nama dikenali,  
Bertubuh tinggi dan berani,  
Jikalau musuh datang mendekati,  
Bersiap sedia untuk mati.

Berani dalam mempertahan diri,  
Agar hindari diri dianiayai,  
Sikap berani sangat digeruni,  
Musuh berundur tidak berani.

Sifat berani kekuatan diri,  
Menjadi pelindung orang ramai,  
Jikalau diri tidak berani,  
Kelak diri akan disakiti.

(Putri Nur-Anis Balqis Binti Yazik, 2021)

Sikap berani dalam mempertahankan diri merupakan sikap manusia yang memiliki prinsip hidup yang jelas, kental dan berdaya juang tinggi dalam mempertahankan keadilan agar dapat melindungi diri (Hashim Musa, 2008). Hal ini dikatakan demikian kerana, sikap berani dalam mempertahankan diri yang dimiliki oleh Tok Babong kerana dikatakan beliau sangat berani dalam menentang perkara-perkara yang tidak wajar berlaku di kampung Babong semasa pemerintahannya dan berani untuk menampar siapa yang tersalah kata kepadanya. Berdasarkan transkripsi puisi Melayu dalam cerita rakyat *Asal Usul Kampung Babong*, sikap berani dalam mempertahankan diri ini dapat dilihat pada rangkap tiga iaitu;

*Berani dalam mempertahan diri,  
Agar hindari diri dianiayai,  
Sikap berani sangat digeruni,  
Musuh berundur tidak berani.*

(Putri Nur-Anis Balqis Binti Yazik, 2021)

Berdasarkan rangkap tiga di atas membuktikan sikap berani dalam mempertahankan diri yang terdapat dalam cerita rakyat *Asal Usul Kampung Babong* dapat dilihat menerusi watak Tok Babong atau nama sebenarnya Datuk Babong yang merupakan seorang yang sangat berani dalam menentang perkara-perkara yang tidak wajar berlaku di Kampung Babong. Hal ini, Tok Babong akan menentang sesiapa sahaja yang melakukan perkara yang tidak baik sepanjang pentadbirannya. Tok Babong juga dikatakan berani untuk menampar kepada mereka yang didapati melakukan kesalahan tersalah kata kepadanya. Sikap keberanian Tok Babong membuatkan masyarakat di situ sangat menghormati dan menyanjung tinggi akan dirinya. Hal ini, dapat kita rumuskan bahawa Tok Babong memiliki sikap keberanian dalam mempertahankan diri terutama dalam mempertahankan hak-hak pemilik kampung semasa mentadbir Kampung Babong.

Nilai keberanian melalui sikap berani dalam mempertahankan diri yang dipaparkan menerusi syair *Asal Usul Kampung Babong* ini bertunjangkan Pendekatan Moral melalui Teori Pengkaedahan Melayu yang digagaskan Hashim Awang (1989). Pendekatan Moral merujuk pengalaman dan ilmu yang dilalui dan diperolehi oleh setiap manusia dalam kehidupan mereka yang memberi impak positif mahupun negatif terhadap mereka (Hashim Awang, 2002). Sebagai contoh, nilai keberanian dalam konteks sikap berani dalam mempertahankan diri ini dapat menggambarkan bagaimana seseorang itu mempertahankan dirinya atau orang sekeliling daripada dianiayai oleh lain agar tiada kesusahan yang berlaku pada kemudian hari. Dalam konteks ini, dapat kita lihat bahawa Pendekatan Moral sebagai wadah untuk mendidik manusia untuk mempunyai kekuatan dan bertindak melindungi diri serta orang sekeliling daripada menjadi mangsa kezaliman dan tidak terus ditindas oleh orang tidak bertanggungjawab.

#### 4.6.2 Nilai Keberanian Melalui Sikap Mempunyai Pendirian

Pendirian dapat ditakrifkan sebagai satu pegangan untuk menilai atau menimbang sesuatu perkara, pembinaan, serta perihal mendirikan sesuatu (*Kamus Dewan*, 2016). Hal ini, sikap mempunyai pendirian dapat disimpulkan sebagai sikap seseorang yang yang mempunyai pendirian yang berpegang teguh dengan sesuatu keputusan yang muktamad dan tidak termakan dengan segala hasutan sekeliling demi mengekalkan suatu keputusan yang tidak akan diubah untuk kebaikan bersama.

Sikap mempunyai pendirian ini dapat dilihat menerusi transkripsi puisi Melayu dalam cerita rakyat Melayu berdasarkan teks *Seuntaian Naratif Lisan Di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan* yang bertajuk *Tok Karim Guru Silat Masyhur*, bertepatan dengan contoh petikan syair di bawah:

Tersebutlah kisah suatu riwayat,  
Kisah tentang guru silat,  
Tok Karim tokoh diangkat,  
Disanjung tinggi oleh masyarakat.

Sikap berani pendinding diri,  
Melawan musuh yang menghampiri,  
Tidak gentar cekal hati,  
Bertarung nyawa selamatkan diri.

Sikap berani menentang lawan,  
Sentiasa teguh dengan pendirian,  
Apa terjadi tetap bertahan,  
Itulah jati diri orang ilmuan.

Walau diumpan pihak lawan,  
Tetap berani dengan pendirian,  
Matlamat jelas dalam kehidupan,  
Pasti membawa hasil kejayaan.

Pendirian simbolik jati diri,  
Tidak mudah termakan janji,  
Jika tiada pendirian sendiri,  
Menjadi lalang tak kenang budi.

(Putri Nur-Anis Balqis Binti Yazik, 2021)

Sikap mempunyai pendirian dapat dirumuskan sebagai seseorang yang mempunyai pandangan hidup yang menjadi pegangan atau landasan atas sebab-sebab tertentu yang membawa kesan positif terhadap diri sendiri dan orang sekeliling (*Kamus Dewan*, 2017). Hal ini dikatakan demikian kerana, sikap mempunyai pendirian yang dimiliki oleh Tok Karim kerana sangat memegang kepada prinsip hidupnya serta sentiasa mengamalkan prinsip tersebut dan tidak mudah terpengaruh dengan orang luar. Tok Karim juga bersedia untuk menentang sesiapa sahaja yang berlawanan dengan prinsip hidupnya. Berdasarkan transkripsi puisi Melayu dalam cerita rakyat *Tok Karim Guru Silat Masyhur*, sikap mempunyai pendirian ini dapat dilihat pada rangkap tiga iaitu;

*Sikap berani menentang lawan,  
Sentiasa teguh dengan pendirian,  
Apa terjadi tetap bertahan,  
Itulah jati diri orang ilmuan.*

(Putri Nur-Anis Balqis Binti Yazik, 2021)

Berdasarkan rangkap tiga di atas membuktikan sikap mempunyai pendirian yang terdapat dalam cerita rakyat *Tok Karim Guru Silat Masyhur* dapat dilihat menerusi watak Tok Karim yang sangat berani mempertahankan pendiriannya. Hal ini dikatakan demikian kerana, Tok Karim sangat memegang kepada prinsip hidupnya dan akan menentang apa sahaja yang berlawanan dengan prinsipnya yang berkaitan dengan pengamalan ilmu-ilmu silat. Tok Karim juga tidak kedekut dengan ilmu-ilmu silat dan kehandalan yang dimilikinya akan diturunkan kepada anak-anak muridnya dengan tujuan dapat memberi manfaat kepada orang lain. Kelebihan yang dimiliki oleh Tok Karim ini adalah untuk menanamkan sikap patuh akan arahan dan prinsip inilah yang diamalkan dan menjadi pegangannya. Hal ini, dapat lihat bahawa Tok Karim merupakan seseorang yang sangat berani untuk mempertahankan pendiriannya dan tidak mudah termakan hasutan orang sekeliling terhadap kelebihan yang dimiliki.

Nilai keberanian melalui sikap mempunyai pendirian yang dipaparkan menerusi syair *Tok Karim Guru Silat Masyhur* ini bertunjangkan Pendekatan Moral menerusi Teori Pengkaedahan Melayu yang digagaskan Hashim Awang (1989). Hal ini dikatakan demikian kerana, Pendekatan Moral merujuk melalui pengalaman dan ilmu yang dilalui dan diperolehi oleh setiap manusia dalam kehidupan mereka yang memberi impak positif maupun negatif terhadap mereka (Hashim Awang, 2002). Sebagai contoh, nilai keberanian dalam konteks sikap mempunyai pendirian ini dapat menggambarkan seseorang yang mempunyai prinsip hidup yang jelas dan berani untuk mempertahankan haknya demi kebaikan diri sendiri dan orang sekeliling. Dalam konteks ini, dapat kita lihat bahawa Pendekatan Moral sebagai wadah untuk mendidik manusia agar mempunyai pendirian yang teguh kerana akan mudah dipercayai oleh orang lain kerana mempunyai pendirian yang tetap dan tegas.

#### 4.6.3 Nilai Keberanian Melalui Sikap Berani Bertanggungjawab

Tanggungjawab dapat ditakrifkan sebagai sikap seseorang individu yang mempunyai kesanggupan menyahut cabaran dalam melaksanakan tugas dan sentiasa melakukan sesuatu kerja yang diamanahkan dengan bersungguh-sungguh agar mendapatkan hasil kerja yang berkualiti dan sempurna (Hashim Musa, 2008; Mohd Firdaus Che Yaacob, 2015). Hal ini, sikap berani bertanggungjawab disimpulkan sebagai seseorang individu seseorang berani bertindak dan berjuang dalam menyelesaikan sesuatu cabaran dan akan menerima segala risiko yang bakal diterima dengan hati yang terbuka.

Sikap berani bertanggungjawab ini dapat dilihat menerusi transkripsi puisi Melayu dalam cerita rakyat Melayu berdasarkan teks *Seuntaian Naratif Lisan Di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan* yang bertajuk *Tentera Bergajah*, bertepatan dengan contoh petikan syair di bawah:

Alkisah tersebutlah sebuah cerita,  
Pulau Gajah diberi nama,  
Gajah-gajah menjadi tentera,  
Berkhidmat untuk golongan raja.

Raja Petani sungguh berani,  
Sikap bertanggungjawab dan teliti,  
Bijak dalam menyusun strategi,  
Selesaikan masalah yang dihadapi.

Sikap bertanggungjawab pilihan diri,  
Itulah jati diri Raja Patani,  
Gajah sakit dipindah pergi,  
Kesihatan rakyat diambil peduli.

Pemimpin berani disanjung tinggi,  
Kerana tidak pentingkan diri,  
Jikalau hidup pentingkan diri,  
Sudah tentu hidup dikeji.

(Putri Nur-Anis Balqis Binti Yazik, 2021)

Sikap berani bertanggungjawab dapat dirumuskan sebagai seseorang yang memiliki rasa tanggungjawab terhadap sesuatu serta berkeupayaan dalam memikul tanggungjawab yang telah diamanahkan (*Kamus Dewan*, 2016). Hal ini dikatakan demikian kerana, sikap berani bertanggungjawab yang dimiliki oleh Raja Patani kerana sangat mengambil berat dan menjaga kebaikan rakyat. Berdasarkan transkripsi puisi Melayu dalam cerita rakyat *Tentera Bergajah*, sikap berani bertanggungjawab ini dapat dilihat pada rangkap tiga iaitu;

*Sikap bertanggungjawab pilihan diri,  
Itulah jati diri Raja Patani,  
Gajah sakit dipindah pergi,  
Kesihatan rakyat diambil peduli.*

(Putri Nur-Anis Balqis Binti Yazik, 2021)

Berdasarkan rangkap tiga di atas membuktikan sikap berani bertanggungjawab yang terdapat dalam cerita rakyat *Tentera Bergajah* dapat dilihat menerusi watak Raja Patani yang sangat sangat bertanggungjawab kepada rakyatnya. Hal ini dikatakan demikian kerana, telah berlaku perperangan ke atas kerajaan Patani yang menyebabkan serangan virus kepada gajah-gajah yang merupakan sistem pengangkutan raja Patani pada ketika itu. Oleh itu, Raja Patani mengambil keputusan untuk membawa dan

menyimpan gajah-gajah tersebut di sebuah tempat yang jauh dari Patani demi mengutamakan keselamatan rakyatnya. Hari berganti hari, gajah-gajah tersebut sudah semakin membaik dan Raja Patani telah membawa masuk semula gajah-gajah tersebut untuk dibawa berperang di Patani. Hal ini, dapat kita lihat bahawa Raja Patani mempunyai sikap berani bertanggungjawab untuk membuat keputusan demi keselamatan rakyatnya daripada terkena virus yang dibawa oleh gajah.

Nilai keberanian melalui sikap berani bertanggungjawab yang dipaparkan menerusi syair *Tentera Bergajah* ini bertunjangkan Pendekatan Moral melalui Teori Pengkaedahan Melayu yang digagaskan Hashim Awang (1989). Hal ini dikatakan demikian kerana, Pendekatan Moral ini merujuk kepada pengalaman dan ilmu yang dilalui dan diperolehi oleh setiap manusia dalam kehidupan mereka yang memberi impak positif maupun negatif terhadap mereka (Hashim Awang, 2002). Sebagai contoh, nilai keberanian dalam konteks sikap berani bertanggungjawab ini dapat menggambarkan seseorang yang berani mempertahankan dirinya dan orang sekeliling kerana mementingkan tanggungjawab yang dipikul untuk kebaikan bersama. Dalam konteks ini, dapat kita lihat bahawa Pendekatan Moral sebagai wadah untuk mendidik manusia agar mempunyai sikap tanggungjawab agar dapat membuat keputusan untuk kepentingan bersama.

#### 4.7 Nilai Kejujuran

Nilai kejujuran dapat ditakrifkan sebagai sikap seseorang yang mempunyai sifat sentiasa berakap benar, amanah, dan ikhlas dalam melaksanakan sesuatu perkara dan tidak mengharapkan sebarang balasan daripada orang-orang yang ditolongnya (Aboebakar Atjeh, 1988; Imam Ghazali, 1991; Jumali Selamat, 2001; Siti Rabiatul Adawiyah Jaffar, 2013; Mohd Firdaus Che Yaacob, 2015). Selanjutnya, kujujuran dapat dikatakan sebagai sifat yang mulia dalam diri seseorang (Hashim Awang, 2002). Selain itu, kejujuran juga dapat ditakrifkan sebagai seseorang yang bersikap tulus dan ikhlas

dalam melaksanakan sesuatu tanpa menyembunyikan sebarang rahsia daripada orang lain (*Kamus Dewan*, 2016). Hal ini dikatakan demikian kerana, sikap jujur ini mendorong seseorang itu untuk tidak berbohong dan ikhlas dalam menjalankan sesuatu kerja demi membantu menyenangkan orang lain. Nilai kejujuran ini dapat disimpulkan sebagai sikap dalam diri seseorang yang berniat melakukan kerja untuk membantu orang lain dengan ikhlas tanpa sebarang habuan. Oleh itu, kajian ini akan membincangkan beberapa ciri kejujuran melalui sikap amanah, sikap berkata benar, dan sikap keikhlasan.

#### 4.7.1 Nilai Kejujuran Melalui Sikap Amanah

Sikap amanah dapat ditakrifkan sebagai sikap manusia yang sedaya upaya memenuhi permintaan daripada orang di sekeliling tanpa sebarang penindasan (Mohd Ali Hashimi, 1992; Norita Ariffin, 2006; Mohd Firdaus Che Yaacob). Hal ini, sikap amanah dapat disimpulkan sebagai sikap seseorang yang mempunyai hati yang bersih kerana tidak suka akan pembuatan membohong dan ikhlas dalam melakukan sesuatu tanpa sebarang penindasan.

Sikap amanah ini dapat dilihat menerusi transkripsi puisi Melayu dalam cerita rakyat Melayu berdasarkan teks *Seuntaian Naratif Lisan Di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan* yang bertajuk *Haji Long Abdul Rahman*, bertepatan dengan contoh petikan syair di bawah:

Alkisah cerita dahulu kala,  
Seorang tokoh alim ulama,  
Diberi keajaiban luar biasa,  
Hanya pasu merawat bisa.

Sikap jujur telah dibentuk,  
Diterapkan dalam diri penduduk,  
Bersatu menyelamat raja telunjuk,  
Tanda hormat bukan tunduk.

Amanah tergolong sifat mulia,  
Tidak semua mampu memikulnya,  
Amanah diberi kerana percaya,  
Jadikan ia sebagai rahsia.

Amanah diberi harus ditepati,  
Kerana diri orang percayai,  
Jika amanah engkau mungkiri,  
Sudah tentu engkau dibenci.

(Putri Nur-Anis Balqis Binti Yazik, 2021)

Sikap amanah dapat dirumuskan sebagai seseorang yang memiliki hati yang suci dan tidak pandai menipu serta sentiasa jujur dalam melaksanakan sesuatu (*Kamus Dewan*, 2016). Hal ini dikatakan demikian kerana, sikap amanah yang dimiliki oleh penduduk kampung kerana memenuhi permintaan Haji Long Abdul Rahman untuk menyembunyikan identitinya dari pihak luar. Berdasarkan transkripsi puisi Melayu dalam cerita rakyat *Haji Long Abdul Rahman*, sikap amanah ini dapat dilihat pada rangkap tiga iaitu;

*Amanah tergolong sifat mulia,  
Tidak semua mampu memikulnya,  
Amanah diberi kerana percaya,  
Jadikan ia sebagai rahsia.*

(Putri Nur-Anis Balqis Binti Yazik, 2021)

Berdasarkan rangkap tiga di atas membuktikan sikap amanah yang terdapat dalam cerita rakyat *Haji Long Abdul Rahman* dapat dilihat menerusi watak penduduk kampung di kampung Pulau Gajah. Hal ini dikatakan demikian kerana, penduduk di situ tidak memberitahu orang lain tentang berita persembunyian Haji Long Abdul Rahman kerana tidak mahu identitinya terbongkar. Hal ini, Haji Long Abdul Rahman merupakan Raja Patani yang telah mlarikan diri daripada perperangan dan menetap di sebuah pulau. Bukan itu sahaja, Haji Long Abdul Rahman mempunyai keajaiban dalam merawat penyakit dengan menggunakan sebuah pasu serta menjadi ulama yang sangat disanjung tinggi oleh penduduk kampung di situ. Sehingga kini, kematian dan makam Haji Long Abdul Rahman juga tidak disebarluaskan oleh penduduk kampung kepada masyarakat luar. Hal ini dapat kita lihat bahawa penduduk kampung mempunyai sikap

amanah kerana menjaga rahsia tentang keberadaan sehingga kematian Haji Long Abdul Rahman kepada masyarakat luar kerana menjaga amanah yang diberikan.

Nilai kejujuran melalui sikap amanah yang dipaparkan menerusi syair *Haji Long Abdul Rahman* ini bertunjangkan Pendekatan Dakwah dalam Teori Pengkaedahan Melayu yang dikemukakan Hashim Awang (1989). Pendekatan Dakwah merujuk kemurnian agama Islam yang dapat memberikan rasa hormat terhadap kesucian agama Islam kepada orang Islam atau orang bukan Islam (Hashim Awang, 2002). Sebagai contoh, nilai kejujuran dalam konteks sikap amanah ini dapat menggambarkan betapa beratnya manusia yang menggalas tanggungjawab dengan memikul amanah yang diberi demi menjaga ketakwaan dan keimanan kepada Allah SWT. Dalam konteks ini, dapat kita lihat bahawa Pendekatan Dakwah membuktikan bahawa setiap manusia hendaklah bersikap amanah agar mendapatkan keberkatan serta kebahagiaan di dunia dan akhirat.

#### 4.7.2 Nilai Kejujuran Melalui Sikap Berkata Benar

Berkata benar dapat ditakrifkan sebagai sikap seseorang individu yang sangat jujur dalam berkata-kata dan tidak suka berbohong dengan orang lain (Mohd Ali Hashimi, 1992). Hal ini, sikap berkata benar dapat disimpulkan sebagai sikap seseorang yang sentiasa berkelakuan jujur dan berkata benar dalam menyampaikan sesuatu berita tanpa sebarang unsur pembohongan.

Sikap berkata benar ini dapat dilihat menerusi transkripsi puisi Melayu dalam cerita rakyat Melayu berdasarkan teks *Seuntaian Naratif Lisan Di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan* yang bertajuk *Kezaliman Seorang Raja*, bertepatan dengan contoh petikan syair di bawah:

Tersebutlah kisah dahulu kala,  
Puteri Saadong menurunkan takhta,  
Sultan Abdul Rahim diberi kuasa,  
Menindas rakyat makin berleluasa.

Rakyat tertindas dan diseksa,  
Berkata benar apa yang dirasa,  
Sebagai usaha menuntut bela,  
Hidup aman dan sejahtera.

Berkata benar sifat mulia,  
Menuntut keadilan yang sirna,  
Kekejaman ditentang bersama-sama  
Agar tidak terus teraniaya.

Berkata benar sifat mulia,  
Didikan masyarakat telah berjaya,  
Berbohong dalam berkata-kata,  
Kerana mulut kelak merana.

(Putri Nur-Anis Balqis Binti Yazik, 2021)

Sikap berkata benar ialah seseorang yang menuturkan tentang sesuatu kebenaran kepada orang lain tanpa sebarang unsur penipuan (Mohd Firdaus Che Yaacob, 2015).

Hal ini dikatakan demikian kerana, sikap berkata benar yang dimiliki oleh masyarakat terhadap perintah kerana masyarakat pada ketika itu menceritakan kebenaran terhadap peristiwa kezaliman yang menimpa mereka yang dilakukan oleh Sultan Abdul Halim kepada Puteri Saadong. Berdasarkan transkripsi puisi Melayu dalam cerita rakyat *Kezaliman Seorang Raja*, sikap berkata benar ini dapat dilihat pada rangkap dua iaitu;

*Rakyat tertindas dan diseksa,  
Berkata benar apa yang dirasa,  
Sebagai usaha menuntut bela,  
Hidup aman dan sejahtera.*

(Putri Nur-Anis Balqis Binti Yazik, 2021)

Berdasarkan rangkap dua di atas membuktikan sikap berkata benar yang terdapat dalam cerita rakyat *Kezaliman Seorang Raja* dapat dilihat menerusi watak masyarakat di Kota Mahligai terhadap pemerintah suatu ketika dahulu. Hal ini, selepas Puteri Saadong menyerahkan takhta kerajaannya kepada Sultan Abdul Rahim telah berlakunya tragedi penindasan dan kezaliman terhadap rakyat. Oleh itu, masyarakat telah meluahkan rasa kebimbangan dan berterus terang menceritakan hal sebenar apa

yang berlaku kepada Puteri Saadong terhadap perbuatan kejam Sultan Abdul Rahim terhadap rakyat jelata demi memastikan keselamatan rakyat agar tidak berterusan menjadi mangsa penindasan dan kezaliman yang tidak berhati perut itu. Hal ini dapat kita lihat bahawa sikap rakyat yang berkata benar atas tragedi yang menimpa mereka akibat kekejaman terhadap mereka demi mendapatkan kehidupan yang aman dan makmur serta tidak mencipta cerita semata-mata inginkan perhatian.

Nilai kejujuran melalui sikap berkata benar yang dipaparkan menerusi syair *Kezaliman Seorang Raja* ini bertunjangkan Pendekatan Dakwah melalui Teori Pengkaedahan Melayu yang digagaskan Hashim Awang (1989). Hal ini dikatakan demikian kerana, Pendekatan Dakwah merujuk tentang sesuatu kelebihan dan kemurnian akan agama Islam yang memberi rasa hormat terhadap kesucian agama Islam kepada orang Islam atau orang bukan Islam (Hashim Awang, 2002). Sebagai contoh, nilai kejujuran dalam konteks sikap berkata benar ini dapat menggambarkan sikap seseorang untuk memberitahu sesuatu kebenaran untuk mengelakkan daripada penindasan berleluasa demi membentuk sebuah negeri yang sejahtera dan makmur. Dalam konteks ini, dapat kita lihat bahawa Pendekatan Dakwah membuktikan setiap manusia yang berkata benar angkat diangkat darjatnya di sisi Allah di samping meningkatkan ketakwaan dan keimanan dalam diri.

#### 4.7.3 Nilai Kejujuran Melalui Sikap Keikhlasan

Ikhlas dapat ditakrifkan sebagai seseorang yang mempunyai kebersihan hati kerana tidak melakukan perkara yang mungkar dan sentiasa menjaga hak dirinya sendiri serta hak masyarakat di sekeliling (Mohd Ali Hashimi, 1992; Mohd Firdaus Che Yaacob, 2015). Hal ini, sikap keikhlasan disimpulkan sebagai seseorang yang tidak berpura-pura dan sentiasa jujur dalam menerima sesuatu perkara serta melaksanakan sesuatu kerja atau tugas.

Sikap keikhlasan ini dapat dilihat menerusi transkripsi puisi Melayu dalam cerita rakyat Melayu berdasarkan teks *Seuntaian Naratif Lisan Di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan* yang bertajuk *Kegemilangan Pengkalan Datu*, bertepatan dengan contoh petikan syair di bawah:

Tersebutlah kisah zaman dahulu,  
Tempat sejarah Pengkalan Datu,  
Berkembang pesat dan maju,  
Pemerintahan yang bersatu padu.

Bersikap jujur dalam kehidupan,  
Ingin capai sebuah kegemilangan,  
Serah saja pada yang berkelayakan,  
Agar wujud sebuah keharmonian.

Didik diri bersikap ikhlas,  
Jasa ditaburi tidak terbalas,  
Bersepakat dalam laksana tugas,  
Matlamat dicapai tujuan jelas.

Jika tiada sikap keikhlasan,  
Membawa diri dalam kehancuran,  
Kemana pergi tiada kawan,  
Orang sekeliling jadi lawan.

(Putri Nur-Anis Balqis Binti Yazik, 2021)

Sikap keikhlasan dapat dirumuskan sebagai sikap seseorang yang mempunyai kesucian hati kerana tidak suka berbohong dan tidak berpura-pura dalam melaksanakan sesuatu pekerjaan (*Kamus Dewan*, 2016). Hal ini dikatakan demikian kerana, sikap keikhlasan yang dimiliki oleh Raja Pah kerana bersikap ikhlas dalam menyerahkan takhta miliknya kepada suaminya atas persetujuan para pembesar demi memastikan sistem pemerintahan dan pentadbiran berjalan lancar setelah kemangkatan ayahandanya. Berdasarkan transkripsi puisi Melayu dalam cerita rakyat *Kegemilangan Pengkalan Datu*, sikap keikhlasan ini dapat dilihat pada rangkap tiga iaitu;

*Didik diri bersikap ikhlas,  
Jasa ditaburi tidak terbalas,  
Bersepakat dalam laksana tugas,  
Matlamat dicapai tujuan jelas.*

(Putri Nur-Anis Balqis Binti Yazik, 2021)

Berdasarkan rangkap tiga di atas membuktikan sikap keikhlasan yang terdapat dalam cerita rakyat *Kegemilangan Pengkalan Datu* dapat dilihat menerusi watak Raja Pah. Hal ini dikatakan demikian kerana, Raja Pah telah menyerahkan takhta kepada suaminya iaitu Long Bahar setelah ayahandanya Sultan Omar telah mangkat kerana pada ketika itu Raja Abdul Rahman dikatakan masih muda dan tidak tahu tentang hal pentadbiran kerajaan. Pemberian takhta Raja Pah kepada suaminya adalah persetujuan bersama para pembesar untuk memastikan sistem pentadbiran berjalan dengan lancar dan sistematik. Hal ini, dapat kita lihat bahawa Raja Pah bersikap ikhlas dalam segala tingkah laku dan tidak berkira dengan jawatannya demi memastikan kesejahteraan serta keharmonian kepada bangsa, agama dan juga negara.

Nilai kejujuran melalui sikap keikhlasan yang dipaparkan menerusi syair *Kegemilangan Pengkalan Datu* ini bertunjangkan Pendekatan Dakwah dalam Teori Pengkaedahan Melayu yang diasaskan Hashim Awang (1989). Pendekatan Dakwah merujuk kelebihan serta kemurnian agama Islam dengan mewujudkan rasa hormat terhadap kesucian agama Islam kepada orang Islam atau orang bukan Islam (Hashim Awang, 2002). Sebagai contoh, nilai kejujuran dalam konteks sikap keikhlasan ini dapat menggambarkan seseorang yang tidak menggunakan kuasa yang dimiliki untuk kepentingan sendiri tetapi memberikan kepada yang lebih layak untuk kepentingan dan kebaikan bersama. Dalam konteks ini, dapat kita lihat bahawa Pendekatan Dakwah membuktikan dapat mendidik manusia untuk memiliki sikap ikhlas dalam diri untuk kebaikan sendiri serta orang sekeliling demi kebaikan bersama-sama.

## 4.8 Nilai Kerjasama

Nilai kerjasama dapat ditakrifkan sebagai sikap seseorang yang pantas mengambil tindakan dan melaksanakan tugas yang diberikan atau melakukan aktiviti secara bersama-sama yang mendatangkan faedah dan manfaat untuk kepentingan semua sama ada dalam kalangan individu, masyarakat dan juga negara (Jumali Selamat, 2001; Norita Ariffin, 2006; Hashim Musa, 2008; Wan Marzuki Wan Mohd Noor, 2010; Siti Rabiatul Adawiah Jaffar, 2013). Seterusnya, nilai kerjasama ialah tanggungjawab yang dijalankan dalam kelompok masyarakat untuk melakukan aktiviti kemasyarakatan secara bersama-sama tanpa mengira bangsa dan agama (Mohd Firdaus Che Yaacob, 2015). Selain itu, kerjasama juga bermaksud bekerja atau bertindak bersama (*Kamus Dewan*, 2017). Hal ini dikatakan demikian kerana, sikap kerjasama ini mendorong seseorang untuk bertanggungjawab dalam melaksanakan sesuatu aktiviti atau kebajikan secara bersama-sama tanpa mengira agama dan bangsa demi mewujudkan kehidupan yang sejahtera dan harmoni. Oleh itu, kajian ini akan membincangkan beberapa ciri kerjasama melalui sikap bertanggungjawab dan sikap saling toleransi.

### 4.8.1 Nilai Kerjasama Melalui Sikap Tanggungjawab Bersama

Tanggungjawab dapat ditakrifkan sebagai sikap seseorang yang mempunyai kesanggupan untuk menyahut cabaran dalam melaksanakan tugas tanpa sebarang perasaan mengeluh dan sentiasa melakukan sesuatu kerja yang diberi bersama-sama dengan bersungguh-sungguh untuk memperolehi hasil kerja yang berkualiti dan sempurna (Hashim Musa, 2008; Mohd Firdaus Che Yaacob, 2015). Hal ini dikatakan demikian kerana, sikap tanggungjawab bersama yang dimiliki seseorang individu akan melaksanakan amanah yang diberikan kepadanya dengan bersungguh-sungguh dan berusaha untuk menyelesaikan tugas itu dengan penuh kesempurnaan.

Sikap tanggungjawab bersama ini dapat dilihat menerusi transkripsi puisi Melayu dalam cerita rakyat Melayu berdasarkan teks *Seuntaian Naratif Lisan Di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan* yang bertajuk *Rumah Api Penyelamatkan Saudagar*, bertepatan dengan contoh petikan syair di bawah:

Tersebutlah kisah dahulu kala,  
Seorang saudagar yang kaya raya,  
Orangnya baik sopan tutur kata,  
Kaya budi dan kaya harta.

Beramah mesra tak kira siapa,  
Bersatu hati dalam kerjasama,  
Angin kencang laut bergelora,  
Bersepakat untuk selalu bersama.

Sikap tanggungjawab dalam diri,  
Genggam tangan bersatu hati,  
Tidak pernah pentingkan diri,  
Rintangan melanda saling melindungi.

Sikap tanggungjawab dalam diri,  
Harungi bersama cabaran menanti,  
Sikap kerjasama yang diberi,  
Pasti kejayaan sedang menanti.

Jika tidak bersatu hati,  
Sudah tentu akan mati,  
Kerana sikap pentingkan diri,  
Tiada peduli sendiri rugi.

(Putri Nur-Anis Balqis Binti Yazik, 2021)

Sikap tanggungjawab bersama dapat dirumuskan sebagai saling membantu dalam melaksanakan tugas secara bersama-sama tanpa mengharapkan sebarang upah dan ganjaran (Jumali Selamat, 2001). Hal ini dikatakan demikian kerana, sikap tanggungjawab bersama yang dimiliki oleh watak anak-anak kapal kerana saling bekerjasama dan bersatu hati dalam mempertahankan anak kapal yang hampir tenggelam disebabkan laut yang bergelora dengan kuat. Berdasarkan transkripsi puisi Melayu dalam cerita rakyat *Rumah Api Penyelamat Saudagar*, sikap tanggungjawab bersama ini dapat dilihat pada rangkap tiga iaitu;



*Sikap tanggungjawab dalam diri,  
Genggam tangan bersatu hati,  
Tidak pernah pentingkan diri,  
Rintangan melanda saling melindungi.*

(Putri Nur-Anis Balqis Binti Yazik, 2021)

Berdasarkan rangkap tiga di atas membuktikan sikap tanggungjawab bersama yang terdapat dalam cerita rakyat *Rumah Api Penyelamat Saudagar* dapat dilihat menerusi watak anak-anak kapal. Hal ini, anak-anak kapal ini saling bertanggungjawab kerana sentiasa bekerjasama dalam mempertahankan anak kapal yang hampir tenggelam kerana laut bergelora akibat kemelandaan ribut yang mengganas. Hal ini dapat kita lihat bahawa sikap anak-anak kapal yang sangat bertanggungjawab kerana bekerjasama mengendalikan kapal yang hampir tenggelam bersama-sama demi melindungi orang-orang yang berada di atas kapal pada waktu itu.

Nilai kerjasama melalui sikap tanggungjawab bersama yang dipaparkan menerusi syair *Rumah Api Penyelamat Saudagar* ini bertunjangkan Pendekatan Kemasyarakatan melalui Teori Pengkaedahan Melayu yang dikemukakan Hashim Awang (1989). Hal ini dikatakan demikian kerana, Pendekatan Kemasyarakatan dijadikan medium kesejahteraan dalam kehidupan bermasyarakat, mengukuhkan ketakwaan dan keimanan yang menjurus ke arah kebaikan (Hashim Awang, 2002). Sebagai contoh, nilai kerjasama dalam konteks sikap tanggungjawab bersama ini dapat menggambarkan kehidupan masyarakat yang saling bantu-membantu secara bersama-sama dalam menjalankan tanggungjawab demi menyelamatkan nyawa sendiri dan orang sekeliling. Dalam konteks ini, dapat kita lihat bahawa Pendekatan Kemasyarakatan sebagai wadah untuk mendidik manusia melakukan kebaikan demi memperoleh kesejahteraan hidup.

#### 4.8.2 Nilai Kerjasama Melalui Sikap Saling Toleransi

Toleransi dapat ditakrifkan sebagai sikap toleran yang mampu menjalankan kesepakatan serta kesefahaman dalam mengharungi kehidupan bermasyarakat (*Kamus Dewan*, 2016). Hal ini dikatakan demikian kerana, sikap saling toleransi dapat disimpulkan sebagai sikap seseorang yang saling bekerjasama dan bersepakat untuk menjalankan sesuatu aktiviti secara bersama-sama dalam kehidupan bermasyarakat.

Sikap saling toleransi ini dapat dilihat menerusi transkripsi puisi Melayu dalam cerita rakyat Melayu berdasarkan teks *Seuntaian Naratif Lisan Di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan* yang bertajuk *Terhempasnya Zero Fighter Jepun Di Ti Lebar*, bertepatan dengan contoh petikan syair di bawah:

Alkisah cerita di Ti Lebar,  
Terhempas jet pejuang Zero Fighter,  
Seorang ketua nama Pak Wan Lebar,  
Jasanya dikenang hero sebenar.

Seorang ketua dilantik bersama,  
Sangat bersepakat dalam kerjasama,  
Segala tugas telah dilaksana,  
Kemananan dijaga bersama-sama.

Sikap toleransi dalam masyarakat,  
Bersatu hati hidup sepakat,  
Tolong menolong hidup bermuafakat,  
Alangkah bahagia hidup yang berkat.

Sikap toleransi antara kita,  
Membantu kesusahan siapa saja,  
Saling kerjasama sebulat suara,  
Mencipta kehidupan yang sejahtera.

Jikalau hidup tidak bertoleransi,  
Sudah pasti dipandang keji,  
Andai hidup tak bersatu hati,  
Masalah melanda tiada peduli.

(Putri Nur-Anis Balqis Binti Yazik, 2021)

Sikap saling toleransi dapat dirumuskan sebagai sikap manusia yang mengekalkan persefahaman dalam kehidupan bermasyarakat yang tergolong dari pelbagai agama, bangsa serta kepercayaan dan adat resam (Jumali Selamat, 2001). Hal ini dikatakan demikian kerana, sikap saling toleransi oleh watak penduduk kampung kerana saling bersefahaman dengan masalah yang menimpa orang sekeliling dan bersepakat bersama-sama untuk membantu menyelesaikan masalah tersebut. Berdasarkan transkripsi puisi Melayu dalam cerita rakyat *Terhempasnya Zero Fighter Jepun Di Ti Lebar*, sikap saling toleransi ini dapat dilihat pada rangkap empat iaitu;

*Sikap toleransi antara kita,  
Membantu kesusahan siapa saja,  
Saling kerjasama sebulat suara,  
Mencipta kehidupan yang sejahtera.*

(Putri Nur-Anis Balqis Binti Yazik, 2021)

Berdasarkan rangkap empat di atas membuktikan sikap saling toleransi yang terdapat dalam cerita rakyat *Terhempasnya Zero Fighter Jepun Di Ti Lebar* dapat dilihat menerusi watak penduduk kampung. Hal ini dikatakan demikian kerana, kesusahan yang dialami oleh penduduk kampung dan takut untuk keluar melakukan aktiviti harian di kawasan yang jauh dari penempatan kerana mendengar berita tentera Jepun mendarat di Kota Bharu. Oleh itu, penduduk kampung melantik Pak Wan Lebar sebagai ketua kampung untuk berurusan dengan tentera Jepun. Pada suatu hari, ketika mendengar tentera Jepun bakal mendarat semua penduduk kampung yang sedang menjalankan aktiviti harian lari bertempiaran kerana ketakutan. Tidak lama kemudian, penduduk kampung mendengar bunyi peluru meriam bertebangan. Hal ini, telah berlakunya tragedi malang di mana jet pejuang Jepun yang diberi nama *Zero Fighter* dikatakan terhempas. Selepas kejadian itu, penduduk kampung telah bersepakat untuk masuk ke dalam hutan untuk mencari jet pejuang tersebut. Hari berganti hari penduduk kampung saling bekerjasama dan bersepakat mencari jet pejuang tersebut dan akhirnya terjumpa berdekatan rumah penduduk kampung yang berbangsa Cina. Hal ini

dapat kita lihat bahawa penduduk kampung tetap bersepakat membantu mencari jet pejuang milik tentera Jepun demi mengukuhkan ikatan persaudaraan.

Nilai kerjasama melalui sikap saling toleransi yang dipaparkan menerusi syair *Terhempasnya Zero Fighter Jepun Di Ti Lebar* ini bertunjangkan Pendekatan Kemasyarakatan menerusi Teori Pengkaedahan Melayu yang diperkenalkan Hashim Awang (1989). Pendekatan Kemasyarakatan dijadikan medium kesejahteraan dalam kehidupan bermasyarakat, mengukuhkan ketakwaan dan keimanan yang menjurus ke arah kebaikan (Hashim Awang, 2002). Sebagai contoh, nilai kerjasama dalam konteks sikap saling toleransi ini dapat menggambarkan wujudnya kesefahaman dan kesepakatan dalam diri masyarakat yang sentiasa bertolak ansur dan bersama-sama dalam melaksanakan perkara kebajikan demi mewujudkan masyarakat yang saling mempunyai perasaan hormat kepada sesiapa sahaja tanpa mengira bangsa dan budaya. Dalam konteks ini, dapat kita lihat bahawa Pendekatan Kemasyarakatan sebagai wadah untuk pembentukan tamadun yang utuh dan dihormati oleh setiap masyarakat melalui sifat persefahaman dan kesepakatan yang ditonjolkan dalam kehidupan bermasyarakat.

#### 4.9 Penutup

Kesimpulannya, perbincangan terhadap nilai-nilai yang terkandung pada transkripsi puisi Melayu dalam cerita rakyat Melayu berdasarkan *Teks Seuntaian Naratif Lisan Di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan* telah membuktikan bahawa nilai-nilai murni yang dipupuk dan diamalkan dalam diri iaitu nilai baik hati, nilai berdikari, nilai hemah tinggi, nilai hormat-menghormati, nilai keberanian, nilai kejujuran dan nilai kerjasama mampu membentuk sebuah masyarakat yang sejahtera, aman damai dan bersatu padu. Hal ini, nilai-nilai murni ini digunakan sebagai sandaran dalam kalangan masyarakat untuk membentuk jati diri masyarakat ke arah kebaikan. Penerapan nilai ini dalam diri dan diamalkan dalam kehidupan sama ada dari pertuturan atau tingkah laku telah memberi impak yang positif bahawa tradisi ini memberi kesan kemuliaan dan dipandang tinggi. Secara tidak langsung, nilai-nilai murni ini dapat dijadikan sebagai alat mendidik masyarakat menjadi lebih baik dan diturunkan kepada generasi seterusnya demi mengekalkan ketamadunan masyarakat dalam sesebuah negara.

## BAB 5

### RUMUSAN

#### 5.1 Pengenalan

Pada bab ini, pengkaji telah menerangkan keseluruhan analisis dan dapatan kajian yang telah dilakukan. Setelah menjalankan secara terperinci mengenai transkripsi puisi Melayu dalam cerita rakyat Melayu berdasarkan Teks *Seuntaian Naratif Lisan Di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan*, pengkaji menemui nilai-nilai murni yang telah diamalkan dalam kehidupan oleh masyarakat sejak dahulu. Hal ini, masyarakat pada suatu ketika dahulu mempunyai keperibadian baik untuk dikembangkan dan diterapkan dalam diri generasi muda untuk mengekalkan ketamadunan yang telah terbina sejak sekian lama. Pengkaji telah menganalisis beberapa nilai-nilai murni iaitu nilai baik hati, nilai berdikari, nilai hemah tinggi, nilai hormat-menghormati, nilai keberanian, nilai kejujuran dan nilai kerjasama dalam cerita rakyat untuk dianalisis kepada transkripsi puisi tradisional sebagai usaha mengembangkan nilai-nilai ini kepada masyarakat dan diamalkan dalam kehidupan seharian.

## 5.2 Rumusan

Secara rumusannya, naratif lisan yang dipersembahkan kepada kelompok masyarakat Melayu dipenuhi dengan nilai-nilai murni serta pengisian pengajaran yang bertujuan untuk mendidik generasi muda tentang kepentingan menjaga tata tertib terutama dalam tingkah laku pergaulan dan pertuturan sesama manusia. Seseorang individu yang mempunyai sikap tata tertib yang baik dapat mengukuhkan hubungan persaudaraan dengan masyarakat sekeliling. Oleh itu, penerapan nilai murni dalam puisi Melayu melalui cerita rakyat Melayu bertujuan untuk menerapkan nilai-nilai murni ini kepada masyarakat sekeliling. Sebagai impak, generasi muda akan terdedah dengan tingkah laku pergaulan dan pertuturan masyarakat sekeliling dan menerapkan nilai-nilai murni dalam diri mereka dan dijadikan sebagai amalan dalam usaha membentuk sahsiah yang mulia.

Selain itu, pengaplikasian Teori Pengkaedahan Melayu melalui transkripsi puisi Melayu dalam cerita rakyat Melayu berdasarkan Teks *Seuntaian Naratif Lisan Di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan*. Hal ini dikatakan demikian kerana, Teori Pengkaedahan Melayu sangat berkait rapat dengan kebudayaan yang dimiliki orang Melayu sama ada dari segi pertuturan atau tingkah laku. Bukan itu sahaja, Teori Pengkaedahan Melayu juga berteraskan Al-Quran dan hadis yang bersesuaian dengan amalan budaya dan adat resam orang Melayu. Sebagai impak, melalui transkripsi puisi Melayu dalam cerita rakyat Melayu nilai-nilai murni dapat mempengaruhi dan mendidik masyarakat sekeliling dengan ajaran yang benar bagi menonjolkan akhlak keperibadian mulia berlandaskan Al-Quran dan hadis.

Rentetan daripada itu, kajian dijalankan menggunakan sebuah teks cerita rakyat sebagai bahan rujukan iaitu teks *Seuntaian Naratif Lisan Di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan* bagi membolehkan pengkaji mempamerkan nilai-nilai murni dalam cerita rakyat Kelantan dalam penghasilan puisi Melayu. Pengkaji merasakan

nilai-nilai murni pada puisi Melayu dapat dikembangkan semula untuk generasi pada masa kini yang sesuai dengan penggunaan medium setanding peredaran masa padah ketika ini. Sebagai impak, nilai nilai murni yang diketengahkan mampu mempengaruhi dan mendorong generasi muda pada masa kini untuk mengamalkan nilai-nilai tersebut dalam kehidupan.

Di samping itu, naratif lisan juga merupakan sebuah keunggulan dalam tamadun Melayu kerana menerapkan nilai-nilai murni, adat resam serta kebudayaan yang dimiliki golongan masyarakat. Masyarakat Melayu kaya dengan budaya yang membentuk jati diri mereka. Hal ini, masyarakat Melayu mempunyai amalan-amalan yang telah diwarisi dan diamalkan sejak dari nenek moyang mereka yang telah menjadi rutin harian. Sebagai impak, naratif lisan dalam tradisi masyarakat Melayu masih utuh sehingga hari ini dan telah dikembangkan kepada generasi muda.

Sementara itu, naratif lisan ini boleh dikembangkan melalui masyarakat terhadap generasi muda di sekeliling mereka. Hal ini dikatakan demikian kerana, setiap tingkah laku pergaulan dan pertuturan yang ditunjukkan oleh masyarakat adalah proses pembelajaran generasi untuk mempengaruhi tindakan tersebut untuk diamalkan dalam kehidupan seharian. Sebagai contoh, masyarakat boleh menerapkan nilai-nilai murni sebagai didikan kepada generasi muda dan memberi nasihat dan teguran untuk membentuk keperibadian anak-anak agar setiap teguran dijadikan sebagai pembelajaran dan pengajaran dalam kehidupan. Bukan itu sahaja, masyarakat juga boleh menerapkan nilai-nilai murni melalui penceritaan agar mereka dapat mengambil pengajaran daripada peristiwa yang telah terjadi dalam penceritaan tersebut. Secara tidak langsung, generasi muda akan menerima proses pembelajaran tersebut berdasarkan bagaimana cari masyarakat mendidik generasi muda.

Lebih-lebih lagi, naratif lisan ini dapat memberi pengajaran melalui pembentukan keperibadian yang mulia dalam diri generasi muda. Hal ini dikatakan demikian kerana, ibu bapa serta masyarakat sekeliling telah memberi didikan yang baik untuk diamalkan dalam tingkah laku pergaulan dan pertuturan dengan orang sekeliling. Sebagai contoh, generasi mampu menggunakan tutur kata yang baik dan sopan apabila berkomunikasi di khalayak ramai. Secara tak langsung, generasi muda akan terdedah dengan didikan dan bimbingan yang positif yang dapat membentuk keperibadian akhlak yang terpuji dan sahsiah yang baik dalam kelompok masyarakat.

Dalam pada itu, naratif lisan yang mengandungi nilai-nilai murni dapat memberi cerminan yang positif kepada sang pelaku kerana keperibadiannya yang baik menyebabkan sangat dipandang tinggi dan diangkat martabatnya dalam kalangan masyarakat. Keperibadian tingkah laku yang baik yang telah ditonjolkan kepada masyarakat sekeliling mampu merapatkan lagi keharmonian sebuah hubungan yang ukhwah yang telah terbina. Sebagaimana yang kita maklum, nilai-nilai murni yang telah diketengahkan mempunyai kemampuan dalam mengeratkan lahi hubungan persaudaraan sesama manusia jika diterapkan dan dijadikan amalan dalam rutin harian. Kesannya, pembentukan tingkah laku seseorang individu yang baik adalah cerminan daripada keperibadiannya yang mulia serta mampu berinteraksi dengan masyarakat sekeliling.

Lain daripada itu, naratif lisan juga adalah medium untuk berkomunikasi antara manusia sama ada golongan dewasa dan golongan muda. Hal ini dikatakan demikian kerana, kemahiran dalam berkomunikasi wujud melalui penceritaan menerusi masyarakat terhadap generasi mengenai cerita-cerita rakyat. Hal ini, penggunaan tutur kata yang baik dan sopan akan masuk ke jiwa generasi muda untuk mengambil tindakan melalui pengajaran daripada cerita-cerita rakyat ke dalam kehidupan mereka. Oleh sebab itu, generasi muda akan terbiasa untuk menjaga tingkah laku pergaulan

dan pertuturan dengan masyarakat sekeliling kerana tidak mahu perkara buruk yang berlaku dalam cerita-cerita rakyat menjadi realiti dalam kehidupannya sekarang.

Seterusnya, naratif lisan juga dikatakan sangat fleksibel kerana dilihat mampu untuk memenuhi keperluan mengikut peredaran semasa. Hal ini, naratif lisan ini mempunyai versi yang pelbagai yang dicipta oleh tukang cerita berkaitan penceritaan cerita-cerita rakyat. Hal ini berpunca ekoran kemajuan teknologi yang digunakan pada masa kini yang sedikit sebanyak telah melenyapkan naratif lisan Melayu yang memberi kesan kepada generasi muda kerana kebanyakan generasi muda sudah tidak lagi berminat mendengar tentang cerita-cerita rakyat yang wujud di sekeliling mereka suatu ketika dahulu. Sebagai impak, tukang cerita mengambil langkah untuk mempelbagaikan cara penceritaan cerita-cerita rakyat seperti diintonasikan dalam bentuk puisi tradisional seperti syair bagi mengembangkan semula cerita-cerita rakyat dalam kalangan generasi muda agar kisah tauladan ini akan terus terpelihara dan tidak lenyap ditelan zaman.

Pada waktu yang sama, naratif lisan ini juga bertujuan untuk memenuhi keinginan manusia secara alamiah. Sikap manusia yang memiliki keinginan untuk mengetahui sesuatu perkara seperti ingin mengetahui punca serta asal usul bagaimana boleh tercetusnya kewujudan cerita rakyat ini. Hal ini, masyarakat yang sudah berusia yang hidup dalam kewujudan cerita rakyat ini berikhtiar bagi memenuhi keinginan tentang kewujudan cerita rakyat ini dengan menggunakan logik akal secara rasional bagi menerangkan sebab yang munasabah bagaimana sesuatu kejadian itu wujud. Hal ini, dengan menggunakan logik akal kebiasaan boleh dipercayai kerana dianggap benar dan logik tentang sesuatu kewujudan jika difikirkan secara meluas. Secara tak langsung, dengan cara begini mampu memenuhi keinginan masyarakat untuk menjelaskan tentang kewujudan sesuatu perkara yang telah ada sejak zaman nenek moyang lagi.

Selain itu, naratif lisan ini mampu untuk membawa sejarah lampau yang berlaku terhadap masyarakat Melayu yang tidak mampu dizahirkan oleh mata masyarakat pada hari ini. Bukan itu sahaja, masih ada lagi tokoh-tokoh yang sinonim dengan penempatan masyarakat Melayu yang memberi sejarah kepada masyarakat pada ketika itu. Sebagai contoh, kewujudan tokoh-tokoh yang terkenal dengan penempatan masyarakat suatu ketika dahulu iaitu watak Raja Sakti, watak Puteri Saadong, dan banyak lagi. Sebagai impak, naratif lisan ini berfungsi sebagai medium perantaraan masyarakat untuk mengetengahkan tokoh-tokoh tersohor pada waktu lampau untuk dikembangkan kepada generasi muda pada masa kini.

Sementara itu, cerita-cerita rakyat ini mampu dimasukkan dalam aspek pembelajaran melalui pengkajian oleh pelajar-pelajar untuk mengetahui lebih mendalam tentang cerita-cerita rakyat ini dengan melakukan sesi temubual dengan tukang cerita yang berkemahiran untuk menceritakan semula dalam bentuk lisan. Secara tak langsung, pengalaman yang dimiliki oleh tukang cerita mempunyai makna yang mendalam dan diselit dengan pengajaran yang mampu memberi kesedaran kepada generasi muda. Hal ini dikatakan demikian kerana, pembelajaran melalui naratif lisan ini banyak menekankan beberapa aspek yang mampu memberi kesedaran dan didikan yang boleh diamalkan dalam kehidupan. Sebagai impak, didikan ini dapat diterapkan kepada generasi muda terutama dari golongan kanak-kanak untuk pembentukan awal keperibadian yang mulia sehingga mereka dapat mengekalkan tingkah laku yang baik apabila meningkat dewasa.

Akhir sekali, kebudayaan yang dimiliki oleh masyarakat Melayu mampu mengekalkan sebuah ketamadunan yang telah terbina berbanding masyarakat yang tidak mempunyai kebudayaan. Hal ini dikatakan demikian kerana, naratif lisan merangkumi salah satu sebab tersebarnya penyebaran budaya yang sangat pesat sehingga berkembang ke seluruh pelusuk dunia. Hal ini, penggunaan bahasa yang indah dan mudah difahami

memudahkan kebudayaan ini tersebar dan dikenali sehingga ke seluruh pelusuk dunia. Oleh sebab itu, ini salah salah satu punca bahawa naratif lisan ini sangat dijaga sebaik mungkin oleh masyarakat Melayu kerana mengandungi makna-makna yang mendalam yang dipenuhi dengan nilai-nilai murni dan intipati moral yang memberi kesan positif kepada yang mengamalkannya dalam kehidupan. Secara tidak langsung, masyarakat Melayu merupakan generasi yang sangat bertuah kerana memiliki dan mewarisi khazanah yang sangat bernilai yang diturunkan daripada nenek moyang dan amalan ini juga akan sentiasa diterapkan dari satu generasi kepada satu generasi untuk mengukuhkan ketamadunan yang telah dibina.

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

### 5.3 Cadangan

Dalam topik cadangan ini, terdapat beberapa perkara yang ingin dicadangkan oleh pengkaji. Berdasarkan analisis dan dapatan kajian yang diperolehi semasa menjalankan kajian ini, pengkaji mendapati bahawa nilai-nilai murni yang diketengahkan ini dapat membentuk keperibadian yang mulia kepada seseorang yang mengamalkannya. Oleh itu, pengkaji telah mengusulkan yang bersesuaian yang dapat mempengaruhi generasi muda. Antara cadangan yang dikemukakan ialah memupuk nilai-nilai murni dalam kalangan kanak-kanak untuk membentuk keperibadian awal kerana kanak-kanak mudah untuk dipengaruhi disebabkan pemikiran yang masih tidak meluas. Hal ini dikatakan demikian kerana, guru-guru di sekolah atau ibu bapa di rumah boleh menceritakan kisah-kisah tauladan kepada kanak-kanak agar nilai-nilai murni yang cuba disampaikan dapat diterima oleh kanak-kanak tersebut. Cara penceritaan kreatif dapat menarik minat kanak-kanak untuk mengetahui tentang kisah-kisah tauladan yang lain. Selain itu, melalui tingkah laku pergaulan dan pertuturan guru-guru mahupun ibu bapa dapat menerapkan kepada kanak-kanak yang sedang membesar kerana mereka lebih suka mengikuti setiap apa yang berlaku di hadapan mereka. Hal ini, tingkah laku pergaulan dan pertuturan yang baik dan sopan akan membentuk kanak-kanak untuk melakukan hal yang sama. Secara tak langsung, ianya dapat mendidik dan mengajar kanak-kanak untuk berkelakuan baik dengan orang sekeliling. Cadangan seterusnya ialah penggunaan media digital untuk menerapkan nilai murni dalam masyarakat. Teknologi yang wujud mengikut peredaran zaman sangat membantu untuk melebarkan dan meluaskan ilmu-ilmu pengetahuan. Dengan ini, nilai-nilai murni juga dapat diselitkan melalui penggunaan media digital. Sebagai contoh, melaksanakan pembaharuan mengenai cerita-cerita rakyat melalui media digital seperti animasi untuk menarik minat masyarakat tanpa mengira usia. Cerita-cerita rakyat yang dianimasikan ini mengandungi nilai-nilai di dalamnya sedikit sebanyak dapat menarik minat penonton untuk menjadi lebih baik berdasarkan pengajaran yang ditonjolkan di hujung penceritaan melalui tingkah laku yang diamalkan mengikut nilai-nilai murni itu.

Cadangan selanjutnya ialah melaksanakan pertandingan penciptaan puisi tradisional untuk mengembangkan serta menerapkan nilai-nilai murni kepada masyarakat. Dengan adanya pertandingan ini masyarakat boleh mengasah bakat terpendam dalam diri. Penciptaan puisi tradisional ini dapat membantu peserta yang bertanding untuk menghasilkan karya-karya yang mengandungi nilai murni. Oleh itu, peserta akan cuba untuk memikirkan idea tentang nilai-nilai murni serta kebaikannya untuk diaplikasikan dalam puisi tradisional. Secara tidak langsung, daripada hanya berfikiran dapat membantu peserta untuk mengetahui tentang nilai-nilai murni yang ada pada sesebuah karya untuk diaplikasikan dalam kehidupan. Perkara ini dapat menjerat peserta tentang kebaikan dan manfaat sekiranya mengamalkan nilai-nilai ini dalam kehidupan seharian. Hal ini, sedikit sebanyak dapat mempengaruhi peserta untuk mendidik diri dalam melaksanakan nilai-nilai murni dalam kehidupan. Bukan itu sahaja, penciptaan puisi tradisional ini juga dapat memberi kesedaran bahawa banyak nilai-nilai murni yang telah diterapkan dalam kehidupan sejak zaman dahulu lagi sehingga terbentuknya sebuah tamadun yang utuh dan nilai-nilai murni ini dikatakan sudah sebatи dengan kehidupan. Puisi tradisional adalah hiburan untuk nenek moyang dahulu yang kaya dengan nilai-nilai murni terhadap peristiwa yang berlaku di sekeliling. Penciptaan puisi tradisional ini adalah kebanyakannya secara semula jadi untuk mengisi masa lapang. Pada masa kini, puisi tradisional ini masih lagi berkembang dan menjadi pengajaran kepada masyarakat berdasarkan peristiwa-peristiwa yang terkandung di dalamnya.

#### 5.4 Penutup

Sebelum pena diskusi melabuhkan noktahnya, dalam kajian yang dijalankan bertajuk *Transkripsi Puisi Melayu Dalam Cerita Rakyat Melayu Berdasarkan Teks Seuntaian Naratif Lisan Di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan: Satu Analisis Nilai-Nilai Murni* ini dapat memberi kesan kepada masyarakat melalui nilai-nilai murni yang diketengahkan kerana mampu mempengaruhi masyarakat untuk menerapkan dan menjadikan nilai-nilai murni amalan seharian. Secara tidak langsung, nilai-nilai ini mampu mengukuhkan ketamadunan yang telah terbina sejak sekian lama. Dalam kajian ini pengkaji telah menyatakan beberapa cadangan yang bersesuaian sebagai salah satu usaha untuk mengembangkan lagi nilai-nilai murni ini dalam kalangan masyarakat. Antara cadangan yang telah dicadangkan oleh pengkaji ialah memupuk nilai-nilai murni dalam kalangan kanak-kanak untuk mendidik dan menerapkan segala nilai-nilai murni untuk pembentukan keperibadian yang mulia kerana mudah untuk dipengaruhi. Selain itu, penggunaan media digital sebagai usaha untuk melakukan transformasi mengikut peredaran zaman bagi menarik minat masyarakat terutama golongan muda dengan menganimasikan cerita-cerita rakyat. Seterusnya pertandingan penciptaan puisi tradisional dilaksanakan bertujuan untuk mengasah bakat serta mempelajari nilai-nilai murni yang terkandung dalam puisi tradisional yang memberi manfaat untuk diterapkan dalam kehidupan. Kesimpulannya, masyarakat Melayu sememangnya memiliki dengan nilai-nilai murni sebagai budaya kehidupan bagi mengukuhkan sebuah tamadun yang terbina dari zaman nenek moyang. Nilai-nilai ini juga mampu membentuk masyarakat mempunyai keperibadian yang baik dan mulia demi membangunkan sebuah kehidupan yang harmoni dan sejahtera.

## RUJUKAN

- Aboebakar Atjeh (1988). *Akhlaq dalam Islam*. Edisi Ketiga. Kota Bharu: Pustaka Alam.
- Ahmad Yunus, Rosyadi & Tatik Kartikasari (1990). *Kajian Analisis Hikayat Budistihara*. Jakarta: Depdikbud.
- Andi Purwanto (2014). *Analisis Isi dan Fungsi Cerita Prosa Rakyat di Kanagarian Koto Besar, Kab. Dharmasraya*. (Online), diakses 16 Jun 2015.
- Ani Omar (2005). *Citra Manusia Dan Kemanusiaan Dalam Puisi Melayu Moden Di Malaysia*. Tesis Ijazah Doktor Falsafah, Fakulti Bahasa Moden Dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia. Selangor
- Anita Nurhayati (2017). Medan Makna Verba â€œmenyentuhâ€ Dalam Bahasa Melayu Dialek Sambas. *Jurnal Pendidikan Dan Pembelajaran Khatulistiwa*, 6(9).
- Asniza Zakaria (2019). Mahsuri Dan Puteri Lindungan Bulan, Lagenda Kedah Dan Motif Darah Putih. *Jurnal IPDA*, (26).
- Ayu Nor Azilah Mohamad, Wayu Nor Asikin Mohamad & Mohamed Ali Haniffa (2021). Untaian Pantun Oleh Merak Dalam Hikayat Isma Yatim. *E-Jurnal Bahasa dan Linguistik (e-JBL)*, 3(1), 1-17.
- Che Abdullah Che Ya (2018). Manifestasi Kehidupan Masyarakat Melayu Dalam Bedar Sukma Bisu Daripada Perspektif Pengkaedahan Melayu. *Jurnal Melayu*, 2(17).
- Feaz Huzaini Ramleh & Humin Jusilin (2018). Unsur Spiritual Dalam Karya Catan Pelukis Sabah Sabrina Majuakim. *Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah*, (2), 256-273.
- Fifi Rinyuk (2017). *Nilai-nilai Moral Dalam Cerita-Cerita Rakyat Kaum Bidayuh, Serian*. Tesis Ijazah Sarjana Pendidikan, Fakulti Bahasa dan Komunikasi Universiti Pendidikan Sultan Idris, Perak.
- Florina Jumil & Norjetta Julita (2017). Nilai Pendidikan Dalam Tangon-Tangon Masyarakat Kadazandusun. *PENDETA Journal of Malay Language, Education and Literature*, (8), 36- 46.
- Ghazali Din & A. Halim Ali (2020). Naluri Kemasyarakatan Mengangkat Keunggulan Kepengarangan Muhammad Hj Salleh Terhadap Pembangunan Minda Bangsa Melayu. *Rumpun Jurnal Persuratan Melayu*, 8(1), 26 - 41.
- Hadijah Johari, Nor Shahida Mohd Shaker & Farra Humairah Mohd (2020). Aplikasi Teori Pengkaedahan Melayu Dalam Kumpulan Cerpen Melamar Rindu Oleh Osman Ayob Melalui Dakwah Islamiah. *Jurnal Dunia Pengurusan*, 2(4), 1-11.
- Harimurti Kridalaksana (2001). "Kamus Lingusitik". Jakarta: Gramedia.
- Hashim Awang (1989). *Budaya dan Kebudayaan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Hashim Awang (1994). *Pengkajian Sastera: Pengkaedahan Melayu dalam pengarang, Teks dan Khalayak* (Sahlan Mohd. Saman, Ed.). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hashim Awang (1999). Teori Sastera Sendiri Pengkaedahan Melayu. Seminar *Kolokium Membina Teori Sastera Sendiri*. Subang USJ, 19-20 September.
- Hashim Awang (2002). Teori Pengkaedahan Melayu dan Prinsip Penerapannya. Seminar *Bengkel Kajian Teori Sastera Melayu*. Riviera Bay Resort, 20-23 Jun.
- Hashim Musa (2008). *Hati Budi Melayu: Pengukuhan Menghadapi Cabaran Abad ke-21*. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia. Selangor.
- Hazrul Mazran Rusli & Abdul Aziz Zali (2020). Adaptasi Kesusasteraan Rakyat (Cerita Si Luncai) Dalam Karya Seni Cetakan. *IDEALOGY*, 5(1), 43-56.
- I Wayan Koyan (2014). Metodologi Penelitian Kualitatif. *UNDIKSHA Singaraja*.
- Imam Ghazali (1991). *Akhlaq Seorang Muslim* (Abu Laila & Muhammad Tohir, Ed.). Kuala Lumpur: Victory Agency.
- Ismail Hamid (1988). *Perkembangan Kesusasteraan Melayu Lama*. Petaling Jaya: Longman.
- Jamail Masador, Abdul Halim Ali & Azhar Wahid (2021). Nilai Kepahlawanan Dalam Tangon Terpilih Suku Kimaragang Di Sabah: Heroism Values In Selected Tangon Of The Kimaragang Community in Sabah. *MANU Jurnal Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa (PPIB)*.
- James Danandjaja (2007). *Folklor Indonesia, Ilmu Gosip, Dongeng dan Lain-Lain*. Jakarta: Pustaka Utama Grafiti.
- Johari Yahaya (2015). *Pantun peribahasa Melayu: Analisis Daripada Perspektif Teori Pengkaedahan Melayu*. Tesis Ijazah Sastera, Universiti Sains Malaysia, Penang.
- Jumali Selamat (2001). *Nilai-Nilai dalam Pantun Melayu*. Tesis Ijazah Sarjana Muda. Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia, Selangor.
- Kamus Dewan. (4<sup>th</sup>.ed). (2007). Selangor: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamus Dewan (2016). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamus Dewan (2017). Selangor: Oxford Fajar Sdn. Bhd.
- Mahyuddin (2017). *Merancang Pernyataan Masalah*. Universitas Sumatera Utara: Fakultas Ilmu Komputer dan Teknologi Informasi (Fasilkom-TI).
- Mohd Ali Hashimi (1992). *Keperibadian Muslim*. Kuala Lumpur: Pustaka Salam Sdn.Bhd.
- Mohd Fahmi Ismail, Salmah Jan Noor Muhammad & Mohd Sharifudin Yusop (2015). Cerita Rakyat Melayu: Suatu Analisis Pancaran Jati Diri Masyarakat Melayu Sebagai Cerminan Kebudayaan Melayu. *International Journal of Language Education and Applied Linguistics*.

- Mohd Fahmi Ismail & Mohd Firdaus Che Yaacob (2018). Nilai Budaya Dalam Cerita Rakyat Masyarakat Orang Asli Temiar Gua Musang, Kelantan: Satu Pengaplikasian Sastera Warisan. *International Journal Of Creative Future And Heritage (Teniat)*, 6(2), 101-120.
- Mohd Firdaus Che Yaacob (2015). *Nilai-Nilai Murni Dalam Seuntai Himpunan 366 Cerita Rakyat Malaysia*. Tesis Sarjana Sastera. Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi. Universiti Putra Malaysia, Selangor
- Mohd Firdaus Che Yaacob (2015). *Seuntai Nilai-Nilai Murni Dalam Himpunan 366 Cerita Rakyat Di Malaysia*. Tesis Sarjana Muda Sastera, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Univeristi Putra Malaysia, Selangor.
- Mohd Firdaus Che Yaacob (2018). *Nilai-Nilai Murni Dalam Naratif Lisan Di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan: Satu Penelitian Pengkaedahan Melayu*. Tesis Ijazah Doktor Falsafah. Universiti Malaysia Kelantan, Kelantan.
- Mohd Firdaus Che Yaacob (2021). *Seuntaian Naratif Lisan Di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan*. Penerbit: UMK Press, Kelantan.
- Mohd Firdaus Che Yaacob (2021). *Nilai-Nilai Murni Dalam Naratif Lisan Di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan: Satu Penelitian Pengkaedahan Melayu*. Penerbit: UMK Press, Kelantan.
- Mohd Firdaus Che Yaacob (2021). Cerita Rakyat Sebagai Simbol Kekayaan Nilai Ketamadunan Masyarakat Melayu. *Jurnal Peradaban Melayu*, 16(2), 1-12.
- Mohd Firdaus Che Yaacob (2021). Nilai-Nilai Murni Dalam Cerita Cik Siti Wan Kembang. *Jurnal Pertanika MAHAWANGSA*, 8(1).
- Mohd Firdaus Che Yaacob & Nasirin Abdillah (2017). Panerapan Nilai Murni Dalam Cerita Rakyat Melayu Suatu Aplikasi Teori Pengkaedahan Melayu: Analisis Nilai Kasih Sayang Dan Nilai Keadilan Dalam Masyarakat Melayu. *International Journal Of Creative Future And Heritage (Teniat)*, 5(2), 94-107.
- Mohd Firdaus Che Yaacob & Nasirin Abdillah (2017). Penggunaan Multimedia Ke Arah Memartabatkan Cerita Rakyat Masyarakat Melayu. *International Journal Of Creative Future And Heritage (Teniat)*, 5(2), 21-35.
- Mohd Firdaus Che Yaacob & Nasirin Abdillah (2018). Penerapan Konsep Menjana Minda Melalui Falsafah Pendidikan Kebangsaan Terhadap Masyarakat Melayu dalam Cerita Rakyat Melayu. *International Journal of Creatives Futures and Heritage (IJCFH)*. 5 (2), 91-97.
- Mohd Firdaus Che Yaacob & Nasirin Abdillah (2018). Penerapan Konsep Menjana Minda Melalui Falsafah Pendidikan Kebangsaan Terhadap Masyarakat Melayu Dalam Cerita Rakyat Melayu. *International Journal Of Creative Future And Heritage (Teniat)*, 6(1), 117-134.
- Mohd Firdaus Che Yaacob, Nasirin Abdillah, Muhammad Izani Ab. Ghani, Shahariah Norain Shaharuddin dan Siti Nur Anis Apandi (2017). Cerminan Moral Positif dalam Cerita-cerita Rakyat Melayu. *International Journal of Language Education and Applied Linguistics*.

- Mohd Firdaus Che Yaacob & Normaliza Abd Rahim (2016). Nilai Baik Hati Menerusi Cerita Rakyat Melayu Terhadap Masyarakat Melayu Suatu Aplikasi Teori Pengkaedahan Melayu. *Journal Of Business And Social Development*, 4(2), 45-57.
- Mohd Nazri Abdul Rahman, Mariani Md Nor, Romli Darus, Ahmad Shobry Mohd Noor, Arun Daud, Rinau Lintang & Nor Asiah Muhamad (2017). Cerita Rakyat Orang Asal Sabah Sebagai Medium Pembelajaran Asas Literasi: Analisis Keperluan. *Juku: Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik*, 5(4), 26-30.
- Mohd Nazri Abdul Rahman, Aishah Abdul Malek & Muhammad Asyraf Mansor (2021). Pedagogi Responsif Budaya Menerusi Cerita Rakyat Untuk Kemahiran Literasi Awal Kanak-Kanak: Culturally Responsive Pedagogy Through Folk Tales for Early Childhood Literacy Skills. *Sains Insani*, 6(1), 91-98.
- Mohd Taib Osman. (1976). Pendokumentasian Sastera Rakyat dan Sastera Daerah Malaysia. *Dewan Sastera*. 7: 39-41.
- Muhammad Izzat Farhan Mohamad (2021). Kedinamikan Citra Masyarakat Dalam Novel-Novel Remaja Terpilih: Satu Penelitian Pendekatan Kemasyarakatan (Doctoral dissertation, Universti Malaysia Kelantan (UMK)).
- Muhammad Nur Al-Hakim Mohamad Hanafiah & Mohd Firdaus Che Yaacob (2020). Nilai-nilai Islam Dan Pembentukan Akhlak Dalam Cerita Rakyat Melayu. *International Journal of Language Education and Applied Linguistics (IJLEAL)*.
- Muhammad Nur Al-Hakim Mohamad Hanafiah dan Mohd Firdaus Che Yaacob (2021). Nilai-Nilai Kemanusiaan dalam Cerita Lisan: Satu Penelitian Takmilah. *PENDETA: Journal of Malay Language, Education and Literature*, 12(1), 11-25.
- Muhammad Nur Al-Hakim Mohamad Hanafiah & Mohd Firdaus Che Yaacob (2021). Penemuan Nilai-Nilai Islam Dalam Cerita Lisan Melayu: Satu Penelitian Terhadap Pendekatan Karya Dan Khalayak. *Jurnal Melayu*, 20(1).
- Muhammad Nur Al-Hakim Mohamad Hanafiah & Mohd Firdaus Che Yaacob (2021). Nilai-Nilai Islam Terhadap Pembentukan Sosiobudaya Kanak-Kanak Menerusi Cerita Rakyat Melayu. *Jurnal Pertanika MAHAWANGSA*, 8(2).
- Muhammad Qawiem Hamizan, Abdul Walid Ali & Ahmad Kamal Basyah Sallehuddin (2021). Dokumentasi Tradisi Lisan dalam Cerita Rakyat untuk Orang Melayu di Sarawak untuk Persembahan Teater. *Advances in Humanities and Contemporary Studies*, 2(2), 34-41.
- Muhammad Safuan Ismail, Roslina Abu Bakar & Nik Rafidah Nik Muhammad Effendy (2018). Cerita Jenaka Melayu Suatu Manifestasi Watak Dan Perwatakan Positif. *Jurnal Melayu Sedunia*, 1(1), 296-329.
- Muhammad Zaid Daud & Mary Fatimah Subet (2021). Naratif Puteri Santubong dan Puteri Sejinjang Mempertalikan Politik Tempatan: Analisis Pragmatik. *Issues in Language Studies*, 10(1), 110-130.

- Mustafa Daud. (1991). *Bahasa dalam Tamadun Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nadia Ishak & Kamariah Kamarudin (2019). Aspek dakwah dalam Novel Suriati Berdasarkan Pendekatan Dakwah Teori Pengkaedahan Melayu. *Malay Literature*, 32(1), 116-144.
- Nadia Ishak & Kamariah Kamarudin (2019). Pendidikan Anak-Anak Menerusi Surah Luqman Dalam Novel Ayahanda: Child Education Through Surah Luqman In Ayahanda Novel. *Manu: Jurnal Pusat Penataran Ilmu Dan Bahasa (Ppib)*, 103-129.
- Nazri Atoh, Saipolbarin Ramlie, Zamri Ariffin & Zubir Idris (2020). Konsep Puisi Tradisional Antara Kesusastraan Arab Dengan Kesusastraan Melayu. *SIBAWAYH Arabic Language and Education*, 1(1), 1-15.
- Nisar Mohammad Ahmad (2020). Definisi Melayu Dalam Perlembagaan Malaysia Dan Kesannya Terhadap Kefahaman Dan Amalan Ajaran Islam Di Malaysia: The Definition of Malay on Malaysian Constitution and Its Effect Towards Islamic Understanding and Practice in Malaysia. *Sains Insani*, 5 (2), 9-16.
- Noraini Abd Shukor (2016). *Padi Dan Air Sebagai Tanda Dalam Peribahasa Melayu: Pendekatan Firasat*. Tesis Sarjana Muda Pengajian, Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Norita Ariffin (2006). *Nilai-Nilai Budi Masyarakat Melayu dalam Pantun*. Tesis Sarjana Sastera, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia, Selangor.
- Nor Hashimah Jalaluddin (2014). *Semantik Dan Akal Budi Melayu*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Normaliza Abd Rahim, Hazlina Abdul Halim, Roslina Mamat & Nor Shahila Mansor (2016). Wacana cerita rakyat Melayu dalam kalangan pelajar Korea. *Jurnal Kemanusiaan*, 14(1).
- Noorzatulhidayah Mohd Hanipah, Daeng Haliza Daeng Jamal & Nasririn Abdillah (2021). Ritual Dalam Cerita Rakyat Di Mukim Bebar, Pekan, Pahang, Malaysia. *International Journal Of Creative Future And Heritage (Teniat)*, 9(1), 18-29.
- Nur Ezzatull Fadtehah Hедel & Mary Fatimah Subet (2020). Peristiwa Aneh Dalam Cerita Rakyat "Hikayat Nakhoda Muda": Analisis Semantik Inkuisitif. *Asian People Journal (Apj)*, 3(2), 147-160.
- Nur Shahirah Othman (2020). *Akal Budi Orang Melayu Dalam Cerita Rakyat Himpunan 366 Cerita Rakyat Malaysia: Satu Pengaplikasian Teori Pengkaedahan Melayu*. Tesis Ijazah Master Sastera, Fakulti teknologi Kreatif dan Warisan, Universiti Malaysia Kelantan, Kelantan.
- Nur Syazwani Bederohisam & Zubir Idris (2020). Syair Suka Duka Dalam Pelayaran Ke Mekah: Satu Analisis Pengkaedahan Keagamaan. *Jurnal Melayu*, 19(2).

Nurul Hamiza Nodzari & Kamarul Azmi Jasmi (2012). *Kajian Teks Sifat Beradab Dari Perspektif Pendidikan menurut Al-imam Al-nawawi Dalam Kitab Riyad Al-salihin* (Doctoral dissertation, Universiti Teknologi Malaysia).

Nurul Nasuha Mohd Rosle & Zubir Idris (2018). Hikayat Nabi Adam: Satu Kajian Teks dan Analisis Berdasarkan Pengkaedahan Keagamaan. *Jurnal Wacana Sarjana*, 2(2), 1-15.

Nurul Safiah Ab. Rahim (2020). *Nilai-Nilai Kepahlawanan Menerusi Sajak-Sajak Terpilih Dalam Antologi Suara Wirawan Negara Bangsa karya Ramli Abdul Halim: Satu Pengaplikasian Teori Pengkaedahan Melayu*. Tesis Ijazah Master Sastera, Fakulti teknologi Kreatif dan Warisan, Universiti Malaysia Kelantan, Kelantan

Osman Ayob, Roslan Chin & Tuan Rusmawati Raja Hassan (2020). Analisis Dakwah Dalam Cerpen-Cerpen Terpilih Rejab Fi. *RUMPUN JURNAL PERSURATAN MELAYU*, 8(2), 49-59.

Penelope Brown & Stephen C. Levinson (1987). *Politeness: Some Universals in Language Usage*. Cambridge: Cambridge University Press.

Pg haji Yakup Pg Ahmad & Mohamad Mokhtar Abu Hassan (2018). Sajak-Sajak Badaruddin Ho Bertemakan Ketuhanan: Analisis Pendekatan Dakwah. *Jurnal Pengajian Melayu (Jomas)*, 29(1), 156-180

Qurratul 'Ain Abdul Rahim & Mawar Safei (2018). Introspeksi Puisi 77 Tuju: Siri Ingatan Kepada Kawan. *Jurnal Wacana Sarjana*, 2(4), 1-15.

Rahimah Hamdan & Alya Batrisyia Annuar (2020). Perspektif "Melayu Malas Dan "Melayu Bodoh" Oleh Barat Serta kebenarannya Berdasarkan Cerita Jenaka Melayu. *Jurnal Dunia Pengurusan*, 2(3), 71-82.

Roslina Abu Bakar & Aone Van Engelenhoven (2016). Alam Dan Budaya Masyarakat Melayu Dalam Hikayat Pelanduk Jenaka. *Jurnal Kesidang*, 1(1), 20-49.

Rosmani Umar, Md Sidin Ahmad Ishak & Siti Ezaleila (2019). Daripada Cetak kepada Digital: Rekonstruksi Cerita Rakyat Di Malaysia. Melayu: *Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu*. 12(2), 291-319.

Ruth Kempson (1986). *Ambiguity Ang The Semantics And Pragmatics Distinction*. In C. Travis (Ed.), *Meaning And Interpretation*. Oxford: Basil Blackwell.

Samsudin A. Rahim. (2001). Media Dan Identiti Budaya: Membangunkan Industri Kandungan Tempatan Yang Berdaya Tahan. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal Of Communication* (17), 67-80.

Sesilia Seli (2018). *Kearifan tempatan dalam cerita rakyat Dayak Kanayatn: Kajian Hermeneutik*. Tesis Ijazah Doktor Falsafah, Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

Shaiful Bahri Md. Radzi (2015). Si Tanggang Moden Dan Perubahan Makna Dalam Cerita Bermotifkan Anak Derhaka. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal Of Communication*, 31(2).



- Siti Aishah Jusoh, Mohd Firdaus Che Yaacob & Nasirin Abdillah (2021). Unsur Spiritual Dalam Cerita Lisan Melayu. *PENDETA: Journal of Malay Language, Education and Literature*, 12(2), 67-79.
- Siti Fatimah Mamat, Roslina Abu Bakar & Arbai'e Sujud (2019). Kisah Sang Kancil Dan Memerang Sebagai Penerapan Kepimpinan Dalam Kalangan Kanak-Kanak. *Jurnal Kesidang*, 4(1), 77-89.
- Siti Hawa Salleh (1998). *Hikayat Merong Mahawangsa*. Kuala Lumpur: Yayasan Karyawan & Penerbit Universiti Malaya.
- Siti Rabiatul Adawiah Jaffar (2013). *Nilai-Nilai Murni dalam Komik Upin dan Ipin Suatu Gambaran Kebudayaan Melayu*. Tesis Sarjana Muda, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia, Selangor.
- Siti Zuhaidah Zakeria & Nik Rafidah Nik Muhammad Affendi (2015). Konflik Dalam Cerita Rakyat Dan Kesannya Kepada Kanak-Kanak. *PENDETA Journal of Malay Language, Education and Literature*, 5, 185-206.
- Siti Zuhaidah Zakeria (2015). *Gaya Penyampaian Cerita Rakyat Melayu Terpilih dalam Majalah Dewan Pelajar*, Tesis Ijazah Sarjana Master Sastera, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia, Serdang.
- Siti Zuhaidah Zakeria & Nik Rafidah Nik Muhammad Affendi (2016). Kesinambungan Warisan Budaya Masyarakat Melayu Pantai Timur Dalam Cerita Rakyat Untuk Kanak-Kanak. *Jurnal Antarabangsa Alam dan Tamadun Melayu (Iman)*. 4 (1), 93-103.
- Suhaini Md Noor & Mohd Faizal Musa (2021). Fungsi Makanan Dalam Interaksi Sosial Masyarakat Melayu: Satu Kajian Teks Cerita Rakyat. *International Journal of the Malay World and Civilisation*, 9 (2), 59-67.
- Sultan Takdir Alisyahbana (1971). *Puisi Lama*. Petaling Jaya: Zaman Baru Ltd.
- Syaidul Azam Kamarudin & Arbai'e Sujud (2017). Jati Diri Melayu dalam Kumpulan Puisi Terpilih A. Aziz Deraman: Analisis Teori Pengkaedahan Melayu. *International Journal of Language Education and Applied Linguistics*.
- Syed Muhammad Naquib Al-Attas. (2001). *Risalah Untuk Kaum Muslimin*. Kuala Lumpur: Institut Antarabangsa Pemikiran dan Tamadun Islam.
- Tajul Ariffin Noordin & Nor'Aini Dan. (1992). *Pendidikan dan Wawasan 2020*. Kuala Lumpur: Arena Ilmu Sdn. Bhd.
- Thamrin (2018). *Antropologi Melayu (1st ed.)*. Yogyakarta: Kalimedia.
- Tuan Siti Nurul Suhadah Tuan Adnan & Mohd Firdaus Che Yaacob (2020). Akal Budi Dalam Naratif Lisan Penduduk Kota Bharu, Kelantan: Satu Penelitian Kemasyarakatan. *Pendeta: Journal Of Malay Language, Education And Literature*, 11(2), 126-140.
- Wan Marzuki Wan Mohd Noor (2010). *Nilai Murni dalam Novel Imam*. Tesis Sarjana Sastera, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia, Selangor.

Wan Muhammad Aiman Wan Aziz (2018). *Cerminan Pemikiran Masyarakat Melayu yang Terpilih dalam Teks Himpunan 366 Cerita Rakyat di Malaysia*. 2015. Tesis Ijazah Sarjana Muda, Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan, Universiti Malaysia Kelantan, Kelantan.

Wilfridus Joseph Sabarija Poerwadarminta (1985). *Kamus Besar Bahasa Indonesia*. Jakarta: Balai Pustaka.

Yosef Yapi Taum (2011). *Studi Sastra Lisan: Sejarah, Teori, Metode dan Pendekatan disertai Contoh Penerapannya*, Yogyakarta: Penerbit Lamalera.

Zurinah Hassan (2001). *Penggunaan Unsur Alam Sebagai Perlambangan Dalam Puisi Melayu Modern*. Tesis Master Sastera, Fakulti Bahasa Modern dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia, Selangor.

Zaitun Hassan (2015). *Manifestasi Citra Alam Dalam Novel Ombak Bukan Penghalang: Suatu Penelitian Firasat Melayu*. Tesis Sarjana Sastera, Fakulti Pengajian Bahasa Melayu Kontemporari, Universiti Utara Malaysia, Kedah.

## LAMPIRAN

Syair *Disorok Jin*

Alkisah cerita dahulu kala,  
Seorang lelaki, Ahmad namanya,  
Sangat dikenali nakal perangainya,  
Rakan diusik tak kira masa.

Otak geliga niat bercanda,  
Nakalnya tidak berpada-pada,  
Peristiwa buruk telah menimpa,  
Kerana sikap hidup binasa.

Bersatu teguh sesama manusia,  
Perasaan hiba atas kehilangan,  
Belas kasihan kepada keluarga,  
Telah sirna diculik siapa.

Bersepakat tanpa rasa mengeluh,  
Tersentuh hati ibunya luluh,  
Mengelilingi bumi sudah pun jauh,  
Akhirnya jumpa ditelan buluh.

(Putri Nur-Anis Balqis Binti Yazik, 2021)

UNIVERSITI  
—  
MALAYSIA  
—  
KELANTAN

Syair *Bidan Tok Haji Esah*

Tersebutlah kisah dahulu kala,  
Bidan Tok Haji Esah jadi cerita,  
Sungguh sikapnya sangat mulia,  
Menjadi kesenangan rakyat jelata.

Sikap pemurah amalan mulia,  
Berkongsi harta kepada semua,  
Sedia berkhidmat kepada semua,  
Mengukir senyuman sampai telinga.

Sikap pemurah dalam diri,  
Sedia membantu tak meninggi diri,  
Baik hati sikap jati diri,  
Membina ukhwah yang sejati.

Sikap pemurah tak kira siapa,  
Beri pertolongan kepada semua,  
Jangan kedekut harta benda,  
Itu semua pinjaman dunia.

(Putri Nur-Anis Balqis Binti Yazik, 2021)

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

Syair *Kepesatan Pengkalan Datu*

Dengarlah cerita wahai sahabat,  
Kisah ragam Pengkalan Parit,  
Tempat perdagangan penduduk setempat,  
Pengkalan yang maju dan pesat.

Baik hati dalam hubungan,  
Sikap berkongsi jadi amalan,  
Sesama manusia menjadi kawan,  
Jangan diikutkan sifat baran.

Berselisih faham silap diri,  
Terlalu ikutkan perasaan hati,  
Amarah berkuasa memakan diri,  
Sengketa tercipta kepuasan hati.

Sikap pemaaf amalan mulia,  
Merapatkan ukhwah yang terbina,  
Lupakan sengketa yang tercipta,  
Tak rugi diri tapi bahagia.

(Putri Nur-Anis Balqis Binti Yazik, 2021)

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

*Syair Pemujaan Pantai*

FTKWW

Tersebutlah kisah suatu ketika,  
Sekumpulan nelayan rajin bekerja,  
Berpanas hujan menyara keluarga,  
Hidup senang harus usaha.

Sikap memahami sesama kita,  
Memberi nasihat setiap masa,  
Walau di mana kita berada,  
Dunia bukan kita empunya.

Jauh belseyar sampai teluk,  
Saling hormat sesama makhluk,  
Hindari dari perkara buruk,  
Takut menjadi insan terkutuk.

Pesanan ini aku coretkan,  
Untuk menjadi sebuah pegangan,  
Pesanan ini engkau sebarkan,  
Manfaat baik jadi tauladan.

(Putri Nur-Anis Balqis Binti Yazik, 2021)

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

Syair Asal Usul Datu

FTKWW

Dengarlah sahabat syairku ini,  
Syair nasihat seikhlas hati,  
Hidup ini perlu berdikari,  
Menempuh dugaan yang menanti.

Bunga yang lebat ditabur baja,  
Orang yang hebat sentiasa usaha,  
Siap sedia buat apa saja,  
Sentiasa berkorban tak kira masa.

Sikap bertanggungjawab dalam diri,  
Memikul amanah yang diberi,  
Arahan diberi akur dituruti,  
Menjalankan kerja dengan teliti.

Jika kerja sambil lewa,  
Pasti hasilnya mendatangkan kecewa,  
Hidup merana tak siapa percaya,  
Terbuang diri tidak berguna.

(Putri Nur-Anis Balqis Binti Yazik, 2021)

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

Syair Keasyikan Suara Buluh Perindu

FTKWW

Tersebutlah kisah dahulu kala,  
Seorang lelaki sebatang kara,  
Kehulu kehilir hutan diteroka,  
Membanting tulang hidup dunia.

Tiada keluarga seorang diri,  
Ajarkan hidup untuk berdikari,  
Menjadi insan jiwa berani,  
Agar hidup dipandang tinggi.

Wahai lelaki.. rajin berusaha,  
Demi kehidupan yang selesa,  
Bangkit diri terus berusaha,  
Kejayaan pasti milikmu juga.

Wahai lelaki.. rajin berusaha,  
Keringat dikerah terhasil istana,  
Penat lelah mengukir gembira,  
Usaha ditabur menjadi nyata.

Rajin berusaha menggapai mimpi,  
Hasrat tercipta jadikan realiti,  
Jangan hanya berangan tinggi,  
Kelak nanti malukan diri.

(Putri Nur-Anis Balqis Binti Yazik, 2021)

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

Syair *Kemasyhuran Pantai Pengkalan Datu*

FTKWW

Tersebutlah kisah zaman dahulu,  
Sebuah pantai Pengkalan Datu,  
Tempat perdagangan yang maju,  
Ramai pedagang berpusu-pusu.

Penduduk setempat berhemah tinggi,  
Berniaga bersama tidak berdengki,  
Jauh sekali merasa iri,  
Percaya pada rezeki llahi.

Sikap beradab sesama manusia,  
Menguatkan lagi hubungan saudara,  
Limpahan rezeki dikongsi bersama,  
Barulah hidup aman bahagia.

Sikap beradab dan bertatasusila,  
Menjaga lisan walau di mana,  
Berhati dalam menutur kata,  
*Kerana mulut badan binasa.*

(Putri Nur-Anis Balqis Binti Yazik, 2021)

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

Syair Nurani Che Him Dalam Masyarakat

FTKWW

Tersebutlah cerita dahulu kala,  
Kisah Che Him saudagar Cina,  
Dipenuhi dengan sikap mulia,  
Memberi kesenangan rakyat jelata.

Beramah mesra kepada semua,  
Tidak memilih budaya dan bangsa,  
Hidup dalam satu negara,  
Sudah menjadi satu keluarga.

Beramah mesra amalan mulia,  
Tidak sompong antara manusia,  
Darjat hanya pandangan dunia,  
Tiada beza antara kita.

Janganlah kita memilih kasih,  
Hidup serumpun jangan tersisih,  
Takut nasib tak terpilih,  
Orang tak sudi hidup pun perih.

(Putri Nur-Anis Balqis Binti Yazik, 2021)

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

Syair Pokok Tanjung Dan Alat Muzik Yang Bisu

Dengarlah kawan satu cerita,  
Ragam kisah orang muda,  
Semangat tinggi lagi bergelora,  
Berhasrat menjadi sang juara.

Didikan keluarga berhemah tinggi,  
Tidak pernah meninggi diri,  
Semangat juang yang tinggi,  
Keutuhan membina jati diri.

Berterus-terang kesilapan diri,  
Agar tetap merendah diri,  
Berterus-terang sifat berani,  
Kesilapan diri jujur diakui.

Jangan ego menguasi diri,  
Takut pula nanti dibenci,  
Tidak mendengar nasihat diberi,  
Belajar untuk muhasabah diri.

(Putri Nur-Anis Balqis Binti Yazik, 2021)

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

Syair *Tenggelamnya Masjid Pengkalan Datu*

FTKWW

Ini cerita zaman dahulu,  
Anak muda di Pengkalan Datu,  
Bersatu hati mencari ilmu,  
Rendah hati hormati guru.

Tua muda saling menghormati,  
Usaha membina ukhwah sejati,  
Bersungguh-sungguh ilmu dicari,  
Agar hidup lebih diberkati.

Hormat-menghormati sesama kita,  
Tidak kira muda dan tua,  
Hubungan bersaudara perlu dijaga,  
Kelak hidup aman sejahtera.

Sikap menghormati amalan mulia,  
Hormat kepada yang lebih tua,  
Jika hormat sudah tiada,  
Kelak nanti orang tak suka.

(Putri Nur-Anis Balqis Binti Yazik, 2021)

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

### *Syair Pemujaan Pantai*

FTKWW

Dengarlah kawan suatu riwayat,  
Kisah tentang sekumpulan sahabat,  
Cakna kepercayaan dan adat,  
Mencari rezeki turun ke laut.

Sikap hormat kepercayaan orang,  
Ikuti pesan pantang larang,  
Penuhi syarat sebelum berdagang,  
Agar hindari sifat malang.

Sikap hormat adat resam,  
Orang dahulu makan garam,  
Semua terjadi pengajaran silam,  
Jika abaikan akan terancam.

Budaya orang jangan pertikai,  
Hormati saja jangan memandai,  
Sikap simbolik jati diri,  
Adat orang jangan kelahi.

(Putri Nur-Anis Balqis Binti Yazik, 2021)

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

Syair Simbolik Rebana

Dengarlah kisah dahulu kala,  
Kampung Pulau Gajah empunya cerita,  
Alkisah tentang golongan raja,  
Bunyi rebana pembuka cerita.

Hormat-menghormati amalan mulia,  
Jati diri yang tercipta,  
Telah tersemat di dalam jiwa,  
Didikan murni rakyat jelata.

Sikap hormat kepada raja,  
Kukuh persaudaraan yang dibina,  
Sudah menjadi tanggungjawab kita,  
Hormat kepada pemimpin negara.

Sikap hormat kepada raja,  
Bersama jaga kedaulatan negara,  
Jadilah rakyat yang berguna,  
Demi kesejahteraan bangsa kita.

Sikap hormat kepada pemerintah,  
Jangan ingkar jangan bantah,  
Takut nanti berpecah belah.  
Negara luar datang menjajah.

(Putri Nur-Anis Balqis Binti Yazik, 2021)

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

Syair Asal Usul Kampung Babong

Dengarlah cerita nenek moyang,  
Kisah dalam Kampung Babong,  
Merungkai peristiwa dalam kampung,  
Seorang pahlawan yang disanjung.

Tok Babong nama dikenali,  
Bertubuh tinggi dan berani,  
Jikalau musuh datang mendekati,  
Bersiap sedia untuk mati.

Berani dalam mempertahan diri,  
Agar hindari diri dianiayai,  
Sikap berani sangat digeruni,  
Musuh berundur tidak berani.

Sifat berani kekuatan diri,  
Menjadi pelindung orang ramai,  
Jikalau diri tidak berani,  
Kelak diri akan disakiti.

(Putri Nur-Anis Balqis Binti Yazik, 2021)

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

### Syair Tok Karim Guru Silat Masyhur

FTKWW

Tersebutlah kisah suatu riwayat,  
Kisah tentang guru silat,  
Tok Karim tokoh diangkat,  
Disanjung tinggi oleh masyarakat.

Sikap berani pendinding diri,  
Melawan musuh yang menghampiri,  
Tidak gentar cekal hati,  
Bertarung nyawa selamatkan diri.

Sikap berani menentang lawan,  
Sentiasa teguh dengan pendirian,  
Apa terjadi tetap bertahan,  
Itulah jati diri orang ilmuan.

Walau diumpan pihak lawan,  
Tetap berani dengan pendirian,  
Matlamat jelas dalam kehidupan,  
Pasti membawa hasil kejayaan.

Pendirian simbolik jati diri,  
Tidak mudah termakan janji,  
Jika tiada pendirian sendiri,  
Menjadi lalang tak kenang budi.

(Putri Nur-Anis Balqis Binti Yazik, 2021)

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

Syair Tentera Bergajah

Alkisah tersebutlah sebuah cerita,  
Pulau Gajah diberi nama,  
Gajah-gajah menjadi tentera,  
Berkhidmat untuk golongan raja.

Raja Petani sungguh berani,  
Sikap bertanggungjawab dan teliti,  
Bijak dalam menyusun strategi,  
Selesaikan masalah yang dihadapi.

Sikap bertanggungjawab pilihan diri,  
Itulah jati diri Raja Patani,  
Gajah sakit dipindah pergi,  
Kesihatan rakyat diambil peduli.

Pemimpin berani disanjung tinggi,  
Kerana tidak pentingkan diri,  
Jikalau hidup pentingkan diri,  
Sudah tentu hidup dikeji.

(Putri Nur-Anis Balqis Binti Yazik, 2021)

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

Syair Haji Long Abdul Rahman

Alkisah cerita dahulu kala,  
Seorang tokoh alim ulama,  
Diberi keajaiban luar biasa,  
Hanya pasu merawat bisa.

Sikap jujur telah dibentuk,  
Diterapkan dalam diri penduduk,  
Bersatu menyelamat raja telunjuk,  
Tanda hormat bukan tunduk.

Amanah tergolong sifat mulia,  
Tidak semua mampu memikulnya,  
Amanah diberi kerana percaya,  
Jadikan ia sebagai rahsia.

Amanah diberi harus ditepati,  
Kerana diri orang percayai,  
Jika amanah engkau mungkiri,  
Sudah tentu engkau dibenci.

(Putri Nur-Anis Balqis Binti Yazik, 2021)

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

Syair Kezaliman Seorang Raja

Tersebutlah kisah dahulu kala,  
Puteri Saadong menurunkan takhta,  
Sultan Abdul Rahim diberi kuasa,  
Menindas rakyat makin berleluasa.

Rakyat tertindas dan diseksa,  
Berkata benar apa yang dirasa,  
Sebagai usaha menuntut bela,  
Hidup aman dan sejahtera.

Berkata benar sifat mulia,  
Menuntut keadilan yang sirna,  
Kekejaman ditentang bersama-sama  
Agar tidak terus teraniaya.

Berkata benar sifat mulia,  
Didikan masyarakat telah berjaya,  
Berbohong dalam berkata-kata,  
Kerana mulut kelak merana.

(Putri Nur-Anis Balqis Binti Yazik, 2021)

Syair *Kegemilangan Pengkalan Datu*

Tersebutlah kisah zaman dahulu,  
Tempat sejarah Pengkalan Datu,  
Berkembang pesat dan maju,  
Pemerintahan yang bersatu padu.

Bersikap jujur dalam kehidupan,  
Ingin capai sebuah kegemilangan,  
Serah saja pada yang berkelayakan,  
Agar wujud sebuah keharmonian.

Didik diri bersikap ikhlas,  
Jasa ditaburi tidak terbalas,  
Bersepakat dalam laksana tugas,  
Matlamat dicapai tujuan jelas.

Jika tiada sikap keikhlasan,  
Membawa diri dalam kehancuran,  
Kemana pergi tiada kawan,  
Orang sekeliling jadi lawan.

(Putri Nur-Anis Balqis Binti Yazik, 2021)

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

Syair Rumah Api Penyelamat Saudagar

Tersebutlah kisah dahulu kala,  
Seorang saudagar yang kaya raya,  
Orangnya baik sopan tutur kata,  
Kaya budi dan kaya harta.

Beramah mesra tak kira siapa,  
Bersatu hati dalam kerjasama,  
Angin kencang laut bergelora,  
Bersepakat untuk selalu bersama.

Sikap tanggungjawab dalam diri,  
Genggam tangan bersatu hati,  
Tidak pernah pentingkan diri,  
Rintangan melanda saling melindungi.

Sikap tanggungjawab dalam diri,  
Harungi bersama cabaran menanti,  
Sikap kerjasama yang diberi,  
Pasti kejayaan sedang menanti.

Jika tidak bersatu hati,  
Sudah tentu akan mati,  
Kerana sikap pentingkan diri,  
Tiada peduli sendiri rugi.

(Putri Nur-Anis Balqis Binti Yazik, 2021)

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

Syair Terhempasnya Zero Fighter Jepun Di Ti Lebar

Alkisah cerita di Ti Lebar,  
Terhempas jet pejuang Zero Fighter,  
Seorang ketua nama Pak Wan Lebar,  
Jasanya dikenang hero sebenar.

Seorang ketua dilantik bersama,  
Sangat bersepakat dalam kerjasama,  
Segala tugas telah dilaksana,  
Kemananan dijaga bersama-sama.

Sikap toleransi dalam masyarakat,  
Bersatu hati hidup sepakat,  
Tolong menolong hidup bermuafakat,  
Alangkah bahagia hidup yang berkat.

Sikap toleransi antara kita,  
Membantu kesusahan siapa saja,  
Saling kerjasama sebulat suara,  
Mencipta kehidupan yang sejahtera.

Jikalau hidup tidak bertoleransi,  
Sudah pasti dipandang keji,  
Andai hidup tak bersatu hati,  
Masalah melanda tiada peduli.

(Putri Nur-Anis Balqis Binti Yazik, 2021)

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

## BIODATA PENULIS



Nama diberi Putri Nur-Anis Balqis Binti Yazik berusia 24 tahun. Dilahirkan pada 15 Julai 1998 di Kuala Terengganu dan menetap di Johor Bahru. Anak pertama daripada empat orang adik beradik yang terdiri daripada dua orang perempuan dan dua orang lelaki. Nama ibu ialah Hamidah Binti Hashim manakala nama bapa ialah Yazik Bin Idris. Pengkaji menerima pendidikan rendah di Sekolah Kebangsaan Felda Kledang dari darjah 1 hingga darjah 6 (2005-2010), pendidikan menengah di Sekolah Menengah Kebangsaan Adela dari tingkatan 1 hingga tingkatan 5 (2011-2015). Seterusnya, pengkaji menerima pengajian pra-universiti di Sekolah Menengah Kebangsaan Adela (2016-2017), dan kini melanjutkan pendidikan di Universiti Malaysia Kelantan dalam bidang Pengajian Warisan dengan kepujian di peringkat Ijazah Sarjana Muda (2018-2022). Matlamat hidup pengkaji ialah menjadi wanita bekerjaya untuk memberi kesenangan kepada keluarga dan membantu masyarakat yang susah.

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN